



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA: Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 1)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 2)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Insurans Luar Pesisir (Pindaan) 2004	(Halaman 14)
Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2004	(Halaman 27)
Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pindaan) 2004	(Halaman 36)
Rang Undang-undang Perbekalan (Penguntungan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004	(Halaman 49)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh,
P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ir. Wong Foon Meng (Dilantik)

- “ Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik)
- “ Datuk Agnes Shim Tshin Nyuk (Dilantik)
- “ Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid (Kedah)
- “ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Tuan Chiam Yong Tee (Perak)
- “ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)
- “ Datin Chong Set Mui (Dilantik)
- “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
- “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae
- “ Puan Halimah binti Hamzah (Pahang)
- “ Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak (Selangor)
- “ Tuan Ismail bin Kasim (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Kalakau bin Untol (Sabah)
- “ Datuk Haji Karim Ghani (Sabah)
- “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan)
- “ Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang (Pahang)
- “ Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar (Dilantik)
- “ Puan Mariah binti Haji Abdullah (Perlis)
- “ Dato Mohamad Taha Ariffin (Sarawak)
- “ Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)
- “ Tuan M. Krishnan (Dilantik)
- “ Datuk M. Ratnam (Dilantik)
- “ Tuan M. Saravanan (Dilantik)
- “ Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
- “ Datuk Nor Azah binti Awin (Wilayah Persekutuan)
- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato' Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
- “ Puan Ooi Siew Kim (Dilantik)

-
- “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
 - “ Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe (Melaka)
 - “ Datin Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
 - “ Tuan R. Sinniah
 - “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
 - “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain
 - “ Puan Hajah Samsiah binti Samsudin (Dipilih)
 - “ Tuan Saravanan a/l Murugan (Dipilih)
 - “ Dato' Dr. S. Vijayaratnam (Dilantik)
 - “ Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
 - “ Puan Siw Chun a/p Eam (Dilantik)
 - “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
 - “ Tuan Tan Cheng Tee (Negeri Sembilan)
 - “ Tuan Udam @ George Adam Talek (Dilantik)
 - “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
 - “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
 - “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
 - “ Tuan Wee Kok Tiong (Dilantik)
 - “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
 - “ Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam (Selangor)
 - “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
 - “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)

DEWAN NEGARA**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Negara**

Zamani bin Haji Sulaiman

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

Pegawai Undang-Undang

Muzalni bin Soid

Penolong Setiausaha

Muhd Sujairi bin Abdullah

Lavinia a/p Vyveganathan

Bazlinda binti Bahrin

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Samsiah binti Mohd. Yusop

Hajah Supiah binti Dewak

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mat Thani

Zaiton binti Yaacob

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Syed Azuddin bin Syed Othman

Hairan bin Mohtar

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Nurziana binti Ismail

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Marzila binti Muslim

Habibunisah binti Mohd. Azir

Mohd. Izhar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS**UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

Mohamed Shahrizan bin Sarif

Alias bin Mohd. Nor

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman

Mazidah binti Mohamed

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

Mejar (B) Mohd Azimi bin Arifin

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman

Sulaiman bin Sirad

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein

Azmi bin Othman

Zafniza binti Zakaria

Hindun binti Wahari

Rozaimah binti Mohamad Ariffin

Mohd. Sidek bin Mohd. Sani

Mazlina binti Ali

Norlaila binti Abdullah Sidi

Ropiah binti Tambi

Suhairi bin Othman

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Selasa, 15 Jun 2004****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****D O A**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT**

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

“14 Jun 2004

**Perutusan daripada Dewan Rakyat
kepada Dewan Negara**

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004; dan
2. Rang Undang-undang Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT”.

URUSAN MESYUARAT

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datin Chong Set Mui** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan adakah rancangan untuk mengiktiraf kelayakan *Unified Examination Certificate (UEC)* untuk memasuki ke universiti-universiti tempatan dalam jangka masa terdekat ini kerana keputusan UEC diterima pakai oleh banyak universiti luar negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kementerian tiada cadangan untuk mengiktiraf *Unified Examination Certificate (UEC)* untuk memasuki ke institusi pengajian tinggi awam walaupun keputusan *UEC* diterima pakai oleh banyak universiti di luar negara, memandangkan *UEC* dikendalikan oleh suatu agensi komuniti dan tidak dinilai oleh penilai yang boleh diiktiraf oleh negara, maka agak sukar untuk IPTA yang merupakan satu agensi awam mengiktirafnya. Terima kasih.

2. **Dato' Omar bin Faudzar** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah pihak kerajaan tidak bercadang untuk membaik pulih rumah-rumah kos rendah yang telah dibina oleh kerajaan sejak 10 hingga 20 tahun dahulu yang hanya mempunyai sebuah bilik tidur sahaja agar ianya lebih selesa untuk diduduki.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Seri Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah membina rumah kos rendah melalui pelbagai program seperti Perumahan Awam Kos Rendah (PAKR), Skim Pertapakan dan Kemudahan Asas (SPKA) dan Program Perumahan Rakyat (PPR) untuk disewa dan untuk dibeli.

Projek-projek yang telah disiapkan akan diserahkan kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk dikawal selia dan diselenggarakan sewajarnya. Tanggungjawab untuk membaik pulih rumah-rumah kos rendah terutamanya rumah-rumah pangsa adalah terletak di bawah tanggungjawab pihak berkuasa negeri atau pihak berkuasa tempatan.

Pihak kementerian bersedia untuk memberi bantuan teknikal dan khidmat nasihat jika mendapat permintaan daripada kerajaan-kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan untuk membaik pulih rumah-rumah pangsa kos rendah. Kerajaan sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan perumahan yang lebih selesa, berkualiti dan mampu dimiliki atau disewa oleh golongan berpendapatan rendah dengan menyediakan rumah kos rendah yang mempunyai keluasan minimum 650 kaki persegi yang mengandungi tiga bilik tidur dan dua bilik air.

Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk merobohkan rumah-rumah pangsa yang mempunyai satu bilik tidur dan membina rumah pangsa yang baru, yang melebihi daripada satu bilik tidur kerana kita tahu bahawa hari ini kerajaan lebih peka dan mahu keluarga yang melebihi daripada tiga atau empat anak, mempunyai lebih daripada dua ataupun tiga bilik. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sama ada kerajaan negeri atau pihak berkuasa tempatan yang tertentu ingin memutus untuk katakan digantikan rumah-rumah pangsa atau rumah kos rendah yang telah pun lama, terpulang kepada sama ada struktur bangunan itu masih kukuh dan boleh diteruskan atau tidak, dan ini memandangkan rumah-rumah pangsa atau rumah kos rendah itu telah dibina dengan begitu lama, kalau boleh digunakan lagi mereka akan teruskan, kalau rasa hendak dibina yang baru, ia perlu mematuhi standard ataupun kepiawaian yang baru di mana saya telah menyatakan sejak tahun 1998 lagi terdapat kedua-dua standard telah ditetapkan oleh kementerian saya, iaitu standard CIS 1 atau *Construction Industry Standard 1* dan CIS 2 di mana keluasan lantai rumah telah ditetapkan, ia mesti di antara 650 kaki persegi hingga 670 kaki persegi dan tidak boleh kurang daripada itu.

Maknanya tidak ada lagi rumah kos rendah yang baru, yang masih satu bilik ataupun keluasan lantainya sempit. Jadi, bagi rumah-rumah yang lama, kalau ia sudah lebih daripada 20 tahun lebih, nampak sudah tidak selamat, bolehlah kerajaan negeri ataupun pihak berkuasa tempatan membuat keputusan sendiri.

Dato' Omar bin Faudzar: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adakah Kerajaan Pusat ataupun kementerian berbincang dengan kerajaan-kerajaan negeri

mengenai rumah-rumah pangsa yang mempunyai satu bilik dengan keluasan lebih kurang 460 kaki persegi hingga 500 kaki persegi sebab ini adalah satu masalah yang paling kita takuti sebab kebanyakan di kawasan-kawasan rumah pangsa yang mempunyai satu bilik dengan keluasan lebih kurang 500 kaki persegi, banyak masalah sosial, masalah-masalah dadah dan kelemahan-kelemahan pendidikan di kawasan-kawasan ini.

Adakah kerajaan ataupun kementerian berbincang dengan kerajaan negeri mengenai masalah-masalah ini?

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang ada rundingan yang formal dan tak formal sentiasa dijalankan terutamanya Majlis Perumahan Negara dipengerusikan oleh Menteri iaitu saya sendiri di mana semua Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Negeri adalah anggota dalam majlis itu telah pun mengadakan rundingan mengenai apa-apa sahaja dasar ataupun garis paduan.

Tadi saya kata, bagi standard perumahan kebangsaan bagi rumah kos rendah telah pun ditetapkan mulai 1998. Maknanya semua kerajaan negeri kena ikut kecuali kelulusan bagi projek-projek perumahan yang sebelum itu. Saya difahamkan ada negeri-negeri tertentu masih bina pada masa itu sebelum tahun 2000 telah diluluskan dengan projek yang keluasan lantainya 500 kaki persegi dan rundingan itu bukan sahaja diadakan, apabila garis panduan sudah dikeluarkan adalah menjadi kewajipan kerajaan-kerajaan negeri mematuhi garis panduan yang tersebut.

3. Tuan Hassan bin Haji Shukri minta Perdana Menteri menyatakan jumlah generasi kedua FELDA yang berjaya menjadi siswazah dan jumlah generasi kedua yang tidak menjadi petani di FELDA sehingga 2003.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Mustapa bin Mohamed]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Generasi pertama FELDA di 275 rancangan berjumlah 103,156 keluarga FELDA merupakan rancangan penempatan paling berjaya di dunia. Melalui beberapa dasar dan program kerajaan untuk membangunkan kawasan FELDA termasuk pembinaan infrastruktur dan kemudahan asas seperti sekolah dan klinik, ramai anak-anak peneroka telah berjaya.

Mengikut anggaran FELDA, terdapat kira-kira 71,000 anak peneroka yang berumur lebih 20 tahun yang tinggal di kawasan FELDA. Daripada jumlah ini 15% membantu ibu bapa mereka mengerjakan ladang selebihnya bekerja di kilang ataupun bekerja sendiri. Mengenai generasi kedua yang berjaya pula, pada tahun 2003 terdapat seramai 8,005 orang yang telah lulus universiti dan bekerja dalam sektor awam dan swasta. Yang paling ramai ialah guru dan pensyarah 3,196 orang, jurutera 906 orang, eksekutif swasta 596 orang, pegawai tadbir 468, akauntan 380 orang dan doktor 274 orang.

Anak generasi FELDA juga ramai yang menuntut di universiti dan pada tahun lalu (2003) terdapat 9,228 anak FELDA yang belajar di universiti dan pada sesi tahun ini, kira-kira 2,500 anak FELDA telah berjaya memasuki universiti. Kerajaan berpuas hati dengan pencapaian ini dan berharap lebih ramai lagi generasi kedua FELDA akan berjaya.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengemukakan soalan tambahan kerana kita telah diberitahu setiap kali Dewan ini bersidang diberitahu bahawa berbagai program bagi meramaikan lagi generasi kedua meneruskan kerjaya mereka mengganti ibu bapa mereka di FELDA. Saya ingin tahu berapa rancangan FELDA yang dilihat ramai generasi muda atau generasi yang kedua masih tinggal di FELDA membantu ibu bapa mereka? Saya bukan hendak semua, dua tiga kalau boleh sebutkan cukuplah.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Generasi muda yang membantu ibu bapa ini seperti yang saya sebutkan tadi berjumlah kira-kira 10,000 orang yang tinggal di kawasan FELDA yang melebihi umur 20 tahun bersama ibu bapa mereka 71,000 orang. Daripada jumlah itu, 10,000 tinggal bersama ibu bapa mereka dan bekerja membantu mengerjakan ladang dan mereka terdapat di semua kawasan FELDA di seluruh negara. 275 rancangan FELDA ini ada generasi kedua yang membantu ibu bapa mereka. Bilangannya berbeza di antara satu sama lain tetapi bilangan keseluruhannya 10,000 kesemuanya generasi kedua. Terima kasih.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah memandangkan generasi muda FELDA ini seperti mana kita selalu dengar dalam akhbar merupakan punca di mana berlakunya gejala sosial. Soalan saya ialah adakah kerajaan mempunyai program khusus ataupun program berterusan bagi menangani masalah-masalah yang timbul di kalangan penduduk di kawasan FELDA. Sekian, terima kasih.

Dato' Mustapa bin Mohamed: Pada pandangan kerajaan gejala sosial di rancangan FELDA tidaklah banyak berbeza dengan masalah sosial di luar kawasan FELDA. Oleh itu tidak ada rancangan khusus yang dilaksanakan oleh kerajaan apa jua rancangan untuk memperbaiki akhlak anak muda kita, rancangan untuk membendung gejala sosial, dadah dan lain-lain juga dilaksanakan di kawasan FELDA seperti di luar kawasan FELDA.

Dalam pada itu ada beberapa pendekatan yang dilakukan untuk memastikan bahawa kawasan FELDA ini mempunyai generasi kedua yang berakhlak mulia dan FELDA sentiasa bersama-sama dengan agensi lain seperti Agensi Dadah Kebangsaan dan agensi kerajaan yang lain menjalankan program-program bagi memastikan bahawa gejala sosial di kawasan FELDA ini dapat dikawal bukan sahaja di FELDA tetapi di seluruh Malaysia kerajaan memberi perhatian kepada isu ataupun masalah gejala sosial ini. Terima kasih.

4. Puan Hajah Che Jam binti Harun minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapa banyakkah lagi projek perumahan yang masih tergendala dan gagal disiapkan oleh kontraktor di seluruh negara dan sejauh manakah keberkesanan Tribunal Perumahan di dalam menangani permasalahan perumahan rakyat ini; dan
- (b) berapa banyakkah lagi projek perumahan yang telah siap namun masih menunggu kelulusan Sijil Kelayakan Menduduki (CF).

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, dalam tempoh 1990 hingga Disember 2003, sebanyak 176 projek perumahan telah dikenal pasti sebagai projek terbengkalai dan sejumlah 77 projek iaitu 44% daripadanya telah dapat dipulihkan.

Bilangan projek yang masih terbengkalai adalah 99 projek. Daripada 99 projek ini, 38 projek telah pun diserahkan kepada Syarikat Perumahan Negara untuk dipulihkan dan 61 projek lagi sedang dalam tindakan ataupun tindakan sedang diambil.

Sejak penubuhan Tribunal Tuntutan Pembeli Perumahan pada 1 Disember 2002, sambutan daripada pembeli-pembeli rumah dalam menggunakan perkhidmatan Tribunal Tuntutan Pembeli Perumahan amat menggalakkan.

Keadaan ini dapat dilihat dengan jelas sejak penubuhannya sehingga 8 Jun 2004 sebanyak 6,298 kes telah difailkan. Jumlah ini dijangka akan terus meningkat dari masa ke semasa. Daripada jumlah 6,298 kes tersebut, sebanyak 2,744 kes telah diselesaikan termasuk sebanyak 677 kes telah diselesaikan di luar mahkamah.

- (b) Dari tahun 1990 sehingga Disember 2003 terdapat sejumlah 3,101 unit rumah daripada keseluruhan unit yang terbengkalai, iaitu 12,972 yang telah siap dibina dan masih menunggu kelulusan Sijil Layak Menduduki ataupun CFO.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dengan keputusan Mahkamah Persekutuan bahawa Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah (TTPR) mempunyai bidang kuasa mendengar dan juga membuat keputusan atas kes-kes perjanjian jual beli yang ditandatangani sebelum 1 Disember 2002, saya mengucapkan syabas kepada kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah Tribunal dapat mengendali dan mendengar kes-kes yang banyak itu dan juga apakah tindakan kementerian atas pemaju perumahan yang tidak mengikut dan melanggar keputusan TTPR. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih atas ucapan tahniah itu. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang keputusan Mahkamah Persekutuan semalam adalah satu keputusan yang sangat merangsangkan bukan sahaja pembeli rumah juga kepada kementerian saya kerana kami telah berusaha dengan begitu gigih dalam beberapa tahun ini telah melibatkan Dewan Parlimen, Dewan yang mulia ini juga, telah meluluskan satu pindaan yang begitu menyeluruh terhadap Akta Pemajuan Perumahan dalam tahun 2001 dan dengan segala usaha dapat kita menetapkan peraturan dan semuanya dapat disempurnakan dan dikuatkuasakan mulai 1 Disember 2002 dan Tribunal ini mula berfungsi.

Pembeli rumah merasa begitu senang hati sedikit kerana mereka tidak perlu lagi ada satu pilihan tidak payah pergi ke mahkamah kalau dia ada satu pertikaian dari segi apa yang telah dijanjikan oleh pemaju melalui Perjanjian Jual Beli. Kalau pergi ke mahkamah mereka terpaksa upah *lawyer* dengan wang yang banyak dan *proceeding* mengambil masa yang lama. Ini sangat tidak menggalakkan mereka untuk berbuat demikian. Jadi dengan adanya Tribunal ini, saya sudah kata tadi bahawa ada 6,000 lebih sudah berdaftar dengan Tribunal dan saya ingin menyatakan bahawa keputusan semalam telah sekali gus – *once and for all* dengan izin, *endorsed* kuasa Tribunal perumahan ini memang ada dan mereka boleh berfungsi.

Jadi saya menjawab soalnya tadi, kemampuan Tribunal hari ini telah pun ditambah dengan kekuatannya di mana kami sekarang ini mempunyai lapan orang ahli Tribunal termasuk Pengerusi dan Timbalan Pengerusi. Mereka boleh secara berasingan, maknanya lapan orang boleh jadi pengadil. Mereka boleh mendengar kes serentak di lapan bilik yang berlainan. Jadi dengan kemampuan itu, setiap hari kira-kira 30 hingga 40 kes boleh diselesaikan dalam satu hari dan dalam sebulan pula 600 hingga 800 kes boleh diselesaikan. Jadi cuba kita fikir, kalau hendak selesaikan kes macam ini di mahkamah, ia akan mengambil berapa lama, memerlukan berapa banyak tarikh, berapa banyak wang kena dibelanjakan tetapi Tribunal ini telah memberi satu perkhidmatan dengan begitu baik.

Bagi pemaju, saya telah beri angka dalam jawapan asal tadi. Bagi pemaju yang mengingkari katalah dia tidak mahu ikut *award* yang telah diputuskan oleh Tribunal, maka kementerian boleh gunakan akta yang sama di bawah Seksyen 16AD akta kita, kementerian boleh mendakwa mereka. Kalau didakwa bawa pemaju itu ke mahkamah sekarang kerana dia mengingkari *award* keputusan Tribunal, maka kalau disabit ini adalah satu kesalahan *criminal*. Jadi inilah yang pemaju tetap akan dihukum dengan berat.

Jadi saya ingin beri satu kenyataan di sini bahawa kementerian saya mulai hari ini kita tidak akan bagi peluang lagi kepada mana-mana satu pemaju, dia tidak bayar atau tidak menunaikan janji selepas Tribunal telah membuat keputusan, kita tetap akan dakwa mereka. Tidak payah bagi notis lagi. Ini adalah satu yang bukan lagi amaran, tetapi satu kenyataan di Dewan ini dan kementerian saya akan mula mengambil tindakan mulai daripada hari ini.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersama rakan saya mengucapkan tahniah kepada Menteri di atas usaha beliau untuk memajukan lagi masalah-masalah perumahan di bawah bidang kuasa kementerian itu. Oleh sebab masih ada banyak Sijil Kelayakan Menduduki atau CF yang belum dikeluarkan, sungguhpun projek perumahan itu telah disiapsediakan, maka bolehkah kita diberitahu apakah sebab CF ini tidak dikeluarkan sungguhpun projek itu sudah disiapkan. Dan adakah projek-projek itu sudah memenuhi semua syarat yang telah ditetapkan oleh majlis tempatan. Terima kasih.

Dato' Seri Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, apabila CFO atau Sijil Layak Menduduki itu tidak dikeluarkan, bermakna projek itu tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Ia tentu ada sesuatu yang masih tidak menepati apa yang telah disyaratkan. Jadi ada terdapat projek-projek yang tidak dikeluarkan CFO sama ada itu adalah projek, ia tidak siap dengan sempurna ataupun ada sesuatu kekurangan lain. CFO bermakna, bangunan itu selamat untuk didiami oleh penghuni. Kalau ia belum selamat didiami oleh penghuni, pihak berkuasa tempatan tidak boleh senang-senang bagi CFO. Nanti berlaku apa-apa terhadap penghuni, maka mereka boleh membawa ke mahkamah ataupun boleh mendakwa pihak berkuasa tempatan.

Antara syarat-syarat yang sangat *basic*, tidak boleh dikompromikan sebagai contoh, bangunan itu tidak selamat dari segi pencegahan kebakaran. Sekiranya berlaku sesuatu kebakaran, penghuni tidak dapat keluar sebab tangga, *exit door* dan sebagainya tidak cukup syarat. Walaupun katalah jalan, *excess road* hendak masuk ke projek itu tidak ada. Tidak boleh kita bagi CFO suruh bagi orang masuk, ia tidak ada jalan, tidak boleh juga. Jadi dari segi *sewerage treatment* – air kumbahan, ia tidak ada *treatment plant* tidak boleh juga rumah itu dikira siap. Jadi banyak syarat ini adalah penting dan tidak boleh dikompromikan. Itu sebabnya kadangkala pihak berkuasa tempatan terpaksa tangguhkan pengeluaran CFO.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, bagi kes-kes yang *genuine*, bagi projek-projek yang betul-betul sudah memenuhi syarat, Kerajaan Persekutuan telah pun mengadakan satu sistem yang baru sekarang iaitu dengan *one-stop centre*, satu pusat sehenti untuk memastikan semua jabatan teknikal disepadukan, mengeluarkan CFO dengan cepat supaya tidak melambatkan, tidak mengenakan birokrasi. Ini adalah salah satu usaha di bawah arahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu kita menambah baik *public delivery system*. Ini bagi yang *genuine*, ia tidak boleh lambat. Yang memang tidak cukup syarat, tidak boleh dia dikeluarkan CFO untuk kepentingan orang ramai.

Timbalan Yang di-Pertua: Jawapan cukup padat dan jelas. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita jemput Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad untuk mengemukakan pertanyaan.

5. **Datuk Yaakob bin Haji Mohammad** minta Perdana Menteri menyatakan apakan perancangan dan strategi yang sedang dan telah diambil oleh kementerian bagi memastikan negara dapat mewujudkan tamadun melalui Islam Hadhari yang dinamik, progresif serta mencapai keseimbangan dalam dunia global.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, rancangan dan strategi yang sedang dan telah diambil bagi memastikan negara dapat mewujudkan tamadun melalui Islam Hadhari yang dinamik, progresif serta mencapai keseimbangan dalam dunia global adalah dengan cara melaksanakan agenda pembangunan negara dan ummah melalui pendekatan pembangunan manusia, masyarakat dan negara yang bersifat menyeluruh.

Pendekatan secara menyeluruh ini bertujuan melahirkan individu dan masyarakat Islam yang mempunyai kekuatan *spiritual*, akhlak, intelektual dan material, mampu berdikari, berdaya saing, melihat ke hadapan, berinovatif serta cekap menangani cabaran-cabaran semasa secara bijaksana, rasional, praktikal dan tanpa keganasan. Strategi pelaksanaan Islam Hadhari dirancang dalam dua peringkat iaitu strategi jangka pendek dan strategi jangka panjang.

Strategi jangka pendek diperlukan dengan memberi tumpuan kepada usaha memberi kefahaman dan kesedaran di semua peringkat masyarakat melalui penyediaan buku panduan dan dokumentasi yang berkaitan dengan Islam Hadhari serta penjelasan di media massa secara lebih agresif.

Manakala strategi dalam bidang-bidang yang lain termasuklah dalam bidang-bidang pembangunan pertanian, pembangunan sosial dan budaya, pembangunan sains dan teknologi, pembangunan pentadbiran dan pengurusan, pembangunan spirituil dan fizikal, pembangunan ekonomi melalui kemiskinan dan juga pembangunan pendidikan di mana pelaksanaan Islam Hadhari dalam sektor pendidikan rendah dan menengah diatur secara terancang. Sekian, terima kasih.

Datuk Yaakob bin Haji Mohammad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di atas jawapan yang begitu baik. Soalan tambahan saya, apakah pandangan Yang Berhormat di mana masih ada lagi kritikan-kritikan sumbang yang dilemparkan oleh pihak pembangkang terhadap kerajaan mengenai Islam Hadhari walaupun beberapa penjelasan positif mengenainya telah pun diuar-uarkan secara meluas oleh kerajaan. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk. Kita melihat bahawa sebagai kerajaan kita cuba membuat yang terbaik tetapi memang sikap pembangkang apa sahaja walaupun baik ataupun tidak baik dia akan terpaksa membangkang. Terima kasih. [*Tepuk*]

Timbalan Yang di-Pertua: Saya beri peluang kepada Puan Siti Zailah.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Setiausaha Parlimen. Sebenarnya hendak betulkan fakta. Kita hanya membangkang yang tidak baik, kita menyokong yang baik.

Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, negara kita sebelum ini banyak memperkenalkan slogan-slogan seperti Bersih, Cekap dan Amanah, Penerapan Nilai-nilai Islam, Masyarakat Madani dan sekarang slogan baru pula Islam Hadhari tetapi setiap yang diperkenalkan oleh kerajaan, masalah negara masih belum selesai. Masalah sosial masih bertambah. [*Disampuk*] Ini soalan saya. Jadi....

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan. Soalan Yang Berhormat?

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff : Beri peluang kepada saya sebab ini Dewan yang mulia. Jadi, dalam usaha kerajaan untuk melaksanakan Islam Hadhari di negara kita, apakah peranan kerajaan dalam mencegah kemungkaran yang ada dalam negara sekiranya perkara-perkara mungkar dibiarkan di mana peranan kerajaan yang memerintah? Sebab saya diberi jawapan bahawa itu hak individu, semalam dalam Dewan ini dan di manakah tanggungjawab kerajaan untuk mencegah kemungkaran dan di mana peranan kerajaan untuk menyelamatkan rakyat Islam khususnya selamat daripada azab neraka di akhirat? Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Siti Zailah. Seperti yang kita katakan tadi, sebenarnya apa yang kita katakan sebagai Islam Hadhari bukanlah sebagai satu slogan. Kalau dikatakan sebagai satu slogan, itu hanyalah provokasi daripada pihak pembangkang. Dakwaan yang mengatakan bahawa masalah sosial bertambah-tambah, Yang Berhormat, kalau kita perhatikan pada zaman Rasulullah S.A.W sendiri pun bukanlah dikatakan *zero* daripada masalah-masalah kemungkaran tetapi apa yang kita buat di sini ialah percubaan. Kita cuba membuat yang terbaik dan apabila ditanya tentang peranan negara dalam hendak mencegah kemungkaran, Islam Hadhari inilah yang kerajaan buat untuk hendak mencegah daripada kemungkaran. [*Tepuk*]

6. **Datuk M. Ratnam** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan mengapa pemilik ladang-ladang tidak menunjukkan minatnya untuk mendirikan rumah bagi pekerja-pekerjanya walhal ladang-ladang dan lombong mempunyai ribuan ekar tanah dan hanya memerlukan 5 hingga 10 ekar untuk rancangan perumahan ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja bertanggungjawab untuk memastikan kualiti perumahan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh majikan ladang dan lombong mematuhi piawaian minimum yang ditetapkan di bawah Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990 apabila majikan memerlukan pekerja-pekerja tinggal dalam kawasan ladang tempat kerja mereka. Pemantauan ini dilakukan oleh Jabatan Tenaga Kerja melalui aktiviti pemeriksaan dan promosi. Di antara kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh majikan ladang untuk dinikmati oleh pekerja adalah perumahan, bekalan air dan elektrik, klinik, dan hospital ladang, Pusat Asuhan Kanak-kanak, tanah untuk menternak dan bercucuk tanam serta kemudahan-kemudahan rekreasi.

Di samping itu, Kementerian ini melalui JTK sentiasa menjalankan aktiviti promosi dan saranan yang berterusan agar majikan sentiasa meningkatkan kualiti perumahan dan kemudahan asas yang disediakan meningkatkan kualiti untuk mereka.

Bagi tujuan tersebut, Kementerian Sumber Manusia telah menganjurkan program khas yang dikenali sebagai Rancangan Pembangunan Ladang mulai tahun 1992. Pencapaian rancangan ini adalah seperti berikut:-

Perkara	Bilangan Bagi tempoh tahun 1992-2003
Rumah pekerja yang baru dan juga diubahsuai	23,699
Bekalan elektrik rumah baru dan yang sedia ada	31,276
Bekalan air termasuk rumah baru dan yang sedia ada	34,816
Pusat Asuhan Kanak-kanak baru dan yang diubahsuai	188
Dewan komuniti baru dibina	56

Oleh yang demikian, sudah banyak yang dibuat, namun usaha mempertingkatkan teruskan dijalankan. Terima kasih.

Dato' M. Ratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, Ladang *Guthrie*, *Golden Hope* dan lain-lain ladang besar bukan lagi dimiliki oleh orang asing tetapi kepunyaan orang tempatan. Majoriti saham dipegang oleh Perbadanan Nasional Berhad yang telah ditubuhkan oleh kerajaan kita iaitu Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, tidakkah boleh PNB, tuan punya ratusan ribu ekar tanah di tanah air kita menjadi teladan kepada ladang-ladang lain dan mula membina dan menjual rumah-rumah murah kepada pekerja-pekerjanya yang telah membawa keuntungan berbilion-bilion ribu ringgit kepada ladang itu dan kepada PNB? Tidakkah boleh kerajaan kita mendesak ladang-ladang gergasi ini yang dipunyai oleh PNB mendirikan rumah-rumah untuk dijual kepada pekerja-pekerjanya? Jika tidak boleh mengapa tidak boleh kerana PNB kepunyaan kerajaan dan hasrat kerajaan ialah untuk mengadakan satu keluarga dengan satu rumah? Sekian, terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Terima kasih kepada Yang Berhormat yang baru bertanya. Memang pihak Kementerian Sumber Manusia menggalakkan bukan sahaja ladang-ladang kecil malah ladang-ladang besar untuk memberikan kemudahan termasuk kemudahan mengadakan rumah dan kemudahan asas yang lain. Kita pihak Kementerian Sumber Manusia bukan sahaja memberikan saranan tetapi kalau perlu dan saya fikir saranan yang diberikan oleh Yang Berhormat iaitu mendesak PNB untuk memastikan ladang-ladang besar seperti *Sime Darby*, *Guthrie* dan *Golden Hope* membina rumah-rumah dan juga kemudahan asas yang lain, itu merupakan satu saranan yang baik.

Oleh hal yang demikian, kita akan menetapkan lagi Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerjaan 1990 di antaranya bukan sahaja untuk memeriksa badan-badan berkenaan untuk mendirikan rumah dan juga kemudahan asas yang lain tetapi kita akan memastikan bahawa syarikat-syarikat besar ini bukan sahaja membawa keuntungan tetapi akan memastikan kebajikan tempat tinggal khususnya kepada pekerja-pekerja akan dijalankan.

Setakat hari ini sejumlah lebih kurang 1,500 pemeriksaan di ladang-ladang dijalankan dan kita dapati memang banyak perkara yang perlu dibuat dan ditingkatkan. Saranan yang baik ini akan menjadi satu tindakan di masa akan datang oleh pihak Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih.

7. **Tuan Wan Nordin bin Che Murat** minta Menteri Kerja Raya menyatakan adakah piawai ilmu pengetahuan yang dilaksanakan oleh CIDB mencapai keperluan yang dikehendaki oleh industri pembinaan masa kini di dalam industri pembinaan, operasi, pentadbiran dan pengurusan projek. Adakah kolej atau universiti yang terlibat memberi piawai yang sama.

Menteri Kerja Raya [Dato' Seri S. Samy Vellu]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, CIDB ditubuhkan bagi tujuan untuk memajukan dan membangunkan industri pembinaan negara supaya ianya menjadi satu sektor utama yang mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara dan berkeupayaan menghasilkan pembinaan yang berkualiti tinggi serta *responsive* kepada keperluan negara. CIDB bertanggungjawab bagi pembangunan tenaga kerja mahir yang juga merupakan satu unsur penting kepada pembangunan keseluruhan sektor ini.

Oleh yang demikian, CIDB memastikan bilangan tenaga mahir yang mencukupi dikeluarkan untuk menampung keperluan industri ini. Tanggungjawab ini adalah bersesuaian dengan aspirasi kerajaan untuk mengurangkan pergantungan negara kepada tenaga kerja asing.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, CIDB telah melaksanakan pelbagai program latihan kepada *personnel* binaan dan para kontraktor yang terdiri daripada latihan kemahiran, latihan teknikal, latihan pengurusan dan latihan teknologi maklumat. Sehingga kini seramai 32,821 orang belia dan pekerja binaan tempatan telah dilatih dalam pelbagai bidang kemahiran seperti pendawaian elektrik bangunan, kimpalan, penerap bata, pelepaan, penjubinan, kerja kayu, operasi kren, operasi jentera kerja tanah dan juga lain-lain lagi.

Modul-modul latihan yang dibangunkan oleh CIDB melibatkan pembabitan ahli-ahli dari kalangan pihak industri pembinaan yang pakar dalam sesuatu bidang kemahiran berkaitan yang sentiasa mengambil kira keperluan industri semasa. Modul latihan kemahiran ini dibangunkan berlandaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan iaitu dengan izin, *National Occupational Skill Standard* dan Standard Kemahiran Industri Pembinaan (*Construction Industries Skill Standard*), dengan izin, yang diguna pakai oleh Akademi Pembinaan Malaysia dan Pusat Bertauliah CIDB apabila melaksanakan latihan kemahiran.

Bagi menggalakkan latihan-latihan ini, CIDB sentiasa mengadakan promosi melalui media massa, laman web, *CIDB news* dan promosi secara langsung kepada para kontraktor yang bakal-bakal pelatih. Antara program baru bagi tahun 2004 ini bagi menggalakkan latihan kemahiran di kalangan belia tempatan adalah Program Latihan Kemahiran di kawasan Parlimen. Pihak CIDB akan menghubungi Ahli Parlimen kawasan berkenaan untuk mengenal pasti belia-belia tempatan yang berpotensi dan berminat menyertai latihan kemahiran CIDB untuk dilatih sebagai pekerja mahir binaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, CIDB menggunakan levi yang dikutip untuk membiayai latihan-latihan kemahiran, membangunkan modul latihan serta membangunkan standard-standard kemahiran. Semua latihan yang berbentuk kemahiran yang dilaksanakan oleh CIDB adalah dibiayai sepenuhnya kecuali latihan atau kursus dalam bidang pengurusan di mana sebahagian besarnya kosnya adalah ditanggung oleh CIDB.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kita diberitahu tentang sasaran CIDB untuk melatih pekerja-pekerja dalam sektor ini setiap tahun dan adakah 32,000 yang diberitahu itu telah mencapai sasaran seperti yang telah ditetapkan kerana saya dapati masih ada banyak kekurangan dalam industri ini dan ada banyak jenis pekerja yang tidak dapat dicari. Terima kasih.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, industri pembinaan itu satu industri terbesar tetapi latihan yang dijalankan oleh CIDB itu sebenarnya tidak mencukupi untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh industri pembinaan. Walau bagaimanapun, untuk memberi keterangan kepada Ahli Yang Berhormat, mengikut tahun-tahunnya:

(i) Program Latihan Pekerja Binaan -

Tahun	Bil. Peserta
1997	200
1998	707
1999	467
2000	454
2001	1,226
2002	6,060

(ii) Program Belia Lepas Sekolah -

Tahun	Bil. Peserta
1999	347
2000	321
2001	2,389
2002	4,408

Jadi, ada juga untuk tahun yang lain, Tuan Yang di-Pertua. Jumlahnya 14,302 orang untuk latihan dari Program Latihan Pekerja Binaan dan juga Program Latihan Belia Lepas Sekolah menjadi 18,519 dan untuk Program Latihan Keselamatan dan Kesihatan 119,919 untuk beberapa tahun ini. Jadi, CIDB teruskan dengan beberapa latihan. Ada juga pihak-pihak daripada kontraktor-kontraktor dan pihak binaan selalunya tuduh menuduh CIDB oleh kerana kita kutip levi. Oleh kerana itu, mengapakah tidak boleh kurangkan levi. Kurang levi bolehlah, tidak ada latihan lagilah. Jadi, bila-bila apa yang kita buat pun ada juga tuduh menuduh. Mana ada manusia tidak tuduh lain orang. Jadi, seperti itulah tuduh sahajalah. Apa yang kita bagi hasil, hasil tidak kira, tetapi kekurangan sahaja nampak besar dalam mata mereka. [Ketawa][Tepuk]

Tuan Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tengok Yang Berhormat Dato' Seri Samy Vellu jawab dengan begitu bersemangat sekali maka saya terpanggil untuk mengemukakan soalan tambahan. Seperti mana yang kita tahu bahawa setiap agensi yang dilahirkan dengan niat dan tujuan yang baik, dan saya percaya juga atas kewibawaan Yang Berhormat yang menjadi Menteri yang bertanggungjawab terhadap agensi ini, apa yang kita hendak persoalkan ialah biasanya dasar-dasar yang baik ini apabila tiba pelaksanaannya kita akan berdepan dengan pelbagai masalah persekitaran yang ada. Oleh sebab itu, pertanyaan saya ialah selain daripada alternatif tenaga mahir, kita boleh menjenterakan industri pembinaan ini untuk mencapai matlamat negara. Oleh sebab itu, kita minta supaya soalnya adakah selain daripada aspek-aspek latihan ini tumpuan diberi untuk memodenkan atau mencari teknologi tinggi untuk menyelesaikan masalah pembinaan negara yang ada. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Satu istilah baru 'menjenterakan industri pembinaan'. [Ketawa] Sila jawab.

Dato' Seri S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, bukan sahaja membangunkan industri pembinaan tetapi ada juga satu lagi tugas oleh CIDB iaitu membawa kontraktor-kontraktor daripada negara kita kepada kontraktor di luar negeri. Selain daripada itu, kita akan mendapat beberapa banyak kerja-kerja kontrak di beberapa buah negara. Jadi, kontraktor-kontraktor tidak mempunyai kerja di tempat ini, di Malaysia kita akan membawa mereka pergi ke luar untuk mendapat kerja.

Beberapa negara telah dipilih, India, Sri Lanka, Jamaica, Bosnia-Herzegovina – di tempat ini semuanya kita sudah mendapat kontrak lebih daripada RM20 bilion. Jadi kontraktor-kontraktor besar yang sedia ada di negara ini sekarang kita tidak ada kontrak besar untuk diberi kepada mereka, jadi kita eksport mereka, kita bagi peluang mereka di luar negeri dan juga kita cari kerja dan kita juga beri latihan kepada mereka untuk menjalankan kerja-kerja di luar negeri.

8. **Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan faktor-faktor yang menyebabkan harga kereta tempatan terus meningkat menjelang pelaksanaan AFTA yang sebelum ini dikatakan bakal menurunkan cukai sehingga sifar peratus.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew]: Tuan Yang di-Pertua, faktor-faktor yang menyumbang kepada kenaikan harga kenderaan di pasaran tempatan adalah yang pertama kenaikan kadar pertukaran wang asing, dan yang kedua, perubahan kepada struktur duti import dan eksais. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat telah dimaklumkan, komitmen Malaysia di bawah CEPT atau *Common Effective Preferential Tariff* adalah menurunkan kadar duti import kenderaan secara berperingkat-peringkat, jika berbanding dengan duti import tahun 2003, duti import tahun ini telah pun turun. Sebagai contohnya bagi negara-negara ASEAN, CKT diturunkan kepada 25 peratus untuk semua kapasiti enjin dan CBU diturunkan kepada kadar di antara 70 hingga 190 peratus. Bagi negara-negara bukan ASEAN, CKT diturunkan kepada 35 peratus untuk semua kapasiti enjin dan CBU diturunkan antara 80 hingga 200 peratus. Akan tetapi duti eksais satu duti yang baru telah dikenakan ke atas kenderaan yang diimport maka *consumer* tidak merasa penurunan harga dan Tuan Yang di-Pertua kerajaan perlu mengenakan duti eksais ke atas kenderaan import untuk ganti pendapatan yang telah hilang akibat penurunan duti import.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, mulai 1 Januari 2003 kerajaan tidak lagi mengawal harga di atas jalan bagi semua kenderaan yang dijual di dalam pasaran tempatan. Oleh yang demikian penetapan harga semua kenderaan yang dikeluarkan di dalam negara ditentukan sendiri oleh pihak syarikat pengeluar dan pengedar.

Tuan Yang di-Pertua, faktor yang paling penting sekali yang menyumbang kepada kenaikan harga kenderaan adalah kenaikan kadar pertukaran wang asing. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebahagian besar import CKT dan CBU adalah dari negara Jepun dan negara-negara Eropah. Peningkatan kadar pertukaran mata wang asing Yen sebanyak 22.3 peratus dan Euro sebanyak 7.6 peratus bagi tempoh separuh masa kedua tahun 2003 telah menyebabkan harga kenderaan kos pengangkutan dan juga kos ansuran meningkat. Sekian terima kasih.

Tuan Lee Sing Chooi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah perlindungan yang diberi kepada perindustrian kereta tempatan itu menyekat daya saing perindustrian tempatan dalam tempoh pertengahan dan juga jangka panjang. Apakah patut dibuat perindustrian kereta tempatan bukan sahaja dapat bersaing dengan kereta import tetapi juga jadi *competitor* yang kuat di pasaran antarabangsa, terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan perlu melindungi industri kenderaan nasional sebab ia melibatkan suatu sebab atas matlamat sosial ekonomi kerajaan, sebab ia melibatkan satu jumlah pelaburan yang besar iaitu hampir RM3.7 bilion. Kita juga perlu mengambil kira kepentingan 350 vendor kenderaan dan beribu-ribu *downstream* yang majoritinya adalah IKS dan pekerja-pekerja langsung dan tidak langsung yang bilangannya hampir 100,000.

Saya berpendapat perlindungan ini tidak akan menjejaskan usaha kerajaan untuk meningkatkan teknologi industri pembuatan kenderaan di negara ini, sebaliknya industri kenderaan nasional ini merupakan satu projek yang akan membantu negara kita dalam usaha memperoleh teknologi tinggi dalam sektor industri pembuatan melalui *joint-venture* dengan negara yang maju dan setakat ini kerajaan telah cuba mempertingkatkan usaha untuk memperkukuhkan daya saing dalam industri ini, sekian.

Puan Wan Ubaidah binti Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita ada kempen satu keluarga satu rumah, satu komputer satu rumah. Soalan saya bolehkah kita tambah satu lagi kempen iaitu satu keluarga satu kereta, justeru itu bolehkah kerajaan menimbangkan untuk memberikan subsidi contohnya kepada kereta Kancil, supaya setiap keluarga terutama bagi keluarga miskin boleh memiliki kereta kancil sama ada melalui pemberian subsidi ataupun memberi skim yang *special*lah untuk golongan ini supaya setiap keluarga dapat menikmati kehidupan sempurna dengan sekurang-kurangnya adalah kereta Kancil. Sekian, terima kasih.

Datuk Paduka Dr Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan tidak ada, tidak bercadang untuk memberi subsidi untuk suri rumah ataupun kaum wanita membeli kenderaan kecil seperti Kancil sebab kenderaan tidak dianggap sebagai keperluan asas orang ramai. Walau bagaimanapun kerajaan sedang meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam supaya semua pihak dapat pergi ke mana-mana tempat dengan senangnya. Sekian.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Soalan saya, bilakah masanya di mana harga kereta-kereta di Malaysia ini akan diselaraskan dengan harga kereta-kereta di semua kereta ahli AFTA dan sejauh manakah pelaksanaan AFTA yang dilaksanakan ini memberi manfaat kepada rakyat dan negara kita, terima kasih .

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sejak awal lagi telah menyatakan bahawa harga kenderaan tidak semestinya akan turun apabila duti import bagi kenderaan diturunkan semasa pelaksanaan AFTA. Seperti yang tadi sudah saya sebutkan, perlindungan kepada industri kenderaan nasional adalah perlu. Jadi kalau kita menimbangkan keperluan asas lain dengan keperluan kenderaan, kita kena mengenakan duti kepada kenderaan yang diimport dan saya rasa hari ini kenderaan pun cukup banyak di pasaran. Jadi harga bukanlah satu masalah yang akan menghalang orang ramai mempunyai kenderaan. Sekian.

9. **Puan Safinah binti Jusoh** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah tahap keseriusan ancaman keselamatan di perairan Selat Melaka sehingga Singapura cuba menjemput kuasa luar seperti Amerika Syarikat untuk bersama-sama mengawal perairan Selat Melaka. Sejauh manakah pula reaksi Kuala Lumpur dalam menyatakan sikapnya terhadap percubaan Singapura ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Safinah binti Jusoh kerana mengemukakan soalan ini. Sebagai negara pesisir Selat Melaka, Malaysia mempunyai hak kedaulatan dan *jurisdiction* ke atas Selat Melaka. Agensi penguatkuasaan Malaysia sentiasa melakukan rondaan dan pemantauan di zon maritim Malaysia di Selat Melaka. Ini bagi membanteras aktiviti seperti rompakan laut, penyeludupan serta memastikan kepentingan dan keselamatan negara tetap terpelihara. Negara kita sentiasa memberi komitmen yang tinggi terhadap isu keselamatan maritim di Selat Melaka. Usaha-usaha pihak agensi penguat kuasa Malaysia telah menyumbang ke arah pengurangan insiden rompakan bersenjata di zon maritim Malaysia di Selat Melaka.

Malaysia telah memenuhi tanggungjawabnya memberi kerjasama menyediakan kemudahan dan menentukan keselamatan perairan dan pengguna Selat Melaka terjamin. Kita juga memberi laluan ikhlas kepada kapal-kapal asing yang melalui wilayah laut kita di Selat Melaka. Atas daya usaha dan komitmen yang tinggi dari Malaysia ini dalam memelihara keselamatan perairan maka keadaan keselamatan di Selat Melaka masih berada di tahap yang terkawal. Oleh yang demikian, adalah tidak perlu untuk kita menjemput kuasa luar seperti Amerika Syarikat untuk bersama-sama mengawal dan meronda Selat Melaka. Walau bagaimanapun, Malaysia berpendapat kerjasama antara Malaysia dan negara-negara pesisir Selat Melaka dari segi pertukaran dan perkongsian maklumat risikan adalah penting bagi menghalang dan membanteras ancaman-ancaman di lautan tanpa menjejaskan kedaulatan dan integriti wilayah Malaysia. Terima kasih.

Puan Safinah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya terbaca dalam akhbar pada pagi ini yang menyatakan bahawa perairan Selat Melaka adalah suatu perairan yang sangat bahaya di dunia ini. Jadi saya hendak tahu apakah bentuk-bentuk ancaman sebenarnya yang terdapat di perairan Selat Melaka itu. Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Osman: Terima kasih Yang Berhormat kerana mengemukakan soalan. Saya merasakan Selat Melaka adalah selamat dan tidak merupakan satu selat yang berbahaya kerana dalam masa enam bulan kebelakangan ini sahaja cuma terdapat satu sahaja rompakan, itu pun di sebelah Sulawesi bukan di kawasan kita. Jadi, dengan izin, *for the last six months*, dalam masa enam bulan yang lepas, tidak terdapat apa-apa rompakan ataupun cubaan-cubaan pengganas di Selat Melaka. Masih selamat Yang Berhormat. Terima kasih.

10. **Tuan Ismail bin Kasim** minta Menteri Kewangan menyatakan penstrukturan pengurusan Khazanah dengan memindahkan semua saham syarikat tersenarai milik kementerian yang diperbadankan akan memberikan kesan segera kepada kedudukan Bursa Malaysia dan tiadakah perancangan kerajaan untuk memberi peluang kepada syarikat-syarikat bumiputera yang berwibawa untuk memiliki pegangan saham syarikat milik Khazanah untuk turut serta membina kekayaan dan kejayaan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Dr. Hilmi Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, pemindahan saham-saham syarikat tersenarai milik Menteri Kewangan Diperbadankan kepada Khazanah Malaysia Berhad akan dilaksanakan secara peringkat demi peringkat. Sekiranya Khazanah memutuskan untuk melupuskan saham-saham miliknya kelak, mana-mana syarikat bumiputera yang berminat untuk memperolehi saham-saham ini akan diberi pertimbangan sewajarnya. Terima kasih.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, bagaimanakah siaran dibuat mengenai hasrat kerajaan untuk menjual saham-saham Khazanah. Dan kedua, adakah kerajaan berhasrat untuk memecahkan penjualan saham-saham ini? Maksud saya sekiranya kerajaan berhasrat untuk menjual lima peratus saham milik kerajaan, adakah kerajaan berhasrat ataupun bercadang untuk memecah saham-saham ini kepada 2 peratus, 1 peratus ataupun 3 peratus, supaya ini akan memberi peluang kepada rakyat kita sendiri, ahli-ahli perniagaan dalam negara kita sendiri mampu untuk membeli saham-saham milik kerajaan. Dan yang ketiga, adakah saham Telekom yang telah dijual kepada Tumasek disiarkan dan ditawarkan kepada syarikat tempatan. Terima kasih.

Dato' Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Omar Faudzar. Tentang soalan bagaimana kerajaan akan menjual ataupun pihak MKD akan menjual syarikat ini kepada, ataupun Khazanah Nasional akan menjual sahamnya kepada pihak-pihak lain dan juga ekuitinya yang akan dijual, ini saya kira adalah terpulang kepada Lembaga Pengarah yang baru, yang telah dilantik yang mana CEOnya ialah Saudara Azman Mokhtar dan saya yakin mereka akan mengadakan garis panduan yang tersendiri untuk perkara ini. Saham Telekom Malaysia yang dicadangkan untuk dijual kepada Singtel, saya tidak ada maklumat pada masa ini dan saya memerlukan notis untuk perkara ini.

11. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan bilangan orang yang mengalami kecacatan anggota atau kurang upaya yang berdaftar dengan kementerian dan apakah jenis bantuan yang diberi kepada mereka. Apakah kekurangan dan kelebihan yang terdapat dalam bantuan-bantuan ini jika dibandingkan dengan negara-negara maju dan negara-negara membangun.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, pendaftaran orang kurang upaya diurus oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Pendaftaran adalah secara sukarela. Terdapat lima kategori OKU iaitu pendengaran, penglihatan, anggota, akal dan lain-lain. Seramai 132,458 OKU telah didaftarkan sehingga bulan Disember 2003 seperti berikut:

(i)	OKU pendengaran	-	22,749 orang
(ii)	OKU penglihatan	-	14,153 “
(iii)	OKU anggota	-	45,140 “
(iv)	OKU akal		49,336 “
(v)	Lain-lain		1,080 “

Kerajaan amat prihatin terhadap golongan OKU di negara ini. Menyedari hakikat tersebut, pihak kementerian telah menyediakan berbagai-bagai jenis bantuan dan perkhidmatan agar mereka dapat menikmati hidup yang lebih sejahtera seperti mana rakyat yang lain. Antara bantuan yang disediakan adalah bantuan alat tiruan/sokongan yang merupakan bantuan untuk membeli peralatan sokongan tiruan seperti alat prostetik, orthetik, kerusi roda, *rolater*, alat pendengaran dan sebagainya kepada OKU yang tidak berkemampuan.

Geran pelancaran - berbentuk modal untuk membantu OKU yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran tetapi tiada sumber modal bagi menjalankan projek jaya diri atau perniagaan kecil. Kadar bantuan maksimum yang diberikan adalah sebanyak RM2,700 seorang.

Elaun pekerja cacat – berbentuk insentif untuk menggalakkan OKU bekerja dan terus berdikari tanpa bergantung kepada ahli keluarga atau orang lain. Tujuan pemberian elaun ini adalah:

- (i) sebagai penyelenggaraan pendapatan bagi memenuhi keperluan asas;
- (ii) sebagai insentif untuk terus bekerja; dan
- (iii) untuk meningkatkan taraf hidup

Kadar elaun adalah sebanyak RM200 sebulan diberikan kepada OKU yang berpendapatan kurang daripada RM750 sebulan dengan syarat mereka mesti mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Penempatan kerja di mana Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia menyediakan khidmat penempatan pekerjaan OKU di Bengkel-bengkel Terlindung. Jenis-jenis kerja yang disediakan ialah jahitan; percetakan, pembuatan perabot, pembuatan beg sekolah dan seminar dan sampel surat melalui kontrak kerajaan; pemulihan di institusi di mana Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia menyediakan sebanyak tujuh buah institusi pemulihan di seluruh negara.

Pada masa ini seramai 805 orang OKU sedang mengikuti program pemulihan di institusi yang disediakan. Bidang-bidang latihan adalah vokasional, kursus membuat pakaian, IT komputer, juruelektrik, elektronik, prostetik dan orthetik dan juga pravo-kasional (pertanian, jahitan, kraf tangan, urusan rumah tangga) dan lain-lain.

Setakat ini belum dibuat kajian mengenai kekurangan dan kelebihan bantuan yang disediakan di negara ini berbanding dengan negara maju yang sedang membangun. Walau bagaimanapun, kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia sentiasa memberi perhatian serius dalam menentukan keperluan orang kurang

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Puan Chew Mei Fun: Akan habis! Menentukan keperluan orang kurang upaya – diberi keutamaan khususnya dari segi bantuan yang disediakan demi kesejahteraan hidup mereka. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, oleh kerana jawapan sudah jelas, tidak perlu lagi soalan tambahan. Waktu soalan lisan sudah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INSURANS LUAR PESISIR (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[14 Jun 2004]**

Timbalan Yang di-Pertua: Sekarang saya minta Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng untuk menyambung ucapan.

11.11 pagi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya akan menyambung perbahasan saya terhadap pindaan-pindaan yang telah dicadangkan kepada Akta 444.

Semalam di dalam komen saya terhadap seksyen baru 16A dan 16B tentang pelantikan juruaudit, saya telah membaca sedikit sebanyak daripada perutusan Akauntan Negara tentang kebimbangan beliau akan fungsi-fungsi juruaudit itu. Saya dapati komen beliau adalah ditumpukan kepada pihak ini oleh kerana pada masa ini pihak ini sudah menjadi lebih komersial dan telah berorientasikan perniagaan daripada menjalankan tugas dan beliau telah menyatakan kalau ini tidak dikawal dengan baik maka kesannya adalah imej dan kredibiliti profesion telah pun terhakis.

Ini adalah satu masalah yang sangat membimbangkan bukan sahaja beliau tetapi mungkin orang ramai yang mengharapkan orang-orang ini supaya menjalankan kerja dengan baik. Oleh kerana itu, Akauntan Negara telah menambah kata, keadaan ini merupakan satu keadaan yang kritikal dalam sejarah profesion perakaunan. Pada masa akan datang peluang bagi profesion perakaunan akan lebih banyak bergantung kepada kepercayaan orang ramai. Jadi, adakah kepercayaan orang ramai sudah begitu rendah sekarang sehingga ia memerlukan komen-komen seperti yang saya terbaca tadi daripada Akauntan Negara. Apakah sikap kerajaan untuk mengawasi perkara ini?

Saya dapati cadangan yang ada supaya kita menghendaki juruaudit itu melapor kepada bank jika ia dapati ada penyelewengan, adalah satu peruntukan yang baik, tetapi kalau ini tidak dilakukan oleh kerana sebab-sebab yang telah dinyatakan oleh Akauntan Negara itu, maka apakah tindakan yang boleh diambil oleh kerajaan untuk mengawasi perkara ini. Bagi saya, satu cara yang paling baik ialah seperti saya beri contoh kelmarin, iaitu bayaran ganjaran. Siapa yang patut bayar ganjaran kepada juruaudit ini. Bagi saya, apabila sesuatu juruaudit itu dilantik dan kalau bayaran ganjaran itu datang dari syarikat berkenaan, maka mungkin ada unsur-unsur komersial yang akan mempengaruhi keputusan orang ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masyarakat kita, kita juga ada satu golongan pekerja atau segolongan orang profesional yang dipanggil *in-house architect*. Biasanya seorang arkitek itu bekerja untuk satu firma arkitek dan dilantik oleh pemaju-pemaju tertentu untuk merancang rancangan dan sebagainya. Biasanya ia menjaga kepentingan syarikat sendiri iaitu mereka menjadi perunding kepada sesuatu pemaju dan berusaha untuk menjaga supaya projek itu disiapkan mengikut jadual dan sebagainya.

Tetapi, ada wujudnya golongan yang dipanggil *in-house architect*, iaitu dilantik oleh pemaju sendiri untuk melukiskan pelan, masuk pelan dan dapat gaji semua daripada pemaju. Oleh kerana itu, pihak ini kurang menjaga kepentingan pembeli-pembeli rumah kerana bosnya ialah pemaju dan kalau dia tidak mengikut arahan pemaju itu, maka dia tidak terima gaji, tidak terima elaun, tidak terima kenaikan dan sebagainya. Maka, dia sudah dipengaruhi oleh keadaan komersial seperti ini.

Jadi, di sini saya membandingkan kalau juruaudit itu juga dilantik oleh syarikat itu dan dibayar oleh syarikat itu, unsur-unsur seperti saya nyatakan itu mungkin berlaku. Jadi, saya harap kerajaan akan mengkaji perkara ini dan menetapkan bahawa mungkin Bank Negara yang melantik juruaudit ini dan semua ganjaran itu dibayar oleh Bank Negara sendiri dan orang ini pada pendapat saya lebih terutang budi kepada majikan mereka dan mungkin akan menjalankan kerja dengan lebih teliti dan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya mahu memberi sedikit komen kepada Seksyen 17 dan ini ialah menetapkan suatu tahap margin 'kesolvanan' atau *insolvency* yang praktikal. Ada dicadangkan dalam pindaan kepada Seksyen 17 itu bahawa pada tahun pertama syarikat berkenaan hanya disyaratkan memberi 50% atau lebih daripada wang kerja daripada amaun itu hanya 50% atau lebih. Lebih itu mungkin terpulang kepada syarikat untuk membuat keputusan. Kemudian bagi tahun yang kedua dan seterusnya, margin kesolvanan itu dinaikkan sehingga setaraf atau lebih daripada amaun wang kerja.

Jadi, saya ingin tahu kenapa pada tahun pertama kita hanya memerlukan syarikat ini menyumbang margin kesolvanan itu sebanyak 50% sahaja. Bagi saya apabila sesuatu syarikat itu terlibat dalam industri ini maka dia sudah ada kebolehan,

dia ada modal yang mencukupi, jadi kenapa kita hanya menetapkan 50% daripada kehendak dan selepas satu tahun berniaga, maka selepas itu sahaja menaikkan kepada amaun yang sama dengan wang kerja iaitu 100% atau lebih. Bagi saya tidak ada sebab yang munasabah yang kita memberi kelonggaran seperti itu. Saya lebih mahu melihat satu keadaan di mana syarikat-syarikat yang besar itu sudah ada cukup wang untuk margin kesolvanan itu, sekiranya urusan itu tidak dijalankan dengan baik dan akibatnya orang-orang yang menggunakan perkhidmatan itu telah mengalami kesukaran.

Tuan Yang di-Pertua, 50% pada tahun yang pertama pada pendapat saya tidak munasabah dan saya ingin tahu apakah sebab ia dicadangkan hanya 50% atau lebih dan tidak 100% atau lebih. Ini untuk menjaga kepentingan pelanggan-pelanggan syarikat insurans luar pesisir ini.

Tuan Yang di-Pertua, itulah komen-komen saya dan saya mengakhiri dengan menyokong pindaan-pindaan yang dicadangkan itu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri.

11.23 pagi.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut serta membahaskan cadangan pindaan ke atas Akta 444 1990. Tetapi saya hanya akan menumpukan kepada bahagian baru iaitu bahagian 4(A). Di mana bahagian ini saya lihat banyak menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan orang Islam umpamanya polisi daripada kalangan orang-orang Islam.

Yang pertama sekali dan ianya adalah berkaitan dengan polisi nyawa. Oleh yang demikian itu saya ingin menarik beberapa perhatian di sini, di antaranya ialah apabila seorang pemunya polisi insurans ini mati, maka ianya boleh menamakan orang-orang seperti berikut. Di antaranya, isteri atau suami. Ini bermakna jika sekiranya isteri yang mempunyai polisi atau tuan punya polisi itu dia bolehlah menamakan suaminya dan jika suami pemunya polisi itu, maka suami bolehlah menamakan isteri atau disebut juga dalam pindaan ini kalau tidak ada suami atau isteri, maka hendaklah ibu bapa atau anak-anak.

Persoalan yang saya hendak bangkitkan di sini, bagaimanakah cara penanggung insurans ini melaksanakan pembayaran itu? Adakah jika sekiranya pemunya ataupun pemilik insurans itu ataupun pemilik polisi itu suami, katalah yang mati itu suami, maka yang tinggal adalah isteri. Adakah isteri ini dianggap sebagai pemegang amanah ataupun sebagai wasi. Kadang-kadang seorang pemunya polisi itu yang terdiri daripada orang Islam, walaupun dia menamakan isterinya tetapi boleh jadi dia ada anak.

Dalam pembahagian harta Islam ataupun faraid mengikut Islam. Kalau seorang suami mati, katalah pemegang polisi itu suami, dia mati, penamanya ialah isteri dan dia meninggalkan beberapa orang anak, katalah ada dua orang anak lelaki dan dua orang anak perempuan. Apakah wang pembayaran itu apabila ianya dibayar kepada isteri yang dinamakan oleh pemunya polisi insurans itu, maka yang menerima itu hanyalah isteri. Dia tidak lagi akan membahagi-bahagikan, kerana dalam seksyen yang lain ada menyebutkan bahawa apabila seseorang itu mati, boleh juga harta ataupun wang pembayaran itu dikira sebagai harta pusaka.

Apa yang saya hendak timbulkan, bagaimanakah pembahagian harta pusaka itu, adakah ianya apabila hendak dibahagikan menunggu surat daripada mahkamah syariah tentang pembahagian-pembahagian yang ditentukan. Misalnya suami mati, meninggalkan seorang isteri yang dinamakan sebagai penama oleh pemunya polisi itu, maka kalau mengikut kaedah Islam isteri itu hanya akan mendapat 1/8, jika sekiranya dia meninggalkan beberapa orang anak atau si mati tadi meninggalkan beberapa orang anak. Jika sekiranya isteri yang menjadi pemunya kepada polisi itu, maka suaminya yang dinamakan sebagai penama, isteri itu mati yang dinamakan ialah suami, adakah suami itu kena membahagikan pembayaran itu yang dianggap sebagai harta pusaka mengikut kaedah perundangan Islam.

Jika sekiranya mengikut kaedah perundangan Islam dalam pembahagian harta ini, maka walaupun pada asalnya menurut pembacaan saya suami itu berhak 1/2 daripada peninggalan itu, tetapi oleh kerana dia ada anak maka suami menjadi turun

haknya tinggal $\frac{1}{4}$ sahaja. Adakah ini akan dapat dilaksanakan oleh penanggung insurans ini, dan adakah penanggung insurans itu sendiri akan membahagi-bahagikan peninggalan ini kepada orang-orang yang berhak seperti saya katakan tadi kalau sekiranya seorang suami yang mati, meninggalkan isteri, isteri hanya berhak $\frac{1}{8}$ walaupun pada asalnya $\frac{1}{4}$ tetapi kerana ada anak-anak, maka anak-anaknya akan mewarisi sebahagian yang besar daripada harta peninggalan si pemunya polisi ataupun pemunya insurans itu.

Persoalan saya di sini siapakah yang akan mengagihkan peruntukan itu. Adakah pihak penanggung insurans ataupun syarikat insurans itu akan membahagikan terus kepada pihak-pihak yang dikatakan sebagai waris. Selain daripada itu disebutkan juga dalam akta ini seseorang pemilik polisi, umurnya 18 tahun ke atas, maka dia boleh menamakan sesiapa sahaja yang sebenarnya, perkataan "yang sebenarnya" ini siapa? Saya pun tidak faham, siapa orang yang sebenarnya. Adakah jika dia seorang anak dia boleh menamakan bapanya atau jika seorang anak dia boleh menamakan saudara tuanya atau saudara mudanya, adiknya atau abangnya.

Jadi, orang yang sebenarnya juga perlu mendapat penjelasan seperti yang disebutkan di sini, Seksyen 25B, ini tambahan untuk seksyen baru 4A, ini persoalan-persoalan yang harus dilihat secara terperinci oleh pihak-pihak yang berkenaan, mudah-mudahan ianya tidak akan menjadi suatu perkara yang boleh menimbulkan perselisihan di antara keluarga, walaupun ini saya kira adalah sebagai suatu galakan, pertama sekali kepada pemodal-pemodal daripada negara-negara Islam untuk turut serta dalam melabur di negara kita.

Walau bagaimanapun jika ianya disertai oleh orang-orang Islam, peruntukan-peruntukan ini sedikit sebanyak memberikan ruang kepada orang-orang Islam untuk menyertai, boleh jadi ini sebagai suatu galakkan supaya orang-orang Islam menyertai insurans pesisir ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu apabila penama ini memang ada disebutkan, apabila seseorang penama mati...

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Apabila seorang penama yang telah dinamakan oleh pemunya polisi insurans ini mati lebih awal daripada pemilik ataupun pemunya polisi ini, maka pemunya polisi ini boleh menamakan sesiapa sahaja yang difikirkan patut. Dalam kaedah perundangan ini saya lihat dinamakan ianya sebagai wasi. Persoalan yang hendak saya timbulkan wasi itu bahasa Arab yang dipinjam barangkali, bahasa Arab yang dipinjamkan dan digunakan dalam istilah perundangan. Wasi itu ialah pemegang wasiat atau orang yang memegang wasiat. Walaupun ianya tidak diwasiatkan oleh si mati tetapi oleh kerana semua warisnya telah mati sebelum pemunya insurans itu mati atau pemunya polisi itu mati, mati semua orang yang dinamakan sebagai penama maka selepas itu dia berhak untuk menamakan sesiapa sahaja yang difikirkan patut tetapi kaedah wasi itu digunakan.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pemahaman saya, saya bimbang adakah wasi ini kemudian daripada itu wasi itu mati, ke manakah harta peninggalan ataupun kerana dia dianggap sebagai harta pusaka tadi, ke manakah harta-harta itu akan dibahagikan, adakah akan dibahagikan kepada waris-waris wasi ataupun kepada waris-waris pemunya insurans itu yang mungkin masih ada lagi kerana jika sekiranya tidak ada anak, tidak ada apa, dia boleh turun kepada bapa kemudian boleh turun kepada abang ataupun adik, itu menurut kaedah perundangan Islam dari segi pembahagian harta pusaka ini.

Walau bagaimanapun, saya tertarik hati kerana ini maknanya dalam akta dan dalam cadangan pindaan ini diberikan ruang supaya kita boleh lihat bagaimana unsur-unsur perundangan Islam itu telah dimasukkan ke dalam Akta 444, 1990 ini iaitu Akta Pindaan ke atas Akta Insurans Pesisir 1990.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna Yang Berhormat unsur-unsur? Yang Berhormat nyatakan bermakna bahawa unsur-unsur apa? Dimasukkan dalam ...

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Dimasukkan ke dalam perundangan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Unsur-unsur apa?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Unsur-unsur kaedah perundangan Islam dalam perkara pembahagian harta pusaka. Ini saya sebutkan tadi ialah untuk mengelakkan ataupun memberi ruang kepada orang-orang Islam jika sekiranya mereka ataupun ada di antara mereka yang menyertai kegiatan insurans ini yang menjadi pemunya kepada polisi itu tapi ini dalam bab mati, cedera dan sebagainya. Apabila mendapat misalnya kecederaan dapat ganti rugi tetapi oleh kerana mati kita ini tidak dapat ditentukan kadang-kadang pemunya polisi itu mati dahulu dan kadang-kadang penama yang dinamakan oleh pemunya polisi itu mati dahulu. Persoalan saya di sini ialah bagaimana dari segi pelaksanaan? Bermakna kebiasaan yang saya tahu apabila seseorang itu mati, harta berkaitan dengan harta miliknya sendiri yang jelas seperti tanah dan sebagainya, apabila berlaku perselisihan di antara keluarga maka pembahagian itu hendaklah dilakukan setelah mendapat perintah daripada Mahkamah Syariah mengikut pembahagian-pembahagian yang ditentukan oleh Islam.

Saya boleh bersetuju yang dikatakan wasi tadi ingin saya katakan suatu ruang yang sangat baik di mana pemegang wasiat itu boleh kalau ianya jujur dia boleh menemui ataupun berjumpa dengan hakim Mahkamah Syariah apabila dia mendapati bahawa pemunya polisi itu masih ada lagi waris-warisnya yang dikira mempunyai hak ke atas harta wasi yang telah diwasiatkan oleh pemunya polisi itu.

Saya hendak tanya di sini apakah penguatkuasaan, penguatkuasaannya dan bagaimana? Adakah ianya dibayar terus oleh penanggung insurans ataupun tuan punya insurans?

Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara-perkara yang saya sebutkan tadi saya mohon penjelasan supaya ianya tidak menimbulkan kekeliruan terutama sekali di kalangan orang-orang Islam yang menyertai polisi insurans ini. Mudah-mudahan dengan yang demikian itu tidak akan timbul sebarang keraguan dan ianya tidak akan menjadi penyebab kepada perpecahan keluarga. Sebab saya katakan tadi bahawa dari segi kaedahnya walaupun seorang isteri yang memang dinamakan, kemudian pemunya insurans itu suaminya dia tidak boleh mengambil semua kalau ianya dikira sebagai harta pusaka, isteri itu tidak boleh ambil semua pembayaran itu. Katalah kalau RM50,000 dia tidak boleh ambil semua, malah isteri itu hendaklah membahagi-bahagikan kepada waris-waris yang lain yang ditinggalkan oleh suami sebagai pemegang polisi ataupun pemunya polisi itu yang telah meninggal itu.

Begitu juga jika sekiranya suami yang isterinya memiliki polisi ataupun pemunya polisi itu penamanya ialah suami, suami juga tidak boleh sewenang-wenang untuk membolot semua harta sepeninggalan isteri walaupun telah dibayar oleh penanggung insurans itu. Persoalan yang saya timbulkan di sini ialah adakah penanggung insurans itu, bahasa mudahnya tuan punya insurans atau syarikat insurans itu boleh membayar terus kepada waris-waris jika sekiranya ada nama-nama mereka didaftarkan, Tuan Yang di-Pertua. Untuk ini saya menyarankan dan mengesyorkan supaya jika sekiranya hal-hal yang sedemikian berlaku saya kira syarikat insurans ini mestilah melantik beberapa orang ahli dalam perkara-perkara yang berkaitan pembahagian harta ini supaya ianya lebih mudah dan orang-orang ini sama ada namanya jawatankuasa khas atau penasihat syariah seperti yang telah diluluskan dalam pindaan undang-undang bank tempoh hari, maknanya dia boleh melantik beberapa orang sebagai penasihat syariah, melalui bantuan penasihat syariah ini ianya boleh diselesaikan dengan segera, tidak tergantung beberapa tahun lamanya.

Kerana biasanya syarikat-syarikat insurans kadang-kadang pembayaran itu tergantung sampai dua, tiga tahun. Ianya berkait ataupun melibatkan keputusan mahkamah dan sebagainya. Jadi dengan cara yang demikian tadi cepat boleh dirunding dengan pihak Mahkamah Syariah apabila surat-surat kuasa diperolehi maka yang ditetapkan dan diyakini bahawa mereka itu adalah waris-waris kepada pemunya polisi itu maka jawatankuasa ataupun penasihat syariah itu boleh membantu Mahkamah Syariah supaya menyegerakan pembayaran itu. Ini jika sekiranya memerlukan kepada keputusan Mahkamah Syariah. Jika sekiranya tidak memerlukan ada juga sesetengah orang dia tidak perlu dan tidak payah melalui mahkamah syariah dia yakin dengan pembahagian yang kita buat, ada misalnya orang jual tanah, tanah itu lima orang misalnya dan kita bayar kepada lima orang itu mengikut bahagian, kalau seorang orang lelaki misalnya dua bahagian, tiga orang perempuan tiga bahagian, dia boleh terima tanpa melalui mahkamah syariah. Tetapi mereka itu yakin bahawa pembahagian itu adalah benar tetapi biasanya pembahagian itu adalah dirunjukkan dahulu kepada Mahkamah Syariah, ada surat daripada Mahkamah Syariah barulah

pihak penanggung insurans ini akan membayar kepada pihak-pihak yang berkenaan. Persoalan inilah yang berkaitan dengan teknik, pelaksanaan dan penguatkuasaan inilah yang saya ingin timbulkan dan saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya mohon. Adakah, melalui pindaan ini, kita melihat satu penemuan di antara Takaful dengan insurans?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya rasa, melalui pindaan ini, Insurans Luar Pesisir hendak menarik perhatian Takaful yang ada di sesetengah negara Arab, mungkin mereka akan masuk ke kawasan pesisir ini. Ini, boleh jadiilah.

Tuan Yang di-Pertua: Apa makna...

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Maksud daripada pindaan ini, bagi memberikan kepada pelabur Arab.

Tuan Yang di-Pertua: Apa makna menjurus ke arah penemuan?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Penemuan maknanya, satu penemuanlah. Sebenarnya, benda ini bukan tidak ada. Perkara ini sudah ada lama tetapi barangkali, baru ditemui, maka dimasukkan dalam pindaan atau cadangan pindaan akta ini.

Saya mengharapkan, mudah-mudahan dengan pindaan ini, secara umumnya, kita akan dapat menarik pemodal-pemodal, peniaga-peniaga daripada negara-negara yang kaya, daripada kalangan negara umat Islam, mereka akan datang ke Labuan. Ini kerana, mungkin boleh meyakinkan mereka, kerana ada jaminan melalui insurans ataupun melalui skim Takaful, yang menjamin keluarga dan waris-warisnya ataupun wasinya, waris-warisnya itu akan boleh mendapatkan balik bayaran-bayaran yang dibayar oleh penanggung insurans itu.

Jadi, inilah yang saya ingin mendapat penjelasan dari pindaan-pindaan ini, saya lihat pindaan yang berkaitan, bahagian 4A ini, ianya banyak menyentuh orang-orang Islam. Walau bagaimanapun, ianya tidaklah pula menghalang kepada orang-orang yang bukan Islam. Mereka juga boleh menggunakan kaedah ini, kalau mereka memikirkan bahawa itu adalah suatu perkara yang baik ke atas mereka tetapi barang diingat bahawa dari segi pembahagian harta Islam ini, ia tidak sama banyak di antara waris lelaki dan perempuan.

Tadi, saya dengar Senator Datuk Mansor kata, memang tidak sama lelaki dengan perempuan. Kalaulah disamakan semua, cubalah bayangkan, semua di dalam dunia ini, Tuhan jadikan lelaki semua, apa macam? Agak-agaknyalah, macam mana? Macam mana wanita? Atau semua dalam dunia ini, Tuhan jadikan wanita? Apa macam Dato'? Ha! Teruk juga. *[Bertanyakan kepada Yang Berhormat Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar]*

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: *[Menggeleng-gelengkan kepala]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Jadi, memang sudah tabiinya begitu. Tuhan jadikan sepasang, lelaki dan perempuan. Saya mohon maaf. Ada semalam orang menjawab, katanya kerana tidak sama. Memang tidak sama. Macam mana pun tidak sama. Sifat pun tidak sama.

Saya boleh melawak tetapi saya tidak melawaklah Tuan Yang di-Pertua. Saya pernah berbahas dengan orang-orang komunis bila saya melawak. Cuba kamu fikir saya kata, ada benda-benda sulitlah, dia berbeza antara lelaki dan perempuan. Pasal apa? Minta maaf, ini melawak sikitlah. Ia berbeza. Lelaki punya ada lebih, perempuan punya, payah hendak sebut...

Tuan Yang di-Pertua: Itu lain.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ha! Lain...

Tuan Yang di-Pertua: ...tetapi tidak ada lebih atau kurang, atas atau bawah.... *[Ketawa]*

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tidak tahulah. Itu, Tuan Yang di-Pertua, bolehlah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tafsirkan tetapi bagi saya, kita hendak tuntutan sama ini tidak boleh. Kalau sama, saya ingat kacau-bilau dunia ini.

Kalau jadi lelaki semua, saya katakan seluruhnya akan kacau-bilau. Kalau jadi perempuan semua pun, lagi kacau-bilau. Jadi, dengan sebab itulah, Tuhan jadikan

cukup cantik sudah kita ini. Ada lelaki, ada perempuan, ada jantan, ada betina. Sampailah kepada pokok-pokok dan makhluk-makhluk yang lain...

Tuan Yang di-Pertua: Mungkin makhluk daripada dua alam, yang mempunyai taraf yang sama.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Mula-mulanya tidak sama tetapi kemudian sama keluar daripada Adam dari syurga, kerana hal-hal yang berkaitan dengan nafsu, dikeluarkan dari syurga, itu mengikut Al-Quran. Ini ialah kerana Tuhan hendak jadikan kita ini semua sama. Kalau Adam tidak keluar, mungkin kita tidak ada langsung. Lelaki pun tidak ada, perempuan pun tidak ada. Tidak ada Adam, tidak ada Hawa, mungkin kita tidak ada.

Jadi, dari keturunan itulah kita jadi Tuan Yang di-Pertua. Walau bagaimanapun, oleh kerana manusia ini ada nafsu, ada akal yang diberikan oleh Allah S.W.T, maka dengan sebab itulah ditentukan peraturan-peraturan, sehinggalah sampai kepada peraturan-peraturan pembahagian harta yang digunakan oleh orang Islam atau orang yang bukan Islam hendak menggunakan kaedah Islam ini pun boleh, tidak ada halangan. Tidak ada halangan apa-apa dari segi perundangan Islam, kalau mereka melihat bahawa itu adalah suatu keadilan, suatu kebaikan, suatu peraturan yang boleh memelihara keharmonian keluarga mereka, mereka semua mempunyai hak-hak yang ditentukan oleh Allah S.W.T di dalam Al-Quran.

Memang Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat Al-Quran, saya baca lebih kurangnya maknanya, tidak adalah yang Tuhan ceritakan satu persatu di dalam Al-Quran melainkan mengenai pembahagian harta. Itulah yang cukup *detail*, yang lain tidak *detail* tetapi mengenai pembahagian harta ini cukup *detail*. Orang ini, kalau suami mati, tinggal isteri, tinggal anak, begini bahaginya. Begitu juga bila isteri mati, meninggalkan suami, meninggalkan anak-anak, begini bahagiannya. Memang disebut satu persatu di dalam Al-Quran. Yang lain tidak, hanyalah sebagai asas-asas sahaja. Allah S.W.T yang membuat ini, sangat mengetahui bahawa persoalan harta inilah, harta peninggalan inilah yang kadang-kadang boleh menyebabkan berlaku perkelahian di antara keluarga.

Kita sekarang ini pun melihat, saya pergi ke Negeri Sembilan, bukan hendak kata apa. Saya kata, "Rumah ini pasal apa naik rumput"? Dia kata, "Ustaz, ini rumah pusaka". Maknanya, ada pertikaian. Oleh kerana tidak mahu diselesaikan mengikut kaedah perundangan Islam. Itu, bagi orang Islam. Jadi, itulah komen saya, Tuan Yang di-Pertua, ke atas cadangan pindaan baru, khasnya Seksyen 4A. Walaupun banyak perkara yang lain, cukuplah, saya hendak beri peluang kepada orang yang lain untuk turut serta membahaskan. Dengan ini, saya menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Mansor bin Haji Md. Jaafar.

11.46 pagi.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengambil masa yang pendek sahaja kerana barangkali, kebanyakan isi-isi dan modul daripada pindaan ini, telah banyak dibincangkan.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Kewangan, kerana dengan kebijaksanaan dan kesungguhan maka wujudnya pindaan ini. Saya percaya, tentulah pindaan ini telah dikaji, diselidik, diteliti serta digubal dan dirangka oleh mereka yang mempunyai ilmu dan kepandaian, khususnya daripada segi terma-termanya yang berbentuk kebanyakannya ialah dari bahasa Inggeris, dikatakan *legal jargon*.

Jadi, saya rasa apa yang saya hendak katakan di sini ialah, pindaan undang-undang ini dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini, dalam bahasa Malaysia, yang berteraskan kepada bahasa Melayu. Hanya, yang perlu dan ingin saya mendapatkan kepastian daripada pihak Kementerian Kewangan, sama ada apabila merangka pindaan ini di dalam bahasa Malaysia yang berteraskan kepada bahasa Melayu, terma-termanya yang telah digunakan itu, mungkinkah telah dirujuk terlebih dahulu ataupun tidak dengan pihak yang berwajib seperti Dewan Bahasa dan Pustaka dan sebagainya. Ini kerana, kita kluatir sekiranya ada lagi pindaan-pindaan kepadanya nanti, barangkali ia akan dapat membantu mengurangkan masalah.

Kiranya tidak ada lagi melibatkan sebarang pindaan yang lain di dalam perkara-perkara yang telah kita luluskan atau akan diluluskan, 20, 30 atau 40 tahun

lagi, di mana anak-anak kita, generasi yang akan datang, yang akan menggunakan bahasa Melayu, menerusi bahasa baku akan menyebut perkataan-perkataan mengikut ejaan yang ada di dalamnya. Maka, ia akan menjadi kejanggalan kepada mereka, lebih-lebih lagi kiranya ada perkataan-perkataan di dalamnya yang dirujuk di dalam kamus, tidak berjumpa.

Kalau tidak silap saya semalam, saya mendengar di dalam pembentangan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, menggunakan perkataan-perkataan yang disebutkan seperti "pengunderaitan". Contoh yang saya bawa ini, kalau hendak dikira dalam bahasa Malaysia yang berteraskan kepada bahasa Melayu baku, ejaan di dalamnya, sebutannya bukanlah "pengunderaitan" tetapi "peng-un-de-raitan"... [*Membunyikan vokal u*] Kalau ejaannya u-n-d-e-r-a-i-t-a-n tetapi Timbalan Menteri menggunakan "pengunderaitan", kerana beliau faham, sebenarnya perkataan itu asalnya daripada mana, iaitu perkataan Inggeris yang dikatakan, "*underwritten*" atau "*underwrite*" tetapi barangkali seperti yang saya katakan tadi, 30, 40 tahun lagi, apabila generasi muda membacanya, membacanya mengikut bahasa Malaysia yang berteraskan kepada bahasa Melayu baku, maka dia akan membacanya "peng-un-deraitan"... [*Membunyikan vokal 'u'*] Kalau dicari perkataan itu di dalam Kamus Dewan, barangkali tidak ada. Kemudian, ketika itu, tentulah ada mereka yang mengatakan ini adalah *legal jargon*. Namun *legal jargon* juga mesti ada asasnya. Asas perkataan itu.

Di antara contoh lagi seperti saya kata di dalam pindaan ini ialah perkataan, kalau saya baca mengikut bahasa bakunya ialah "be-ne-fe-sial" yang berpunca daripada perkataan "*beneficial*". Jadi, kalau kita hendak meminjam bahasa-bahasa daripada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak hendak mencelah banyak namun soalnya di sini asalkan ejaannya itu sama maka sebutannya itu sampingan sebab jika ejaan itu sama ia mencukupi kerana sebutan hanyalah sampingan seperti mana perkataan "sama" - disebutkan 'sama' oleh orang Utara, 'same' oleh orang Johor.....

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya, saya setuju.

Tuan Yang di-Pertua: Dan 'same' oleh orang Parit dan sebagainya, asalkan ejaan itu sama, sebutan itu tidak begitu

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Saya tidak pergi ke situ sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan di sini ialah apabila kita menggubal sesuatu undang-undang dalam bahasa Malaysia yang berteraskan kepada bahasa Melayu barangkali kalau sudah ada perkataan-perkataan yang wujud di dalam bahasa Melayu itu sendiri, daripada dahulu saya katakan supaya ia digunakan. Kadang-kadang seperti mana Yang Berhormat Ustaz Hassan sendiri mengatakan tadi perkataan "wasi" yang kita pinjam dari bahasa Arab kadang-kadang boleh memberikan makna yang lain.

Sebab itu apa yang saya hendak katakan oleh kerana ini akan diluluskan atau telah diluluskan oleh Parlimen Malaysia maka saya memohon kalau sekiranya boleh dan tidaklah menjadi keberatan lain kali kalau ada penggubalan mana-mana undang-undang atau pindaan dan sebagainya, kita barangkali terlebih dahulu memikirkan sama ada perlu untuk dibawa berbincang dengan pihak-pihak yang berkepakaran dalam bahasa kerana kita telah mendengar penjelasan Timbalan Menteri Pelajaran, kita mempunyai lebih kurang 262 orang pakar bahasa yang boleh membantu.

Persoalannya, kita janganlah ambil mudah supaya dalam semua undang-undang yang kita gubal ini yang akan diluluskan oleh institusi yang tertinggi dalam negara, kita harus menggunakan bahasa-bahasa yang sepatutnya melambangkan bahawa ini adalah bahasa bagi bangsa Malaysia.

Saya sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kepada pindaan ini cuma yang saya ingin katakan sebagai berkongsi pandangan supaya apabila kita melakukan perkara seperti ini, kita dapat merujuk kepada asas perkataan ini untuk diguna pakai dengan lebih bermakna.

Jadi, dengan kata-kata itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong kepada pindaan ini dan saya percaya pindaan ini akan berlaku dari masa ke semasa mengikut kesesuaian dan keadaan pada masa itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menggulung serta menjawab. Menjawab serta menggulung, minta maaf, jawab dahulu baru gulung.

11.53 pagi.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertamanya bagi pihak kementerian, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tiga ahli Dewan yang melambangkan Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini sangat berminat dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Labuan sebagai pusat pesisir yang terkenal dan juga bertaraf antarabangsa di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk memberitahu bahawa pindaan ke atas akta ini adalah salah satu daripada usaha kerajaan untuk memperluaskan sebagaimana yang saya katakan pada pembentangan semalam supaya LOFSA ataupun Pusat Pesisir Labuan ini menjadi tarikan dan juga kepercayaan daripada pelabur-pelabur khususnya pelabur pesisir daripada luar negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Labuan sebagai sebuah pusat pesisir dengan pesisir yang di antara 50 pusat kewangan luar pesisir antarabangsa di seluruh dunia, ia telah menampakkan satu pertumbuhan dan juga kejayaan dalam usaha ini dan sebagaimana yang kita kehendaki di mana Labuan ini kita perlu melengkapkannya supaya ia menjadi sentiasa berdaya saing dengan pusat-pusat kewangan luar pesisir yang lain yang saya sebutkan tadi.

Di atas dasar inilah, Tuan Yang di-Pertua, segala perundangan ataupun undang-undang yang kita kenakan bukan sahaja Undang-undang Insurans Luar Pesisir malahan undang-undang yang lain di LOFSA ini, ia merupakan satu kekuatan kepada pusat pesisir ini sendiri di mana ia menjadikan satu keyakinan kepada pelabur maka saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang faham keadaan ini dan kita perlu juga sedar bahawa dengan suasana perniagaan yang *conducive* serta menjadikan Labuan ini selaras dengan kehendak-kehendak amalan yang terbaik dan juga selaras dengan standard ataupun taraf kewangan antarabangsa, ia menjadikan kekuatan ataupun menjadikan kejayaan di pusat perdagangan industri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh, yang pertama izinkan saya untuk menjelaskan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng mengenai pertamanya modal kerja yang tidak berapa jelas di dalam pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, modal kerja bagi sesebuah syarikat untuk menjalankan perniagaan insurans nyawa sebagaimana yang kita sebutkan di sini, sebagai contohnya ditetapkan dalam Seksyen 6 Akta, adalah sebanyak RM7.5 juta sahaja tetapi dengan pindaan yang akan kita luluskan ini, modal kecil kepada syarikat insurans ini khususnya akan difikirkan oleh LOFSA supaya ia selaras dengan apa yang dirancang oleh syarikat berkenaan berdasarkan pemikiran ataupun keputusan LOFSA berdasarkan kepada sejauh mana risiko dan juga tahap yang akan ditanggung oleh syarikat ini, maka pihak LOFSA akan menetapkan ia melebihi daripada tahap minimum RM7.5 juta yang saya katakan tadi. Maka ini tidaklah sebuah syarikat, tentunya kalau tidak dikenakan pindaan ini, mereka akan sentiasa mengambil tahap ataupun jumlah yang paling minimum.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua dibangkitkan oleh Yang Berhormat di manakah rasionalnya untuk mewajibkan semua syarikat insurans yang berdaftar di Labuan ini menubuhkan sebuah persatuan dan sebelum memohon lesen perniagaan insurans dan berkaitan dengan insurans di Labuan IOFC.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini akan membolehkan dengan mensyaratkan setiap perniagaan insurans ataupun berkaitan dengan insurans menjadi ahli persatuan adalah untuk membolehkan proses kawal selia yang akan dijalankan oleh pihak LOFSA dengan kerjasama yang sangat baik daripada persatuan dan peniaga insurans ini kerana dengan hubungan yang sebegitulah saya percaya di mana-mana sahaja sama ada perniagaan bank, perniagaan runcit dan sebagainya, dengan menubuhkan sebuah persatuan ia secara langsung dapat disalurkan maklumat timbal balas sama ada dari pihak LOFSA juga daripada pihak peniaga-peniaga insurans supaya segala masalah bersama akan dapat kita selesaikan dan dapat kita jadikan kepuasan ataupun kedua-dua pihak mendapat kemenangan dalam perniagaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat juga membangkitkan soal Surat Kesedaran daripada pengawal selia untuk memohon Perakuan Kesedaran dan juga latar belakang syarikat. Cadangan Yang Berhormat supaya bukan sahaja Surat Kesedaran, tetapi juga dicadangkan supaya diadakan sedikit surat sokongan dan juga penerangan latar belakang syarikat yang berkenaan sebelum mereka memohon lesen ataupun berniaga di pusat IOFC kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini satu cadangan yang sangat baik dan LOFSA secara khususnya akan menangani ataupun menjadikan cadangan Yang Berhormat ini secara pentadbiran tanpa kita perlu memasukkan dalam pindaan akta ini. Saya percaya ia mencukupi untuk menjadikan peruntukan ataupun kekuatan kepada syarikat insurans yang bakal berdaftar di IOFC nanti.

Seterusnya dibangkitkan oleh Yang Berhormat ialah untuk menentukan kelayakan, cara-cara LOFSA menentukan kelayakan pengurusan syarikat insurans luar pesisir selain daripada yang kita bentangkan semalam iaitu *professional indemnity insurance*. Jelas daripada Seksyen 6 dan juga Seksyen 7, akta menetapkan bahawa sebelum LOFSA meluluskan mana-mana lesen, mengawal, mengarah dan juga Ketua Pegawai Eksekutif perlu memohon. Pemohon mestilah seorang yang "*fit and proper person*". Itu maksudnya.

LOFSA telah mengeluarkan suatu garis panduan mengenai perkara ini. Di samping itu, LOFSA juga akan menjalankan *security verify*, dengan izin, dan *financial vetting*, dengan izin, terhadap mereka melalui sumber-sumber yang tertentu di pihak LOFSA.

Tuan Yang di-Pertua, juga dibangkitkan soal penolakan permohonan lesen yang dikatakan dalam akta ini pihak Menteri tidak memerlukan alasan di atas penolakan tersebut. Untuk pengetahuan Dewan, lesen yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Kewangan bagi industri insurans dan berkaitan dengannya, ia merupakan satu *privilege*, dengan izin, ataupun keistimewaan dan ia bukannya satu hak. Oleh itu, peruntukan ini adalah perlu untuk melindungi kerajaan dari sebarang tindakan undang-undang.

Yang Berhormat, sebagai contohnya, sesuatu permohonan itu mungkin lengkap, memenuhi syarat dan sebagainya tetapi ia tidak dapat diluluskan oleh pihak kementerian sekiranya permohonan itu terdiri daripada pihak-pihak atau syarikat-syarikat yang tidak bersesuaian dengan negara kita. Contohnya ia berasal daripada negara yang mempunyai dasar yang bertentangan dengan dasar negara, dasar Kerajaan Malaysia dan sebagainya. Contohnya kalaulah syarikat berkenaan dari negara Israel dan sebagainya. Jadi, ini tidak perlu kita beri syarat tetapi kita boleh dengan akta ini menolak dan juga tidak meluluskan lesen tanpa memberi sebarang alasan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin dengan panjang lebar ialah mengenai pelantikan juruaudit dalam dan juruaudit luar, yang secara khususnya beliau mempersoalkan kredibiliti juruaudit ini dan tadi diberikan contoh bandingan antara *in-house architect* dengan juruaudit dalaman dan sebagainya.

Pada hemat kita dalam soal perniagaan ini jelas, Tuan Yang di-Pertua, audit ini di mana-mana sekalipun sama ada perniagaan dalam negara malah kita menguatkuasakan di IOFC ini, sebenarnya untuk menjadikan syarikat-syarikat yang berurusan dengan IOFC kita ini, insya-Allah akan mempunyai kredibiliti yang baik dan kepercayaan yang tinggi serta tata urus yang terbaik. Kita tidak mahu masalah-masalah yang berlaku di pusat-pusat pesisir yang lain, contohnya kita semua tahu, akan melanda ataupun menjadi masalah kepada pusat pesisir kita dan seterusnya masalah kepada negara kita.

Jadi, semua juruaudit yang ingin menjalankan audit kepada syarikat-syarikat luar pesisir perlu kita daftarkan dan mendapat kelulusan daripada LOFSA sebelum mereka dilantik oleh syarikat pesisir. Maknanya kita mesti memastikan syarikat-syarikat juruaudit ini adalah juruaudit yang tidak digunakan sewenang-wenangnya oleh syarikat berkenaan.

Juruaudit yang dilantik juga mempunyai kewajipan di bawah undang-undang untuk melaporkan sebarang pelanggaran di bawah akta. Kegagalan mereka untuk

melaporkan pelanggaran yang berkenaan akan menyebabkan mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang.

Mengenai kos pelantikan ia perlu ditanggung oleh syarikat luar pesisir berkenaan, kerana tanggungjawab untuk memastikan pentadbiran yang baik serta pematuhan undang-undang adalah tanggungjawab syarikat berkenaan.

Pada keseluruhannya LOFSA amat berpuas hati dengan kredibiliti juruaudit yang berdaftar dengan LOFSA, di mana mereka diwajibkan untuk membentangkan laporan kepada pihak LOFSA sebaik sahaja selesai mereka menjalankan kerja-kerja audit mereka. Kita tambah juga dalam akta pindaan ini di mana untuk kita pastikan kepuasan ataupun kepercayaan syarikat-syarikat pelabur di pusat kita ini, kita pastikan juga soal kerahsiaan di dalam kerja-kerja pengauditan ini.

Seterusnya.....

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Sila.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Timbalan Menteri di atas jawapan yang begitu *detail* tentang tiap-tiap perkara yang saya bangkitkan itu. Saya rasa amat puas hati dengan jawapan-jawapan itu.

Saya hendak tanya satu penjelasan tentang bayaran kepada juruaudit. Kalau dirasakan lebih baik jika ia dibayar daripada syarikat-syarikat itu sendiri, adakah kementerian ingin mencadangkan kepada LOFSA supaya kita ada satu skala bayaran atau satu struktur untuk bayaran kepada juruaudit-juruaudit ataupun itu masih terpulang kepada tiap-tiap majikan untuk menentukan bayaran kepada juruaudit itu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Terima kasih Yang Berhormat. Saya pun ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' kerana sebenarnya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat soal keseluruhan apa yang kita ingin pinda. Saya percaya dalam peringkat Jawatankuasa nanti tidak ada perkara lagi yang akan berbangkit, mudah-mudahan.

Soal bayaran ini tentu sekali LOFSA mempunyai garis panduan yang telah dipersetujui bersama oleh juruaudit-juruaudit yang berdaftar dengan LOFSA dan juga pihak syarikat-syarikat pelabur yang tentunya garis panduan ataupun tarif yang kita kenakan ini adalah pada standard antarabangsa.

Akhir sekali Yang Berhormat Dato' Dr. Chin memaklumkan kepada Dewan kenapa pada tahun pertama *margin of solvent* ditetapkan hanya 50% sahaja kepada syarikat. Untuk makluman Dewan, Tuan Yang di-Pertua, modal kerja sesebuah syarikat sebenarnya akan digunakan pada tahun pertama walaupun mereka menetapkan modal kerja mereka selaras dengan apa yang mereka *plan* untuk perniagaan, tentu sekali pada tahun yang pertama untuk memulakan operasi, mereka akan gunakan modal kerja ini bagi kos operasi berkenaan.

Jadi, dengan hal yang demikian, untuk menggalakkan syarikat ini daripada menghadapi masalah untuk memenuhi tahap *kesolvenan*, saya takut saya salah sebut lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri menoleh pandangan kepada Dato' Mansor.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Lulus. Lulus Tuan Yang di-Pertua. Bagi tahun pertama kita berikan kelonggaran kepada syarikat berkenaan dengan mensyaratkan 50% ke atas *margining 'kesolvenan'* itu kita pastikan supaya ia tidak digunakan. Lagipun Yang Berhormat Dato' pada tahun pertama kita tahu mana-mana syarikat insurans pun dari segi tuntutan pada tahun pertama ini ataupun mula perniagaan, saya rasa jarang mereka mendapat ataupun menghadapi tuntutan yang hebat ataupun tinggi melainkan pada tahun-tahun seterusnya.

Sebab itulah dengan pindaan ini, kita ingin memastikan taraf ataupun had *solvency* mereka pada tahun-tahun seterusnya mestilah bukan 50% dan sebagaimana yang dicadangkan oleh Dato' mesti 100%. Ini untuk meyakinkan pelabur-pelabur, peniaga-peniaga terhadap suasana perniagaan di pusat pesisir kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga untuk menjelaskan beberapa perkara. Sedikit perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan bin Haji Shukri, pertamanya mengenai tambahan kepada akta ini kepada 4A khusus mengenai cara pembahagian wang polisi bagi orang Islam jika pemegang polisi itu meninggal dunia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekiranya ada penamaan, wang polisi ini akan dibahagikan mengikut apa yang dinamakan dalam polisi berkenaan. Tetapi sekiranya tidak ada penamaan, Seksyen 25F menetapkan bahawa wang polisi yang dibahagikan mengikut undang-undang Islam.

Mengenai tarif orang sebenar ataupun *natural person*, dengan izin ialah di mana, mana-mana seorang individu bukannya syarikat ataupun perbadanan, sesiapa sahaja boleh dinamakan oleh pemegang polisi untuk menerima faedah jika beliau meninggal dunia.

Perkara yang kedua, kepada siapakah wang polisi akan dibahagikan apabila semua penama ataupun wasi meninggal. Ini perkara yang kemungkinan akan berlaku maka wang cagaran itu akan dibahagikan kepada sesiapa yang dapat mengemukakan kepada syarikat penanggung insurans apa yang kita panggil *grant of probate* atau *letters of administration* ataupun *distribution of order* yang akan dikeluarkan oleh mahkamah yang berkenaan yang mana terkandung dalam Seksyen 25H yang baru.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Minta laluan.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat apabila penama itu meninggal semua pemegang polisi dia boleh menamakan sesiapa yang dia suka. Saya hendak tahu di mana letaknya kedudukan Baitulmal? Biasanya kalau harta-harta peninggalan tidak ada pewaris, Baitulmal akan masuk untuk ambil bahagian yang ditinggalkan oleh pewaris-pewaris tadi. Tidak ada sebut sedikit pun dalam pindaan ini tentang kuasa-kuasa Baitulmal jika seorang pemegang polisi itu meninggal dan demikian juga penamanya juga meninggal dunia semua, selepas sahaja pemegang polisi meninggal, maknanya semua meninggal, tidak nampak ruang di mana celah Baitulmal boleh masuk dalam akta ini.

Tuan Yang di-Pertua: Apakah Yang Berhormat bermaksud Baitulmal Malaysia atau Baitulmal antarabangsa?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Baitulmal Labuan. Labuan dalam Wilayah Persekutuan. Dari segi enakmen ataupun akta syariah maknanya Majlis Agama Wilayah Persekutuan yang termasuk juga Labuan di bawah jagaannya boleh masuk. Itu fahaman saya. Kalau negeri, mengikut enakmen negerilah. Tetapi oleh kerana Labuan dalam Wilayah Persekutuan maka Baitulmal Wilayah Persekutuanlah. Saya hendak tanya bagaimana agaknya kalau berlaku perkara yang seperti ini, apakah Baitulmal tidak dikira sebagai orang yang berkuasa dalam mendapatkan harta itu kerana itu adalah kepentingan kerajaan. Kerajaan akan dapat harta daripada tertinggal begitu sahaja. Terima kasih.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya ada sedikit kekeliruan mengenai perbincangan pindaan akta ini, kekeliruan pandangan barangkali. Apa yang kita bangkitkan soal ini adalah soal kewangan luar pesisir yang berada di Labuan itu sebenarnya tidak tertakluk kepada undang-undang di Labuan itu sendiri. Ini adalah di bawah Akta 444, insurans di sini ialah insurans sebenarnya tidak sama dengan Akta Insurans yang berada di dalam domestik yang berada di dalam negara kita, ini khusus untuk di luar pesisir.

Tambahan yang kita bangkitkan dalam pindaan ini sebenarnya sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat adalah untuk menarik pelabur-pelabur ataupun syarikat-syarikat daripada negara-negara Islam yang pada hari ini telah pun melihat Malaysia ataupun rantau ini sebagai pusat baru mereka daripada pusat-pusat lain khususnya selepas kejadian 11 September.

Sebenarnya inilah maksud tambahan ini. Insya-Allah secara *detail* Yang Berhormat, sebenarnya secara khusus mengenai pelaksanaan undang-undang ataupun Takaful Islam di pusat perdagangan pesisir Labuan ini insya-Allah sebenarnya telah pun kita lantik Jawatankuasa Syariah untuk menentukan garis panduan dan juga untuk memastikan apa yang kita katakan tadi kehendak dan juga untuk memastikan

pelabur-pelabur Islam yang akan melabur ataupun datang ke pusat pesisir kita ini mendapat ruang dan juga sesuai dengan perdagangan kita.

Insya-Allah apa yang dibangkitkan secara *detailnya* kita dalam Akta ini tentu sekali secara *detail* akan ditentukan kemudian.

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah mungkin Yang Berhormat, pihak Baitulmal di negara pihak yang menuntut boleh membuat atau membawa tuntutan dalam keadaan Yang Berhormat bangkitkan tadi. Katalah yang menuntut itu dari Qatar dan timbul masalah wang itu masih tidak boleh dibahagi-bahagikan maka hak wang itu dipulangkan ke Baitulmal timbul, tidakkah pula Baitul Mal Qatar boleh membuat permohonan.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Apa yang kita bangkitkan Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya banyak kepada insurans nyawa, yang pertama kita pinda tadi, sebenarnya Baitulmal Wilayah Persekutuan Labuan sendiri

Tuan Hassan bin Haji Shukri: [*Bangun*]

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Ya, ya, ada penjelasan Yang Berhormat?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Pertama tadi saya hendak bagi penjelasan, ada keraguan atau salah faham. Sebenarnya saya tidak salah faham seperti Tuan Yang di-Pertua sebut kerana yang menyertai ini tadi mungkin rakyat Qatar. Dia ada memegang polisi

Tuan Yang di-Pertua: Sebab saya tidak mahu ada pertembungan di antara fahaman satu pihak di negara ini dengan fahaman di satu pihak lagi. Jadi, sebab itu saya cari penyelesaian.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya ingat perkara ini tidak timbul, Tuan Yang di-Pertua, kita hendak selesaikan. Misalnya peserta itu dari Qatar, dia tak ada waris tentulah maknanya, kerana dalam Islam, yang berhak nanti ialah Baitulmal Qatar.

Tuan Yang di-Pertua: Baitul Mal Qatar bukan Baitul Mal Labuan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Ya. Macam begitu juga. Saya menyebut di sini sebagai warganegara Malaysia, sebagai pemegang polisi itu, pemunya polisi itu meninggal. Maknanya tidak ada pihak yang mewakili warganegara Muslim Malaysia ini untuk membuat tuntutan. Kalau tidak ada, wang itu semuanya kepunyaan syarikat insurans itu sahajalah. Sebenarnya kaedah yang saya sebutkan ini untuk memberi ruang kepada pihak Majlis Agama atau Baitulmal itu, boleh lakukan dan ia akan jadikan itu sebagai kumpulan wang orang Islam dalam Baitulmal. Tidak ada percanggahan rasa saya. Pemahaman saya untuk memberi keluasan lagi supaya ia tidak akan dimiliki, dilesapkan oleh syarikat-syarikat insurans kerana tidak ada siapa yang menuntut.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, cukup jelas.

Datuk Tengku Putera bin Tengku Awang: Tidak sekali-kali, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya, semua syarikat yang melabur di Labuan ini yang dikatakan insurans nyawa dan insurans am tadi, sebenarnya kepada syarikat dan juga kepada pekerja syarikat. Jadi apa yang dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua tadi, peserta daripada Qatar atau daripada mana negara sekalipun, sebenarnya kepada mana-mana negara ataupun Baitulmal negara-negara bukan sahaja daripada Qatar ataupun dari negara-negara lain ini berhak kepada tuntutan ke atas penama daripada negara-negara berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat ingin memastikan pembayaran kepada syarikat insurans terus kepada penerima polisi tersebut jika ada kematian dan sama ada perlunya Jawatankuasa Penswastan Syariah bagi mengawasi atau mengesahkan pembayaran tersebut. Berdasarkan peruntukan undang-undang, syarikat insurans boleh membayar terus kepada penama yang dinamakan dalam polisi berkenaan dan ia tidak memerlukan kepada Jawatankuasa Syariah seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat kecuali ada perkara berbangkit. Katakan sebagaimana yang dikatakan... kalau, kalau itu tadi, semuanya meninggal, warisnya tidak dapat tentu pada Baitulmal dan sebagainya, ini akan dirujuk.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih dengan apa yang dibangkitkan oleh Datuk Mansor mengenai *terms* ataupun fakta-fakta yang kita bentangkan dalam pindaan ini di mana kita menggunakan bahasa yang di terjemah daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Malaysia dan saya percaya dengan bahasa undang-undang yang telah digariskan dalam akta ini telah pun betul dari segi ejaan sebagaimana Tuan Yang di-Pertua katakan tadi. Cuma saya minta maaf kepada Dewan kerana mungkin sebutan saya yang dibangkitkan tadi "underaitan" dengan 'un-deraitan'. Jadi 'u' itu memang sejak kita belajar daripada kecil, 'u' itu 'uu'. Memang kesilapan itu daripada saya.

Saya mengucapkan terima kasih dan walaupun begitu, saya percaya pihak pegawai dan juga mereka yang terlibat di Kementerian Kewangan khususnya soal pembentangan ataupun menjadikan akta ini khusus lagi, akta ini ialah yang melibatkan pedagang-pedagang antarabangsa tentu sekali mereka telah pun bekerja dengan baik memastikan negara kita ataupun perundangan kita diterima di semua peringkat antarabangsa dan mempunyai maksud pindaan ini. Sekali gus bahawa kita meletakkan pusat pesisir luar kita di Labuan ini sebagai bertaraf dunia dan mempunyai kepercayaan daripada pedagang-pedagang dari seluruh dunia. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang, hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.28 tgh.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mengemukakan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Komunikasi dan Multimedia (Pindaan) 2004 yang dibentangkan untuk dibahaskan di Dewan yang mulia ini merupakan langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan lagi keberkesanan rangka kawal selia ke atas industri komunikasi dan multimedia. Seajar dengan dasar ketelusan kerajaan dan selaras dengan amalan-amalan kawal selia yang baik, fungsi penggubalan dan penetapan dasar kerajaan diasingkan dari fungsi pentadbiran dan penguatkuasaan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta 588.

Untuk tujuan ini, suatu badan kawal selia berasingan iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah ditubuhkan. Lazimnya, dengan langkah-langkah liberalisasi pasaran yang dilaksanakan, peranan badan kawal selia semakin

mencabar kerana isu-isu melibatkan kepentingan komersial akibat persaingan antara pemegang-pemegang lesen dalam pasaran yang kompetitif, isu-isu ini terpaksa ditangani oleh SKMM sebagai badan kawal selia. Bagi menangani sesuatu isu, SKMM perlu membuat keputusan dan mengeluarkan arahan-arahan tertentu yang mungkin tidak dipersetujui oleh semua pemegang lesen.

Tuan Yang di-Pertua, Akta 588 mempunyai peruntukan mengenai mekanisme bagi membolehkan pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan atau arahan SKMM membuat rayuan kepada Tribunal Rayuan. Peruntukan dalam Bahagian III, Akta 588 memberi kuasa Menteri untuk menubuhkan satu Tribunal Rayuan untuk membuat peraturan-peraturan mengenai tatacara perjalanannya.

Penubuhan Tribunal Rayuan adalah penting bagi membolehkan pihak-pihak yang terkilan dengan arahan atau keputusan SKMM diberi laluan yang mudah, murah dan cepat dari segi mendapatkan pertimbangan semula ke atas arahan dan keputusan SKMM tanpa melalui prosiding mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menubuhkan Tribunal Rayuan di bawah Akta 588, kementerian telah mendapati bahawa beberapa kekurangan perundangan perlu diatasi, malahan draf peraturan untuk menubuhkan Tribunal Rayuan ini telah disiapkan tetapi tidak dapat diwartakan kerana kekurangan perundangan yang bersifat *substantive*. Oleh itu beberapa peruntukan Akta 588 perlu dipinda, diperengkap seperti peruntukan-peruntukan mengenai kuasa-kuasa tertentu tribunal, *immunity* pengerusi dan ahli-ahli tribunal, penguatkuasaan keputusan tribunal dan lain-lain pindaan lagi. Di samping itu pihak kementerian dan SKMM juga telah mengenal pasti beberapa kekurangan dalam Akta 588 yang perlu diatasi bagi membolehkan isu-isu pelesenan dan penguatkuasaan ditangani dengan lebih berkesan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan Ng Lip Yong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dibaca bagi kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dato' Dr. Chin Fook Weng .

12.32 tgh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan bagi saya membahaskan kepada Akta 588. Pada pendapat saya apabila kita ada seorang Menteri baru, juga patutlah beliau menyemak undang-undang yang sedia ada untuk memperbaiki lagi keadaan, kalau tidak mengapa kita melantik seorang Menteri baru dalam kementerian ini. Jadi, sekarang bos saya menjadi Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya tidak mendengar tadi.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: *[Ketawa]* Ya, ya. Itu untuk makluman

Tuan Yang di-Pertua: Bos Yang Berhormat bukan Yang di-Pertua? *[Ketawa]*

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu bos yang lebih besar dalam Dewan ini. Saya ada banyak bos, Tuan Yang di-Pertua. Luar daripada Dewan dan di dalam Dewan dan juga di dalam rumah. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Siapa bos di dalam rumah itu Yang Berhormat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu isteri saya, *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya telah melihat cadangan-cadangan yang telah dibuat itu dan sudah ada harapan bahawa dengan adanya cadangan-cadangan pindaan seperti yang disenaraikan itu, maka kita akan mendapat satu perkhidmatan yang lebih baik.

Pada suatu ketika, Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik ada memberitahu kepada beberapa orang bahawa Perdana Menteri sendiri tidak puas hati dengan liputan dalam kawasan-kawasan tertentu oleh mereka yang memberi perkhidmatan ini dan ini termasuk Putrajaya. Putrajaya menjadi *hub* kepada kerajaan yang begitu penting, bagaimana itu boleh berlaku di Putrajaya?

Dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini saya berharap bukan sahaja tempat-tempat terpencil itu akan diberi perkhidmatan yang baik tetapi sepanjang Lebuh

Raya PLUS dari Perlis hingga ke Johor Bahru kita juga akan mendapat perkhidmatan. Ini terpulanglah kepada mereka yang mengawal selia perkhidmatan ini untuk menentukan bahawa setiap daripada pelanggan itu diberi perkhidmatan yang bukan sahaja baik tetapi dengan kos yang munasabah dan kos yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh tentang beberapa seksyen dalam cadangan pindaan kepada Akta 588 ini. Pertamanya ialah berkenaan dengan Seksyen 4(2)(b) di mana ada dicadangkan supaya pemakaian akta ini tidak meliputi bakal pemberi kemudahan atau perkhidmatan. Bagi saya ini amatlah sesuai. Kalau pihak itu belum lagi memulakan perniagaannya bagaimana kita boleh memakai akta itu kepada pihak ini? Saya pun tidak tahu bagaimana peruntukan ini wujud dalam akta yang asal itu untuk membolehkan pihak penguatkuasaan mengambil tindakan terhadap mereka yang belum memulakan perkhidmatan ataupun ini bermaksud mereka telah diberi lesen tetapi oleh kerana keengganan memberi perkhidmatan atau memulakan servis, maka peruntukan ini sudah ada. Kalau mereka telah diberi lesen, maka patutlah mereka diberikan satu tempoh untuk memulakan perkhidmatan. Kalau tidak maka itu juga tidak betul dan harus mereka dikenakan denda dan sebagainya. Saya berharap dari takrifan saya itu mungkin tidak betul iaitu bagi mereka yang telah diberi lesen tetapi belum mula perkhidmatan.

Seterusnya pindaan kepada Seksyen 16 di mana ada diperuntukkan denda atau penalti tambahan dikenakan kepada mereka yang sudah disabitkan kesalahan tetapi masih meneruskan kesalahan itu. Biasanya apabila sesuatu pihak itu sudah disabitkan kesalahan, maka dia kena berhenti daripada kegiatan yang didapati salah itu. Kalau dia terus berdegil dan melakukan kesalahan itu, maka adalah wajar kita mengenakan denda setiap hari dan sebagainya.

Dalam cadangan ini saya lihat tiap-tiap hari ada dikenakan RM1,000 bagi tiap-tiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu berterusnya selepas disabitkan salah. Saya ingin tahu kenapa ada satu kadar sahaja. Bukankah kita kena lihat dari segi kesalahan tersebut sama ada itu adalah satu kesalahan kecil atau kesalahan besar. Kalau itu adalah satu kesalahan yang besar dan begitu serius mungkin RM1,000 setiap hari pun tidak mencukupi. Saya ingin tahu kenapa satu kadar tetap sahaja yang dicadangkan iaitu denda sebanyak RM1,000 sehari dan bukan bersandar kepada kesalahan tersebut sama ada kesalahan itu satu kesalahan kecil ataupun satu kesalahan besar.

Jadi, apakah rasional untuk menentukan satu kadar yang tetap sahaja. Oleh kerana ini, saya juga ingin tahu kenapa peruntukan ini dicadangkan sama ada pihak-pihak yang melakukan kesalahan masih degil, masih berterusan dengan kesalahan itu sehingga kita memerlukan seksyen ini. Bolehkah kita diberitahu sedikit data tentang berapa bilangan kes yang telah didapati salah tetapi masih tidak mematuhi undang-undang dan masih meneruskan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, untuk memudahkan semua pihak membuat persediaan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat bercadang untuk menghabiskan ucapan sebelum pukul 1.00, tepat pada pukul 1.00 atau ingin menyambung selepas pukul 2.30.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya saya ingin menyambung selepas 2.30 petang tetapi mungkin untuk 10 ke-15 minit sahaja. Terima kasih.

Jadi, saya berfikir mungkin ada banyak kes kesalahan yang wujud pada masa sekarang. Itulah mungkin mengakibatkan kita ada peruntukan ini. Pada pengetahuan saya satu kes yang paling serius yang mempengaruhi peruntukan ini mungkin adalah tentang 'menara' komunikasi yang selalu didirikan di tempat-tempat tertentu. Itu sudah menjadi satu masalah kerana dari segi penduduk di sana mereka bimbang sama ada dari segi kesihatan, 'menara-menara' ini boleh menjejaskan kesihatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya boleh membantu, sebutannya ialah 'menara'.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: *Sorry, 'menara', communication tower.* Menara ini biasanya didirikan di tempat-tempat yang sesuai oleh mereka yang memberi perkhidmatan. Tetapi tempat yang dianggap sesuai oleh mereka adalah tidak sesuai bagi penduduk-penduduk kerana banyak daripada itu didirikan di atas rumah pangsa yang mana di bawahnya ada ramai penduduk dan penduduk-penduduk ini selalu

bimbang tentang keselamatan bukan sahaja tentang struktur menara itu tetapi juga tentang radiasi dan sebagainya yang mungkin menjejaskan kesihatan mereka.

Oleh kerana itu, maka banyak rayuan telah dibuat kepada kerajaan tempatan untuk mengambil tindakan tetapi dalam banyak kes sungguhpun arahan-arahan telah diberikan dan sebagainya maka menara itu masih berada di tempat itu dan tidak dipindahkan. Jadi, menara sedemikian mungkin menjadi satu daripada unsur untuk diadakan peruntukan semacam ini.

Tuan Yang di-Pertua, kalau itu adalah masalah maka RM1,000 sehari pada pendapat saya tidak mencukupi kerana keraguan-keraguan yang ditimbulkan di antara penduduk-penduduk itu adalah satu masalah yang besar. Saya harap ada satu penyelesaian terhadap perkara ini. Biasanya mengikut garis panduan setahu saya mereka digalakkan mendirikan menara itu di atas bangunan-bangunan komersial macam pejabat dan sebagainya tetapi bukan untuk rumah pangsa yang ada ramai penghuni.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan kepada subseksyen 36(1) itu untuk membayangkan dasar kerajaan supaya tidak membenarkan sublesen itu, pada pendapat saya juga satu pindaan yang sangat baik. Kita mahu pihak-pihak yang bertanggungjawab itu sahaja supaya dilesenkan dan kalau pihak ini mengambil kesempatan untuk memberikan sublesen itu kepada pihak-pihak lain, maka ini tidak sesuai. Kita seharusnya tidak membenarkan pihak ini berbuat demikian. Saya sangat bersetuju dengan pindaan seperti yang dicadangkan di bawah subseksyen 36(1) itu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Seksyen 80 di mana ada peruntukan untuk melarang Suruhanjaya daripada menyiarkan maklumat tertentu sekiranya diperkatakan penyiaran itu akan -

- (a) mendedahkan suatu perkara yang bersifat sulit;
- (b) mungkin menjejaskan perbicaraan adil seseorang;
- (c) melibatkan pendedahan tidak munasabah maklumat peribadi mengenai mana-mana individu.

Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bersetuju dengan pindaan yang memberi ruang supaya Suruhanjaya itu tidak menyiarkan maklumat yang akan menjejaskan keadilan, yang akan memberikan pendedahan yang tidak munasabah. Tetapi untuk (a) iaitu mendedahkan suatu perkara yang bersifat sulit, maka bolehkah kita diberi sedikit garis panduan apakah kategori-kategori yang bersifat sulit itu. Adakah ini menjejaskan keselamatan negeri atau keselamatan negara kita atau adakah ini akan mempengaruhi perkembangan-perkembangan tertentu yang tidak diinginkan.

Kalau kita sebut sesuatu perkara kita tidak mahu beritahu itu sebagai bersifat sulit maka senarai itu adalah sangat luas. Adakah kita patut berbuat demikian? Mengapa kita tidak lebih terbuka dan kalau kita melarang Suruhanjaya itu kerana tugas-tugas Suruhanjaya itu juga sangat penting, kita mahu Suruhanjaya itu memainkan satu peranan yang penting dalam perkembangan sektor ini demi kebaikan negara, demi kebaikan pengguna-pengguna.

Jadi, kalau kita ada halangan kepada suruhanjaya untuk memberi penyiaran maklumat tertentu, dari segi kerana ini bersifat sulit bolehkah kita diberitahu apakah maksudnya bersifat sulit, dalam apa kategori yang kita tidak mahu. Saya tidak mahu juga maklumat-maklumat yang penting untuk menjaga kepentingan negara itu tersiar atau termaklum kepada pihak-pihak tertentu.

Itu pun tidak patut berlaku, tetapi untuk mendapat kompromi dalam perkara ini supaya kita mahu juga mengamalkan satu sikap terbuka, maka saya harap satu garis panduan yang cukup jelas juga diberi supaya suruhanjaya itu dapat memperkuatkan tugasnya dalam menjalankan pengawalseliaan dan sebagainya. Bagi saya ini (b) dan (c) patut disokong, tetapi hanya (a) yang saya ada sedikit persoalan.

Tuan Yang di-Pertua, tentang subseksyen 147 (2) ini iaitu satu forum pencapaian atau *acceptance forum*, dan pada akta yang sedia ada, sekarang kita memerlukan sokongan sebulat surat untuk sesuatu keputusan itu dan dicadangkan kita pinda kepada tidak kurang daripada 10 anggota forum pencapaian itu, iaitu 9 daripada 10. Iaitu pinda sedikit daripada sebulat suara kepada 9 daripada 10 atau 90%, dan dikatakan ini ialah untuk mengatasi kebuntuan atau *deadlock*, kalau kita tidak dapat sokongan sebulat suara.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sebulat suara sukar didapati mungkin 9 daripada 10 pun sukar didapati, kerana pada saya perbezaan itu banyak. Lebih baik kalau kita cadangkan satu peratusan yang lebih munasabah untuk menyelesaikan perkara ini ataupun kita jangan pinda, kita kekalkan, kalau kita dapati ini sangat penting, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya *neither here nor there*.

Kenapa kita mahu cadangkan 90% daripada 100%, apakah rasionalnya, adakah ini akan memberi ruang kepada satu pihak, membuat keputusan yang lain supaya perkara itu dapat diselesaikan. Ataupun perkara yang akan diputuskan itu, dalam forum pencapaian itu begitu penting, maka kita harus kekalkan 100% persetujuan atau sebulat suara. Saya kurang jelas, apakah rasional untuk memilih ini. Lebih baik jangan buat apa, lebih baik kita kekalkan, kalau kita mahu satu angka yang mungkin sukar juga untuk dicapai.

Perkara-perkara yang akan diputuskan dalam forum pencapaian ini mungkin menjadi perkara yang begitu penting dan dalam keadaan sedemikian, maka kita harus memutuskan ia harus mendapat sokongan sebulat suara. Dalam pindaan kepada Perlembagaan Negara, Tuan Yang di-Pertua, kita juga tidak memerlukan persetujuan 90%, hanya 2/3, Tuan Yang di-Pertua daripada ahli-ahli yang hadir, itu pun satu perkara yang begitu penting iaitu pindaan kepada Perlembagaan Negara kita.

Jadi, saya ingin tahu, apakah rasional untuk meminda ini daripada sebulat suara kepada 90%, adakah ini daripada pengalaman kementerian. Tiap-tiap kali satu pihak sahaja dalam mesyuarat itu dengan memberi persetujuan, dan oleh kerana itu maka perkara itu tidak boleh diputuskan. Adakah tiap-tiap kali menghadapi masalah kerana satu pihak sahaja dan oleh kerana itu maka kita memerlukan pindaan seperti yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mungkin kementerian ada sebab kenapa mereka cadangkan 90% dan bukan 70% atau majoriti mudah atau *simple* majoriti sahaja tetapi memerlukan 90% persetujuan daripada pihak-pihak yang membuat keputusan ini.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mungkinkah Yang Berhormat soal akses forum dan *access list*, dengan izin, mempunyai keistimewaan yang tersendiri yang membuatkan pindaan dicadangkan itu diubah.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itulah saya bersama Tuan Yang di-Pertua ingin tahu apakah rasional.....

Tuan Yang di-Pertua: Sebab Yang Berhormat sebut tadi soal Perlembagaan, dalam soal usul-usul pemerintahan difikirkan 2/3 adalah satu nisbah yang mencukupi dan adil dan saksama, mungkin ada sesuatu yang istimewa dalam soal-soal akses *list* dan akses forum yang membuatkan cadangan pindaan dikemukakan begitu rupa.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Betullah Tuan Yang di-Pertua, saya juga bersetuju, kerana keadaan pada masa sekarang ialah supaya ia dapat sokongan sebulat suara. Jadi, apabila seksyen ini diguna pakai dalam akta maka tentu ada masalah-masalah tertentu yang telah wujud, kerana mungkin satu sahaja pihak yang enggan memberi sokongan. Kalau tiap-tiap kali kita menghadapi masalah ini, dan kita mahu membetulkan keadaan.

Adakah kita juga mengkaji kenapa pihak ini tidak memberi sokongan? Adakah sebab-sebab itu munasabah yang juga harus diterima oleh suruhanjaya atau ini adalah satu perkara yang seolah-olah pihak ini degil, tidak bekerjasama dan setiap kali mengganggu proses keputusan itu.

Dalam banyak pindaan kepada Perlembagaan mana-mana persatuan dan sebagainya, 2/3 daripada persetujuan sudah memadai. Pada anggapan orang ramai maka itu sudah mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada pukul 2.30 petang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sekarang. Dewan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

2.30 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, sila sambung ucapan.

2.31 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin membincangkan pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 188. Nampaknya adalah sesuai seksyen ini dipinda dan kalau kita lihat pelajar-pelajar yang duduk di sana. [*Menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada sekumpulan pelajar-pelajar yang hadir di Public Gallery*] Setahu saya tiap-tiap daripada mereka ada memiliki *mobile*, *hand-phone* dan kalau kita tanya mereka, mereka tentu akan memberi tahu kita bahawa selalunya ada masalah untuk mendapat perkhidmatan kerana di tempat-tempat tertentu tidak ada perkhidmatan langsung, dan jangan kata di tempat lain, dalam Parlimen juga kita dapati ada tempat-tempat di mana kita tidak mendapat perkhidmatan dan talian yang sering kali putus pun menjadi satu masalah.

Oleh sebab itu nampaknya kalau kita tanya tiap-tiap seorang daripada adik-adik di belakang itu maka mereka akan bersetuju dengan saya

Tuan Yang di-Pertua: Adik atau anak, Yang Berhormat? [*Ketawa*]

Dato' Dr. Chin Fook Weng: 'Anak' mungkin tidak begitu sesuai, Tuan Yang di-Pertua. *So*, adik-adik yang duduk di sana mendengar perbincangan ini dan mengikuti perbincangan ini, kalau kita tanya mereka, sudah tentu mereka akan beri tahu bagaimana susahannya untuk mendapatkan perkhidmatan. Jadi, pindaan kepada Seksyen 188 ini saya berharap apabila dikuatkuasakan akan memberi keutamaan kepada pengguna, dan pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 188 ini memberi ruang kepada suruhanjaya supaya memaksa pihak ini mematuhi kewajipan mereka, ini jelas dan kewajipan ini ialah kewajipan kepada pengguna, iaitu kepada kita semua yang menggunakan *hand-phone*, Tuan Yang di-Pertua.

Telefon bimbit bagi kita semua sudah menjadi satu peralatan yang begitu penting dan kalau kita tidak memastikan pihak yang memberi perkhidmatan ini menjalankan kewajipan dengan baik maka masalah ini akan berterusan. Di Putrajaya yang menjadi pusat atau nadi kerajaan juga ada masalah di mana Perdana Menteri sendiri pun tidak dapat menghubungi kawasan-kawasan tertentu. Jadi bagaimana kalau kita ada satu kecemasan, bagaimana mereka dapat memberi tahu Perdana Menteri? Pada saya, pindaan kepada Seksyen 188 itu adalah sangat wajar dan bukan sahaja pindaan dibuat untuk mendapat kuasa, tetapi saya harap suruhanjaya akan menjalankan tugas dengan baik kerana mahukan pihak ini mematuhi kewajipan mereka kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah membangkitkan masalah menara komunikasi. Apabila saya tanya rakan-rakan saya semasa rehat tadi, mereka juga bersetuju bahawa mengapa begitu susah bagi syarikat-syarikat yang besar ini memasang menara itu di tempat-tempat yang jauh sedikit daripada penduduk-penduduk supaya tidak menjejaskan kesihatan mereka, kerana mereka ada keraguan sama ada isyarat-isyarat yang datang itu boleh membawa bahaya kepada kesihatan mereka. Jadi, mengapa ini sudah menjadi satu isu yang begitu lama.

Saya harap dengan pindaan kepada Seksyen 188 ini, satu garis panduan yang cukup jelas akan dikeluarkan oleh Suruhanjaya dan dikuatkuasakan dengan serta-merta. Semua syarikat ini tidak diberi kelonggaran untuk meminda menara komunikasi itu, tetapi dengan serta-merta mengambil tindakan untuk menurunkan menara-menara yang tidak sesuai supaya mengatasi masalah yang sudah sekian lama wujud dalam setiap kawasan khususnya kawasan perumahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada harapan bahawa di bawah menteri yang baru itu kita boleh dapat melihat perkembangan dalam sektor ini dan mungkin tidak lama dari sekarang, maka setiap pelajar di belakang itu akan merasa bahawa hari ini selepas perbincangan ini mereka diberi perkhidmatan yang lebih baik. Itu yang penting, mereka boleh balik dan beri tahu kawan-kawan bahawa lawatan ke Parlimen ini telah berhasil.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya menyokong pindaan-pindaan kepada Akta 588. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab serta menggulung perbahasan.

2.40 ptg.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Shaziman bin Abu Mansor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan rang undang-undang pada hari ini. Saya juga melihat Yang Berhormat Dato' Dr. Chin begitu kuat menyokong rang undang-undang ini sebagaimana kuatnya beliau menyokong kepimpinan menteri di bawah kementerian ini. Saya mengambil kira segala pandangan Yang Berhormat yang mana saya yakin dapat membantu industri ...

Tuan Yang di-Pertua: Dan akan memaklumkan kepada menteri.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor Dan saya akan maklumkan juga kepada menteri yang pada hari ini berada sama ada di *England* atau pun di *Perancis* kerana untuk membantu masalah air negara, saya akan maklumkan Yang Berhormat benar-benar bagi sokongan akan pindaan rang undang-undang ini.

Saya ingin berusaha mencuba menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi yang mana telah memberi pandangan-pandangan yang bernas yang boleh diambil kira oleh kementerian ini.

Di antaranya Yang Berhormat mengemukakan soalan yang tidak berpuas hati dari segi liputan perkhidmatan telefon yang tidak memuaskan. Sebagaimana Yang Berhormat katakan tadi, ramai pihak yang tidak berpuas hati dengan *coverage* dengan izin, yang ada pada hari ini termasuk juga kata Yang Berhormat tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga tidak berpuas hati dengan *coverage* yang ada pada hari ini, saya tidak tahu kalau Tuan Yang di-Pertua puas hati dengan *coverage* yang ada pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, puas hati?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau dah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tidak puas hati, siapalah saya hendak kata saya. *[Ketawa]*

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Oh, okey, Tuan Speaker pun tidak puas hati, tetapi kementerian ini adalah begitu komited dalam memastikan bahawa mutu liputan dan perkhidmatan telefon selular dapat dinikmati di seluruh negara. Pada masa sekarang tumpuan sedang diberikan di kawasan Lembah Klang, khasnya Koridor Raya Multimedia, lebuh raya utama dan kawasan-kawasan tarikan pelancong-pelancong. Untuk tujuan ini kerajaan telah mengambil langkah untuk memperluaskan lagi liputan melalui perkongsian pembinaan dan penggunaan menara telekomunikasi untuk tiga tahun yang akan datang ini. Kementerian juga akan mengkaji kemungkinan untuk memperkenalkan insentif-insentif yang bersesuaian bagi menggalakkan pembekal perkhidmatan meluaskan liputan dan kualiti perkhidmatan, ini termasuklah perayauan domestik atau dengan izin, *domestic roaming*.

Kementerian juga sedang dan akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan di peringkat negeri dan daerah bagi mempercepatkan proses mendapatkan kelulusan bagi tapak menara telekomunikasi ini.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya minta sedikit penjelasan.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Ya, boleh.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Setahu saya di negara China itu setiap daripada kawasannya ada liputan, jadi mengapa kita yang lebih maju tidak ada, kenapa di kawasan-kawasan Sabah dan Sarawak dan juga di Semenanjung kita tidak dapat liputan? Saya hendak tahu kenapa ini boleh berlaku dan sama ada kita mahu mengkaji cara-cara yang diguna di Republic of China itu untuk mengatasi masalah ini sama ada kerana mereka ada undang-undang yang lebih tegas tentang masalah ini, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Saya yakin soalan Yang Berhormat ini mesti datangnya dari Yang Berhormat Menteri kerana Menteri baru balik dari China pun

berkata, negeri China semua tempat boleh dapat. Sebenarnya bukanlah seluruh negeri China itu dapat liputan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, ya Yang Berhormat selesaikan itu.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Cuma tempat-tempat utama, jalan-jalan raya, tempat-tempat pelancongan, tempat-tempat perniagaan mereka sudah dilengkapi dengan kemudahan ini dan ini juga usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian yang mana tempat-tempat utama seperti Multimedia *Super Corridor*, jalan lebu-lebu raya utama, tempat-tempat pelancongan, kawasan sekitar Parlimen, ini tempat-tempat yang kita beri keutamaan supaya boleh nanti Yang Berhormat rasa mana-mana pergi pun ada, sebenarnya bukan semua tempat ada *coverage*, tetapi tempat-tempat utama diberikan keutamaan. Ya, Yang Berhormat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga tahu, Malaysia sebagai sebuah negara yang maju dibanding dengan Indonesia. Saya pergi ke Indonesia di luar-luar bandar, di kampung-kampung kita boleh dapat *coverage*, kenapa di sini tidak dapat. Kemudian sini sebelah gunung, ada gunung sebelah menyebelah sudah tidak dapat, misalnya 019 di Tapah biasanya sudah tidak boleh dapat, ada orang katakan kerana banyak gunung-ganang saya pun tidak tahulah. Kemudian mengenai tapak pembinaan pemancar, apakah tidak dapat diusahakan supaya ianya disegerakan.

Saya rasa tuan-tuan tanah tidaklah begitu susah mereka hendak beri untuk dijadikan tapak ini tetapi mungkin ada persoalan lain saya dengar. Cuma saya hendak tahu apakah persoalan itu yang menyebabkan agak lambat pembinaannya itu kononnya disalahkan kerana susah hendak mendapat tanah, ini saya minta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah terlintas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dua negara yang disebutkan sebagai contoh itu mempunyai jumlah penduduk yang pasti menjamin jumlah pengguna yang mencukupi untuk pelaburan dibuat.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, saya diberitahu bahawa mereka tidak menggunakan pemancar, saya tidak tahulah di sini apa yang digunakan saya tidak tahu, terima kasih.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dan saya yakin yang Tuan Yang di-Pertua telah menjawab juga soalnya. Cuma saya pun tidak pernah ke Indonesia kalau hendak cek semua kawasan di Indonesia jadi saya tidak berani hendak buat perbandingan antara Malaysia dengan Singapura. Yang Berhormat ini selalu pergi ke Indonesia kot, semua negeri Yang Berhormat pergi, ke Indonesia ini rajin Yang Berhormat melawat.

Saya sudah nyatakan tadi pihak kementerian ada rancangan jangka panjang tiga tahun bagaimana untuk menyelesaikan masalah ini. Untuk hujung tahun ini kita kata kita hendak siap semua kawasan terutama *Multimedia Super Corridor*, semua kawasan kalau boleh ada *coverage*. Tahun depan kita hendak kata satu Malaysia, bila saya kata satu Malaysia jangan pula Yang Berhormat pergi Rompin sudah dalam hutan. Yang Berhormat cuba, bukan, ini masuk jalan-jalan utama *highway*, kawasan-kawasan industri, lapangan terbang ini kita hendak cuba buat, ini kerajaan pandang serius supaya semua orang dapat *coverage* ini. Dan inisiatif yang kita hendak lakukan, kita akan cuba, kalau lepas ini mana-mana syarikat dia tidak buat *coverage*, bagus kita siarkan dalam surat khabar. Ini 019, 1234 ada *coverage*, ini lagi 012 ini kawasan yang buat *coverage*, ini 013 ini dia buat *coverage* Yang Berhormat nilailah sendiri dalam surat khabar itu mana yang perkhidmatan hendak pakai, mana Yang Berhormat tidak hendak pakai, itu yang kita cadangkan, harap Yang Berhormat berpuas hatilah cara bagaimana kementerian ini berusaha untuk menangani masalah *coverage* pada hari ini.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga membangkitkan dari segi persetujuan daripada sembilan persepuluh, mengapa tidak dua pertiga, mengapa tidak tiga perempat, saya pun tidak tahu Yang Berhormat. Baru tadi masa hendak berhenti rehat makan, Yang Berhormat kata berhenti cuti, bukan kita berhenti rehat makan, saya pun sempat tanya dengan pegawai perundangan, sebab apa kita hendak pakai sembilan persepuluh tidak pakai dua pertiga, tidak pakai tiga perempat, jadi dia kata pindaan bertujuan memberi sedikit kelonggaran. Ini perkara serius tetapi cuma hendak bagi sedikit kelonggaran pada peruntukan yang ada, persetujuan 100 peratus adalah sesuatu yang terlalu sukar dicapai, ini adalah dasar kementerian supaya tidak mahu terdapat satu-satu pihak secara tiba-tiba boleh *override*, kata sudah hampir sebulat

suara ada satu pihak *overrule*, jadi atas usaha itu kementerian kata melalui dasarnya sembilan persepuluh *is good enough*. Diharap Yang Berhormat puas hati dengan penjelasan daripada pihak kementerian berhubung perkara ini.

Yang Berhormat juga kemudian menyatakan apakah sebenarnya yang dimaksudkan dengan sulit - ada orang kata yang ini sulit, ada orang kata tidak berapa sulit, ini *very subjectivelah* sulit ini, ada yang nampak, ada yang tidak nampak tetapi berhubung dengan industri ini bila dikata sulit maknanya macam mereka yang melibatkan diri dalam perniagaan ini. Katalah syarikat ini dia ada teknologinya sendiri, dia ada rahsia-rahsia teknologinya, dia ada cara-cara macam mana dia hendak membuat *marketing strategy*nya. Ini perkara-perkara yang dia tidak mahu mendedahkan kepada orang lain. Inilah yang dikatakan 'Sulit'. Bukanlah sulit yang lain-lain Yang Berhormat fikirkan. Ini Yang Berhormat tidak usah risau. Sulit ini adalah sulit untuk melindungi syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri ini...

Tuan Yang di-Pertua: Setiausaha Sulit, perkara sulit dan hubungan sulit, lain-lain maknanya.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Hubungan sulit itu lain. Dia banyak maknanya. Besar makna 'sulit' itu.

Kemudian Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng juga membangkitkan soalan dari Seksyen 16(2), kenapa denda ditetapkan pada kadar iaitu RM1,000 sehari kesalahan berterusan. Kadar patut ditetapkan berdasarkan sama ada kesalahan besar ataupun kesalahan kecil. Suka saya nyatakan, peruntukan penalti yang sedia ada di bawah Seksyen 16(2) iaitu denda tidak melebihi sebenarnya RM300,000 atau tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali, memberi kuasa kepada Hakim untuk menggunakan budi bicaranya. Itu maksimum., Kemudian Hakim itu dia lebih arif, sama ada hendak beri RM300,000 ataupun kadang-kadang sederhana RM150,000. Ini kita pulangkanlah kepada Hakim supaya membuat keputusan. Itu maksimum, yang lain-lain itu terpulang kepada Hakim. Saya berharap Yang Berhormat boleh menerima penjelasan saya ini.

Seterusnya Yang Berhormat juga menyatakan dari segi masalah radiasi. Ini pun memang masalah yang berbangkit berkali-kali. Setiap tahun bila ada perbincangan mengenai telekomunikasi, mesti ada yang bertanya, selamat kah, selepas ini boleh dengar kah, besok anak ada cukup tangan keluar tidak, ada cukup telinga tidak, ini semua orang bimbang.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah mengeluarkan garis panduan mengenai menara komunikasi. Garis panduan berkenaan menetapkan jarak di antara menara dengan keadaan rumah tertentu dan dalam masa yang sama kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bersama-sama dengan Institut Nuklear dan Teknologi Malaysia atau MINT telah memberitahu, tiada penemuan yang *conclusive* berhubung dengan menara telekomunikasi boleh menjejaskan kesihatan dan memberikan kesan radiasi.

Bersama-sama saya juga ada satu buku yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi, [*Menunjukkan sebuah buku kecil*] yang mana menyatakan bagaimana selamatnya menara yang ada di negara kita. Kita mematuhi syarat-syarat piawaian antarabangsa termasuk juga diluluskan oleh WHO. Selepas ini saya hadiahkan satu kepada Yang Berhormat. Kalau Tuan Yang di-Pertua hendak saya berikan satu untuk dibuat tatapan, lain kali kalau orang tanya, Tuan Yang di-Pertua jawab bagi pihak kementerian...

Tuan Yang di-Pertua: Berikan kepada Dato' Dr. Chin Fook Weng dahulu.

Dato' Shaziman bin Abu Mansor: Okey. Akhir sekali Yang Berhormat ada menyentuh dari segi pindaan seksyen, saya yakin saya sudah jawab semua soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan sekiranya Yang Berhormat ada masalah-masalah lain, yang boleh Yang Berhormat berikan pandangan, saya akan mengambil kira pada masa-masa akan datang dan saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat yang bersungguh-sungguh mengambil bahagian dalam perbincangan ini.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada kakitangan kementerian ini yang telah bertungkus-lumus untuk menyediakan pindaan rang undang-undang ini

untuk kebaikan industri telekomunikasi dan multimedia di negara ini di masa akan datang. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal 1 hingga 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA (PINDAAN) 2004

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

2.56 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan Ng Lip Yong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia Tahun 1998 Akta 582 dan untuk mengesahkan pemungutan ses berkenaan dengan minyak sawit dari 1 Januari 1979 iaitu tarikh berkuat kuasa perintah minyak kelapa sawit ses tahun 1978 PU(A) 372/78 dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kelapa sawit merupakan tanaman pertanian utama di Malaysia. Ianya meliputi kawasan seluas 3.8 juta hektar atau 60% daripada keluasan tanah pertanian negara dan menjadi nadi penggerak bagi sektor komoditi negara. Malaysia pada masa ini merupakan negara pengeluar minyak sawit terbesar di dunia iaitu lebih kurang 50% daripada pengeluaran minyak sawit dunia.

Pada tahun 2003, eksport produk-produk sawit telah menyumbang sejumlah RM27.7 bilion kepada pendapatan eksport negara. Semenjak 25 tahun lalu melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan atau R&D yang telah dilaksanakan oleh Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia atau PORIM dan kemudiannya diteruskan Lembaga Minyak Sawit Malaysia atau MPOB berikutan dengan penggabungan Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit iaitu PORLA dan PORIM menjadi MPOB pada tahun 2000 telah berjaya menghasilkan benih sawit yang bermutu tinggi, kecekapan amalan agronomi, kejenteraan ladang, pengilangan dan pemprosesan, pembangunan produk baru dalam bidang makanan dan bukan makanan.

Kejayaan-kejayaan tersebut telah berjaya mengubah landskap dan menyumbang kesejahteraan dalam industri sawit negara pada masa kini. Untuk makluman Ahli Dewan yang mulia ini, sehingga kini sebanyak 209 teknologi baru telah dihasilkan dan dilancarkan hasil dari aktiviti R&D yang dijalankan di mana 30 daripadanya telah berjaya dikomersialkan. Antaranya ialah galah penuai aluminium, baja sawit, MPOBF1 dan MPOBF2, minyak sawit merah, vitamin E, minyak *smart balance*, minyak pelincir motosikal, dakwat cetak, bahan tanaman bermutu tinggi seperti PS1, jentera *gravel* serta produk-produk penjagaan diri dan kosmetik.

Tidak kurang penting juga aktiviti mempromosi keluaran sawit dan menangani kempen-kempen memburukkan minyak sawit bukan sahaja dari aspek kesihatan malah ia juga dalam aspek alam sekitar terus dijalankan bagi menjamin pasaran minyak sawit terus berkembang dan berdaya saing di pasaran antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menekankan di sini bahawa kemajuan yang dicapai oleh industri sawit negara dan menjadikan Malaysia sebuah negara pengeluar dan pengeksport minyak sawit yang terbesar di dunia adalah hasil daripada perancangan dan usaha kerajaan dan pihak industri sawit dalam mewujudkan satu badan yang khusus bagi menjalankan aktiviti R&D untuk manfaat industri minyak sawit iaitu Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) melalui Akta 218 pada tahun 1979.

Oleh itu amatlah jelas bahawa tujuan dan niat Parlimen meluluskan Akta 218 yang berkuat kuasa pada 15 Mei 1979 adalah untuk mewujudkan Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Minyak Kelapa Sawit Malaysia dan membuat peruntukan dan pentadbiran suatu dana bagi maksud pembiayaan penyelidikan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Dana ini terdiri daripada beberapa sumber yang antaranya adalah wang kutipan ses ke atas minyak sawit mentah atau *Crude Palm Oil* (CPO) dan minyak isirung mentah, *Crude Palm Kernel Oil* (CPKO). Dana ini digunakan khusus bagi aktiviti R&D dalam bidang-bidang pengeluaran, pengekstrakan, pemprosesan, penyimpanan, pengangkutan, pemasaran, penggunaan dan kegunaan minyak kelapa sawit dan penyebaran maklumat yang bertujuan untuk merangsang dan mempertingkatkan pengeluaran, pemasaran dan penggunaan minyak sawit dan produk-produknya supaya industri sawit dapat terus berkembang dan berdaya saing di pasaran antarabangsa

Bagi maksud tersebut, ses telah dikutip daripada pengilang-pengilang minyak sawit oleh PORIM berdasarkan Seksyen 14 (1) Akta Lembaga Penyelidikan dan Kemajuan Minyak Sawit Malaysia, 1979 [Akta 218] serta melalui Perintah Minyak Kelapa Sawit (Ses Penyelidikan) 1979. Mulai 1hb Mei 2000, ses tersebut dipungut oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) berdasarkan Seksyen 35 Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia, 1998 [Akta 582] dan melalui Perintah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Ses) 2000 berikutan pembubaran PORIM yang digabungkan menjadi MPOB.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1996 sebuah syarikat pengilang minyak sawit telah mengambil tindakan sivil di mahkamah tinggi untuk menuntut kembali ses ke atas CPKO yang telah dipungut oleh PORIM bagi tempoh Januari tahun 1985 hingga Julai tahun 1989 atas alasan bahawa Akta 218 hanya memberi kuasa kepada menteri untuk memungut ses ke atas CPO sahaja dan bukan CPKO kerana mengikut seksyen 2, Akta 218, 'minyak kelapa sawit' bererti 'minyak sama ada dalam bentuk mentah atau dalam bentuk diproses selanjutnya yang dikeluarkan dari buah dan biji kelapa sawit'.

Walau bagaimanapun, Mahkamah Tinggi pada 1hb April 1997 telah memutuskan bahawa CPKO adalah termasuk dalam definisi 'minyak kelapa sawit' di bawah Akta 218 PORIM dan dengan itu kutipan ses ke atas CPKO oleh PORIM adalah sah. Syarikat pengilang yang tidak berpuas hati dengan keputusan Mahkamah Tinggi itu kemudiannya telah membuat rayuan ke Mahkamah Rayuan. Di peringkat Mahkamah Rayuan, Mahkamah telah memutuskan bahawa tafsiran yang tegas haruslah diberi kepada Akta 218 kerana ia merupakan statut pencukaian dan jika terdapat apa-apa keraguan maka keraguan haruslah diputuskan memihak kepada pembayar cukai iaitu syarikat pengilang.

Di samping itu Mahkamah semasa memutuskan bahawa Akta 218 dan Perintah Ses 1979 hanya mengenakan ses atas minyak kelapa sawit yang dikeluarkan daripada buah dan biji juga merujuk kepada Akta 179 PORLA yang mana perkataan 'minyak kelapa sawit' ditakrifkan secara nyata iaitu 'termasuk minyak daripada isirung kelapa sawit'. Pihak PORIM kemudiannya telah membuat rayuan ke Mahkamah Persekutuan dan pada 27hb Februari 2004 Mahkamah Persekutuan telah bersetuju dengan keputusan Mahkamah Rayuan dan menolak rayuan PORIM.

Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa Akta 218 dan Perintah Ses 1979 yang telah memansuhkan tidak memberi kuasa untuk memungut ses ke atas CPKO kerana takrif 'minyak kelapa sawit' dalam Akta-akta dan Perintah tersebut hanya menyebut 'minyak daripada buah dan biji kelapa sawit' dan tidak menyebut dengan nyata daripada isirung kelapa sawit.

Selain daripada keputusan tersebut, salah seorang daripada tiga orang Hakim Mahkamah Persekutuan juga memutuskan satu isu yang tidak dikemukakan di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan iaitu Akta 218 tidak memberi kuasa kepada Menteri untuk mengenakan ses ke atas pengilang minyak kelapa sawit. Manakala seorang Hakim Mahkamah Persekutuan yang lain pula enggan memutuskan isu tersebut kerana ia tidak dibangkitkan dalam ikatan *pleading* atau dengan izin, *bundle of pleading* di Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan dan seorang lagi Hakim Mahkamah Persekutuan pula memutuskan bahawa perkataan-perkataan "*And the orders may specify the nature of the amount and the rate of the manner of cess*", dengan izin, dalam Seksyen 14 (1) Akta 218, adalah jelas memberi kuasa kepada Menteri untuk mengenakan ses ke atas seseorang pengilang minyak kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak Akta ini dan Perintah-perintah di bawahnya diluluskan dan mulai berkuat kuasa pada tahun 1979, kutipan ses ke atas CPO dan CPKO telah dibuat oleh PORIM daripada pengilang-pengilang minyak kelapa sawit dan kutipan ses ini adalah jelas dan sejajar dengan niat Parlimen. Walau bagaimanapun, memandangkan Akta 218 dan Perintah-perintah yang dibuat di bawahnya serta kutipan ses yang telah dibuat di bawahnya kini telah dicabar dan dipertikaikan di mahkamah, maka kerajaan perlu mengambil tindakan dan langkah untuk pembetulan yang sewajarnya bagi memastikan objektif dan niat Parlimen meluluskan Akta 218 yang berkuat kuasa mulai 1979 sentiasa kekal dan terjamin.

Antara langkah-langkah dan tindakan pembetulan itu adalah melalui pembentangan Rang Undang-undang Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pindaan) 2004 yang dicadangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, secara ringkasnya, rang undang-undang ini mempunyai dua tujuan. Yang pertamanya, ia bertujuan untuk meminda subseksyen 35(1)(3) Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998, Akta 582 bagi menjelaskan bahawa, Menteri mempunyai kuasa untuk menetapkan orang atau golongan orang yang dikenakan ses di bawah seksyen ini.

Yang keduanya, ia bertujuan untuk mengesahkan semua perundangan subsidiari yang dibuat di bawah akta-akta yang dimansuhkan dan mengesahkan semua ses yang dikenakan dan wang yang dikumpulkan di bawah Akta 582 dan akta-akta yang dimansuhkan, dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat, di bawah akta-akta tersebut semenjak dari 1 hari bulan tahun 1979, iaitu tarikh mula berkuat kuasanya perintah minyak sawit ses tahun 1978, melalui PU(A) 372/78. Rang undang-undang yang dicadangkan ini mengandungi empat fasal seperti berikut:

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi pindaan kepada subseksyen (1) dan (3), Seksyen 35, Akta 582, bagi menjelaskan bahawa Menteri mempunyai kuasa untuk menetapkan orang atau golongan orang yang dikenakan ses di bawah seksyen itu. Subfasal 2(2) bertujuan untuk mengesahkan mana-mana perundangan subsidiari yang telah dibuat oleh Menteri di bawah subseksyen 35(1) Akta 582 sebelum permulaan akta yang dicadangkan ini.

Fasal 3 bertujuan untuk mengesahkan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (Pemerbadanan) 1976 atau Akta 179 dan Akta Penyelidikan dan Kemajuan Kelapa Sawit 1979 Akta 218 ("Akta-akta yang dimansuhkan").

Fasal 4 memperuntukkan bahawa, menurut subseksyen 2(2) dan Seksyen 3 Akta yang dicadangkan ini, semua ses yang dikenakan dan wang yang dipungut di bawah Akta 582 dan akta-akta yang dimansuhkan dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat, di bawah akta-akta ini, itu disifatkan telah dikenakan dan dipungut dengan sah dan menurut undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, terdapat tiga prinsip penting di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Yang pertamanya, pemerintah tidak boleh kutip wang melainkan melalui undang-undang.

Yang keduanya, proses perundangan atau *legislation* itu, adalah satu proses yang dinamis dan sumber mencetuskan *legislation* boleh datang daripada mahkamah sendiri.

Yang ketiganya, proses perundangan atau *legislative* adalah berjalan sepanjang masa dan Parlimen berkuasa menentukan dari masa ke semasa.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ini, Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Dato' Dr. Chin Fook Weng.

3.16 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersetuju dengan pemerhatian Tuan Yang di-Pertua tadi, sebelum menjemput saya membahaskan pindaan kepada Akta 582.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap ini akan menjadi satu ajaran kepada semua kementerian, khususnya Kementerian Kewangan. Apabila kita ingin mengutip sebarang sen daripada sesiapa pun, kita memerlukan kuasa. Apabila Ahli-ahli Dewan Negara di sini membawa perkara-perkara yang penting dalam perbahasan, rang undang-undang yang telah dibentangkan dan kami buat cadangan, kami berharap bahawa pertimbangan yang sewajarnya akan diberi, supaya perkara-perkara itu tidak menjadi unsur-unsur yang boleh membawa masalah kepada sebarang kementerian.

Saya berharap, selepas ini maka, semua pendapat akan diberi perhatian yang sewajarnya, yang kita tidak akan menghadapi satu lagi masalah semacam ini. Ini, telah berlaku dari tahun 1979 Tuan Yang di-Pertua. Dua daripada akta yang disebutkan itu pun, telah dimansuhkan iaitu Akta 179 dan Akta 218. Kedua-dua itu telah dimansuhkan dan sekarang, semua perbuatan di bawah kedua-dua akta ini, kena mendapat perlindungan dengan pindaan kepada Akta 582 ini.

Saya berharap kementerian-kementerian akan menggunakan ajaran ini, supaya pihak perundangan mereka itu tidak lalai dalam perkara ini sehingga menjatuhkan maruah kerajaan. Saya sangat kesallah. Sungguhpun, bos saya dahulu Menteri di sini, 18 tahun Tuan Yang di-Pertua, Datuk Seri Dr. Lim Kheng Yaik menjadi Menteri Perusahaan Utama, semasa kes ini dibicarakan dan baru sahaja, kita lihat....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, di sini adakah soal maruah yang pokok, soal prinsip yang pokok ataupun soal hakikat bahawa perundangan atau *legislation* itu adalah satu proses yang dinamis kerana masyarakatnya ditadbir di bawah perundangan itu, berubah-ubah mengikut peredaran masa, maka *legislation* pun perlu dikemas kini dari masa ke semasa. Maruah, prinsip atau hakikat?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya, yang paling mustahak ialah maruah kerana kita mengumumkan, kita sebuah kerajaan yang penuh bertanggungjawab dan kalau kejadian sedemikian sudah berlaku, adakah kita penuh cekap? Adakah kita amalkan pentadbiran yang baik dan cemerlang ataupun kita hanya menggunakan kuasa tanpa mengira apa akibatnya Tuan Yang di-Pertua?

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Sebenarnya bila saya dengar tadi lebih kepada sebagaimana Tuan Yang di-Pertua ajukan ialah soal maruah. Tetapi dalam hal ini saya rasalah, saya minta pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin selepas ini. Saya rasalah apabila mendengar penjelasan yang begitu panjang untuk empat pindaan yang saya mengikutinya dari mula, saya dapati sebenarnya kesalahan itu ditujukan kepada kakitangan kerajaan sahaja yang menggubal dan merangka undang-undang. Tetapi dalam hal ini sebenarnya apabila ada sedikit kekeliruan dalam pentafsiran ianya diserahkan kepada mahkamah, mahkamah yang membuat keputusan. Jadi dalam hal ini, pihak kerajaan tidak dapat mengawal keadaan ketika itu kerana keputusan dibuat oleh mahkamah. Tetapi hari ini apabila kerajaan sedar akan keputusan mahkamah itu, cuba menyesuaikan dan membetulkan keadaan ini supaya ia tidak berlaku lagi.

Jadi dalam hal ini bukanlah maknanya boleh dikatakan kesalahan kakitangan kerajaan sahaja. Kakitangan kerajaan sudah cuba sedaya upaya melahirkan undang-undang itu tetapi akhirnya bila ada sedikit pertikaian, dibawa ke mahkamah, mahkamah yang buat keputusan. Jadi dalam hal itu saya rasa semua pihak harus berhati-hati dalam hal ini. Jadi saya rasa amat wajar kita menyokong pindaan itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Maka menampakkan kerajaan peka dan prihatin terhadap prinsip.

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Ya Tuan Yang di-Pertua, prinsip. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, betullah ada baiknya kerana ...

Datuk William Lau Kung Hui: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Datuk William Lau Kung Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin komen sedikit tentang apa yang dikenakan *subsidiary legislation*. Tuan Yang di-Pertua, mana-mana Ahli Parlimen terutama yang mahir dalam undang-undang Perlembagaan tidak begitu gemar dengan perundangan subsidiari

Tuan Yang di-Pertua: Tidakkah ungkapan Ahli Parlimen itu juga bermakna *legislator*?

Datuk William Lau Kung Hui: Ya, *legislator* itu yang penting, *the supremacy of Parliament*, dengan izin kerana ia bukan sahaja menafikan hak meluluskan tetapi juga keistimewaan dalam menentukan undang-undang sesebuah negara kerana hak meluluskan undang-undang terletak sepenuhnya pada badan perundangan Parlimen, dengan izin. Namun melalui perundangan subsidiari yang dijalankan dengan bijaksana, badan pemerintah juga mempunyai kuasa untuk membuat undang-undang. Prinsip ini tidak betul kerana dalam negara ini, *the supremacy of Parliament* yang penting. Semua undang-undang dibuat mesti berasal daripada badan itu.

Oleh itu mana-mana pihak yang berusaha membuat undang-undang memang bercanggah?

Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar: Bercanggah.

Datuk William Lau Kung Hui: Bercanggah dengan prinsip ini. Terima kasih.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng hendak beri laluan lagi?

Tuan Hassan bin Haji Shukri: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan penjelasan dimohon di atas penjelasan kecuali Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng hendak beri laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Beri laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya ingin mendapat penjelasan kerana biasanya dalam akta yang kita bantangkan, ada memberi kuasa kepada menteri. Menteri boleh membuat peraturan-peraturan. Apakah yang dimaksudkan oleh Datuk itu apabila kita memberikan kuasa Parlimen Dewan Rakyat dan Dewan Negara memberikan kuasa kepada menteri kemudian menteri membuat peraturan-peraturan dan peraturan itu biasanya tidak dibentangkan semula kepada Parlimen sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara.

Jadi pegawai-pegawai waktu menjalankan aturan dan peraturan ini kadangkang di sinilah letaknya barangkali takrif seperti ini padahal yang dibawa ke mahkamah tadi soal takrif minyak sawit, buah kelapa sawit sahaja boleh menyebabkan pihak kerajaan tidak berjaya untuk mempertahankan diri. Benda kecil sahaja takrif buah sawit dan kelapa sawit sahaja. Mahkamah mendapati benda-benda yang lain

tidak masuk dalam takrif itu maka dengan sebab itu kerajaan kita telah kalah. Jadi itu saya hendak mohon penjelasan kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna pentakrifan terhadap *subsidiary legislation* yang terlalu longgar boleh membawa kepada masalah. Sila.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana masalah-masalah sedemikian yang wujud, maka kami di Dewan Negara ini selalunya berusaha untuk membangkitkan isu-isu demi kebaikan supaya perkara seperti ini tidak berlaku. Saya juga memuji kawan saya dari kementerian kerana telah begitu telus dan terbuka untuk menyatakan kesilapan-kesilapan yang sudah berlaku dan meminta jasa baik kami untuk memberi sokongan kepada tindakan-tindakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mahu melihat satu sikap yang terbuka oleh kerajaan dalam membincangkan masalah-masalah dan mengganggu kita di sini sebagai membantu mereka dan bukan menghalang mereka. Itu yang patut berlaku. Lebih baik kalau kita juga ada ruang untuk perundingan sebelum satu perundangan itu datang ke Parlimen. Itu bermakna kita ada input-input yang begitu baik dan begitu penting yang boleh dimasukkan dalam perundangan supaya kita di Malaysia ini dapat memajukan proses pentadbiran yang cemerlang di negara kita dan menjadi satu teladan yang penting.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan perkara ini

Tuan Yang di-Pertua: Proses pentadbiran sahaja yang cemerlang atau proses perundangan yang juga perlu dikaji?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Itu termasuk bersama. Kalau kita berkongsi beban, kita tanggung bersama, jadi kita dapat kepujian bersama. Itu bagi saya menunjukkan kerjasama yang rapat di antara kedua-dua pihak eksekutif dengan perundangan.

Datuk William Lau Kung Hui: Terima kasih Dato' Dr. Chin. Tetapi prinsip yang dikatakan Tuan Yang di-Pertua, institusi dalam negara ini, sistem demokrasi berparlimen negara kita hendak dihormati dan terjamin. Oleh itu mana-mana pihak yang berusaha *evidently trying to make law* dengan izin, tidak boleh digalakkan.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak termasuk *subsidiary legislation*?

Datuk William Lau Kung Hui: Ya.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, itulah satu perkara yang kami bincangkan dengan mendalam pada Mesyuarat CPA yang diadakan baru-baru ini di Kuala Lumpur di mana Ahli-ahli Parlimen dari banyak negara Komanwel itu datang ke Kuala Lumpur untuk membincangkan isu-isu perundangan dan nampaknya kalau dibandingkan dengan mereka itu, Malaysia sangat mundur kalau dibandingkan dengan Parlimen United Kingdom, Parlimen Kanada, Parlimen Australia dan sebagainya, nampaknya.....

Tuan Yang di-Pertua: Agaknya Yang Berhormat, Parlimen United Kingdom itu berapa usianya?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Betullah kalau kita mahu bandingkan usia kita terlalu muda, kita terlalu muda...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah ianya 900 tahun lebih?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Betul. Itu kalau dibandingkan, kita terlalu muda tetapi itu tidak memberi sebab kenapa kita tidak boleh lebih baik daripada mereka kerana kita selalu kata "*Malaysia Boleh!*", kita boleh. Jadi....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: kita tidak boleh kalau demikian.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat tertarik dengan perbincangan ataupun perbahasan yang telah dibuat oleh sahabat saya ini. Cuma saya ingin tanya sama ada Yang Berhormat setuju dengan saya kerana saya dapati sesetengah Parlimen yang saya tengok sendiri, ia ada jawatankuasa, Jawatankuasa Parlimen namanya. Misalnya dalam undang-undang,

Jawatankuasa Parlimen yang berkaitan dengan undang-undang. Sebab itu kadang-kadang Menteri biasanya dipersoalkan oleh Jawatankuasa Parlimen.

Apabila sesuatu undang-undang atau akta yang hendak dikemukakan oleh Menteri, maka dibawa dulu kepada Jawatankuasa Parlimen. Misalnya Jawatankuasa Parlimen ada lima atau enam orang bersama-sama dengan pegawai-pegawai kementerian tertentu, akan berbincang dengan Ahli-ahli Parlimen sama ada Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara, kemudian barulah undang-undang atau akta itu dibawa ke dalam Parlimen. Oleh kerana negara kita ada dua, Dewan Rakyat dan Dewan Negara, barulah bawa.

Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan cara yang demikian? Kalau setuju, bagaimana kita kena buat satu peraturanlah supaya dibolehkan penubuhan jawatankuasa yang seperti ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, memang ada perbezaan antara sistem yang diamalkan oleh kita dengan sistem-sistem yang diamalkan oleh negara-negara lain. Adalah benar bahawa banyak daripada perundangan itu di Parlimen-Parlimen negara Komanwel yang lain wujud daripada jawatankuasa-jawatankuasa yang terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen, baru Eksekutif itu melaksanakan undang-undang ini tetapi di sini sistem itu terbalik. Semua datang dari atas ke bawah.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah berada di sini selama empat tahun. Dalam empat tahun ini, sungguhpun saya telah begitu berusaha, saya tidak berjaya tukar satu perkataan pun, Tuan Yang di-Pertua. Tiap-tiap *bill* yang datang itu, saya bahaskan tetapi sampai sekarang saya tidak dapat. Kalau kita tanya semua Ahli Parlimen termasuk mereka yang menjadi *Backbenchers* sebelum naik pangkat itu, adakah mereka berjaya tukar satu perkataan pun? Tidak. Itu ialah keadaan sebenar....

Dato' Hamzah bin Zainudin: Minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Saya tertarik tentang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin bahawa beliau sudah hampir empat tahun di sini tidak dapat menukar satu perkataan pun dalam *bill* yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini.

Saya bersetuju sangat kerana sebagai satu contoh hari ini, *bill* yang kita kemukakan, *the validation of cess*. Kalau diikuti daripada keterangan ses yang di "*imposed*"kan dalam *bill* ini, izinkan saya hendak membaca sedikit, Tuan Yang di-Pertua, "...oil originating or extracted from the pericarp or the kernel of the oil palm fruit or in respect of oil in crude or processed form extracted from oil palm fruits and seeds."

Seolah-olah macam sudah penuh, sudah tidak ada lagi *oil* yang boleh kita keluarkan daripada pokok kelapa sawit ini tetapi hari ini kita terima ses, kita *imposed* kepada mereka yang mengeluarkan minyak ini dan kita buat *research* lagi, apakah ada lagi *oil* yang boleh kita *extract* daripada pokok itu? Mungkin dia punya *frond*, daun-daunnya.

Seorang Ahli: Pelepah!

Dato' Hamzah bin Zainudin: Pelepah dia. Mungkinkah daripada yang lain lagi? Jadi, ini yang kadangkala menyebabkan ianya akan timbul perkara-perkara seperti ini.

Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tentang perkara yang seperti inilah, apakah cadangan kita supaya kajian yang mendalam tentang perkataan-perkataan ini diletakkan salah satu lagi *clause* supaya Menteri boleh membuat tafsirannya tentang perubahan *bill* yang ada dalam ini. Minta pandangan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai Pengerusi FELCRA, mungkin Yang Berhormat Dato' Hamzah lebih arif tentang apa jenis minyak yang boleh dikeluarkan daripada pokok-pokok termasuk mungkin akar pun ada minyak. [*Ketawa*] Itu tidak sebut lagi. Mungkin minta FELCRA membuat penyelidikan dan kita boleh dapat tetapi ini ialah perkembangan semasa. Ini tidak menunjukkan bahawa kita ada perkembangan baru, kita tidak boleh mengadakan pindaan kepada Akta 582 untuk mengambil kira perkara-perkara semacam itu.

Saya cukup yakin bahawa MPOB dan PORIM ada mengkaji perkara ini dan kalau mereka ada produk yang baru yang boleh mengeluarkan minyak dan kita kena kutip

ses daripada penjualan minyak itu, maka betullah kita boleh ada peruntukan supaya kita meminda sekali lagi dari segi definisi minyak.

Balik kepada Akta 582 dan apa yang kita hendak pinda itu, saya telah bernasib baik kerana semasa Mesyuarat CPA itu iaitu Persatuan Ahli-ahli Parlimen Komanwel itu, saya telah membawa satu rombongan ke MPOB dan ramai daripada ahli kita juga hadir dalam rombongan itu dan termasuk tetamu-tetamu khas kita dari negara-negara Komanwel.

Apabila kita melihat perkembangan di MPOB dan juga kerja-kerja yang telah dibuat oleh PORIM, mereka semua pun sangat tertarik kepada usaha, perkembangan, kemajuan dan pencapaian MPOB setakat ini. Bagi Ahli Parlimen dari Malaysia, kami pun rasa sangat bangga atas usaha dan pencapaian yang ditunjuk oleh MPOB.

Di atas usaha itu, maka kutipan ses itu tidak menjadi satu persoalan dan tidak harus menjadi satu persoalan oleh kerana kutipan duit ini yang telah diguna untuk memajukan industri kelapa sawit, maka harga kelapa sawit itu telah meningkat sehingga RM2 ribu lebih satu tan. Ini adalah dari paras yang paling rendah iaitu RM700 satu tan sehingga RM2 ribu lebih dan ini menunjukkan bahawa dengan kemajuan yang dicapai itu, ses-ses itu patut dibayar.

Sesiapa pun tidak harus mempertikaikan usaha kerajaan untuk menggunakan duit ini untuk memajukan lagi industri kelapa sawit di negara kita dan kalau ini dijelaskan kepada syarikat yang membawa tindakan mahkamah itu dan menunjukkan kepada mereka usaha-usaha yang telah dijalankan mungkin mereka akan tarik balik kes yang dibicarakan itu.

Saya tidak tahu sama ada kementerian telah berusaha untuk mengadakan rundingan dengan pihak-pihak ini supaya masalah semacam itu tidak wujud. Atas usaha kerajaan maka pihak ini telah dapat keuntungan yang banyak kerana harga kelapa sawit pun sudah meningkat tetapi sejak bos saya meninggalkan kementerian ini, nampaknya harga sudah turun dan saya harap pihak yang berkenaan akan mengambil tindakan segera untuk mengkaji kenapa harga ini sudah turun dan memaklumkan kepada Parlimen apakah usaha-usaha yang boleh diambil oleh kita untuk menjaga kepentingan sektor ini kerana kita tahu kelapa sawit itu menjadi *golden crops* kepada Malaysia. Kita bergantung kepada hasil daripada penjualan bukan sahaja minyak tetapi juga kepada pokok yang boleh digunakan untuk berbagai-bagai usaha perindustrian dan sebagainya.

Kalau kita melawat MPOB kita sedar tentang perkembangan-perkembangan yang telah didapati oleh mereka yang telah menggunakan ses ini dengan kebijaksanaan. Apa yang kita hanya mengingatkan kementerian ialah supaya lebih berhati-hati semasa kita mengutip duit daripada sesiapa pun dan supaya kita ada perlindungan yang cukup dari segi undang-undang kerana ini bukan kali yang pertama.

Pada ingatan saya, tahun yang lalu kita ada juga satu perundangan yang dibawa ke sini untuk mendapatkan kesan *retrospective* kerana perkara itu telah dicabar dan pindaan yang diminta dari sini ialah terhadap *Private Higher Education Act* dan juga akta Lembaga Akreditasi Negara untuk menjadikan Diploma itu satu daripada aspek yang dikawal di bawah akta ini dan juga di bawah Akta LAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan akan berhati-hati tentang perkara ini supaya kita tidak dituduh oleh sesiapa pihak. Tiap-tiap kali sesuatu kes itu dibawa ke mahkamah kita balik ke Parlimen untuk mendapatkan perlindungan, itu pun tidak betul, itu tidak harus berlaku.

Hari ini saya sokong pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh kerana saya dapati kerja-kerja yang dijalankan oleh MPOB dengan menggunakan ses ini adalah baik dan membawa banyak kesan baik dan faedah kepada negara. Oleh kerana itu, saya memberi sokongan bukan saya memberi teguran tetapi saya hanya mengingatkan pihak-pihak tertentu supaya berhati-hati dan saya sekali lagi memuji kementerian di atas kesediaan mereka untuk memberitahu Dewan yang mulia ini tentang segala aspek yang telah berlaku.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong pindaan kepada Akta 582. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Hassan bin Haji Shukri.

3.46 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin turut serta membahaskan rang undang-undang pindaan ke atas Akta 582 ini. Saya cuma ingin menarik beberapa perhatian Dewan ini seperti juga yang telah diucapkan oleh sahabat saya tadi kerana pindaan yang dikemukakan kepada Dewan ini saya rasa boleh dirumuskan pertama sekali meminta supaya Dewan ini meluluskan suatu pindaan yang memberikan kuasa kepada pihak kementerian yang telah melaksanakan beberapa perkara yang sebelum ini dibuat di luar undang-undang, dibuat terdahulu daripada undang-undang yang ada. Dengan sebab itu kita pada hari ini diminta meluluskan perkara-perkara yang telah dilakukan melalui suatu undang-undang bagi memperkukuhkan ataupun bagi memperkuatkan lagi kebenaran atau kesahihan tindakan pihak kementerian.

Dengan sebab itu saya juga ingin mengingatkan apabila ada pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Dewan sama ada Ahli Dewan Rakyat ataupun Dewan Negara ini, kita harap supaya ia diambil kira ataupun sekurang-kurangnya diambil perhatian kalau-kalau ada di antara pandangan-pandangan itu yang boleh dipakai dan dimasukkan ke dalam pindaan-pindaan yang akan datang.

Kalau kita membaca satu persatu, saya mohon izin Tuan Yang di-Pertua, misalnya tentang pengesahan perundangan subsidiari akta-akta yang telah dimansuhkan. Ini juga hanya sekadar memohon supaya kita mengesahkan, perkara itu sudah berjalan, undang-undang subsidiari itu sudah dibuat dan ia sudah berjalan dan mungkin dibuat di bawah akta-akta yang dicadangkan supaya dimansuhkan.

Kemudian saya ambil sedikit pengesahan ses. Ses ini juga telah dikutip, telah dipungut. Kita bukan hendak mempersoalkan pungutan wang itu kerana ia adalah merupakan salah satu aset negara, tetapi pungutan itu janganlah sampai boleh dicabar di mahkamah dan saya juga ucap terima kasih kepada pihak Yang Berhormat Menteri yang telah membentangkan akta pindaan ini di samping menjelaskan kesulitan-kesulitan yang telah dihadapi oleh pihak yang berkenaan ketika berhadapan dengan Mahkamah Tinggi kemudian sampai ke Mahkamah Rayuan.

Mahkamah Rayuan juga mentafsirkan sebagaimana yang telah disebutkan oleh sahabat saya sehingga kita pun tidak boleh mempertahankan tafsiran itu. Maka dengan sebab itulah saya mengharapkan satu sahaja permintaan saya ialah teguran-teguran dan pandangan-pandangan daripada beberapa Ahli Dewan Negara ini diambil kira, sebagaimana kata sahabat saya tadi, selama empat tahun satu perkataan pun tidak dapat dibuat pindaan walaupun peraturan-peraturan bagi saya ada kalau kita hendak membuat pindaan-pindaan di peringkat Jawatankuasa kerana setahu saya kalau kita hendak pinda dari perkataan ke perkataan hendaklah kita buat dalam peringkat Jawatankuasa.

Tetapi kita biasanya hanya memberikan sokongan jika sekiranya setiap pindaan ke atas sesuatu akta itu dibuat untuk memperkukuhkan, untuk memperkuatkan lagi akta yang ada, untuk memperkemas lagi akta yang sudah sedia ada dan kita sedia sokong. Seperti juga pindaan ke atas Akta 582 yang dibentangkan pada hari ini saya kira tidak ada seorang pun yang tidak setuju kerana ia adalah untuk memperkemas akta yang sudah sedia ada dan untuk memperkuatkan dan memperkukuhkan lagi bahawa tindakan-tindakan yang lalu itu mungkin tidak berapa betul, kita perbetulkan hari ini.

Ini soal tanggungjawab kita akan membetulkan perkara-perkara yang tidak betul. Itu sahajalah yang saya rasa sangat dukacita dan Ahli-ahli Dewan Negara berasa ralat, kata orang Perak 'ralat'.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat bermaksud cara dan

Tuan Hassan bin Haji Shukri: *[Masih berdiri]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat. Sila duduk dahulu. Adakah Yang Berhormat bermaksud cara dan pendekatan dalam pembentangan rang undang-undang ini memungkinkan Ahli-ahli Dewan Negara menikmati rasa harga diri yang lebih sedikit.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Saya bersetuju dengan pandangan Tuan Yang di-Pertua supaya Ahli-ahli Dewan Negara ini mempunyai harga diri seperti mana yang telah dijelaskan oleh Tuan Yang di-Pertua. Maka dengan sebab itulah saya....

Tuan Yang di-Pertua: Suasana ini adalah disebabkan cara dan pendekatan dalam membentangkan rang undang-undang ini.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya telah kemukakan jika boleh hendaklah setiap undang-undang itu ada Jawatankuasa, saya lihat dengan cara itu lebih baik dan tidak ada percanggahan di antara kita apabila sudah dibincangkan di peringkat Jawatankuasa Parlimen. Tetapi oleh sebab cara kita, stail kita di sini tidak macam itu, saya mohon mencadangkan di sini, supaya kalau boleh, cara pendekatan seperti ini pun kita harus bincangkan dan mudah-mudahan kita kemukakan pada masa akan datang dalam peraturan-peraturan Dewan ini sendiri, supaya ianya dapat kita laksanakan dan saya rasa ini akan dapat mengelakkan perkara-perkara seperti yang telah dibentangkan pada hari ini, iaitu. dicabar di mahkamah, hingga Mahkamah Rayuan, mahkamah yang paling tinggi kemudian tidak juga selesai bawa ke Mahkamah Persekutuan. Saya rasa mahkamah yang paling tinggi di Malaysia ialah Mahkamah Persekutuan tetapi pihak yang berkenaan tidak dapat mempertahankan.

Hari ini diminta kita supaya mengesahkan perkara-perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua: Bermakna cara Yang Berhormat membentangkan rang undang-undang tadi memungkinkan mutu perbincangan ditingkatkan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Mungkin juga, itu pun kerana Yang Berhormat menceritakan. Kalau tidak dibentangkan, tidak diceritakan oleh Yang Berhormat Yang Berhormat yang membentangkan pindaan ke atas akta ini, mungkin perbincangan ini tidak seperti yang berlaku sekarang ini tetapi setelah diberitahu ianya dibawa ke mahkamah begitu, begini, maka jadilah perbincangan ini seperti Tuan Yang di-Pertua saksikan. Ini menunjukkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang memberangsangkan.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Memberangsangkan. Ini menunjukkan bahawa kita mempunyai rasa tanggungjawab, prihatin terhadap masalah-masalah negara. Jadi tidak timbullah di sini soal bangkang atau tidak bangkang, tidak timbul. Kita hendak mengangkat supaya negara kita ini mempunyai maruah dan Ahli-ahli Dewan Negara ini juga mempunyai maruah yang tinggi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. S. Vijayaratnam.

3.53 ptg.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga mengambil bahagian di dalam perbincangan rang undang-undang DR.5/2002. Tuan Yang di-Pertua, saya pun telah mendengar banyak hujah dari rakan-rakan saya dan di sini saya ingin menyebutkan bahawa minyak kelapa sawit adalah satu komoditi yang sangat penting untuk negara kita ini dan saya percaya ses ataupun cukai yang dikutip di atas penjualan minyak kelapa sawit sangat penting kepada ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya, apa yang telah disebut tadi, adakah ini satu *technicality*. Saya pun tidak berapa jelas atau saya pun tidak tahu sejarah akta tersebut, bila akta ini dicipta. Pada ketika itu, adakah pihak yang berkuasa tahu ada perbezaan jenis-jenis minyak yang boleh didapati daripada buah kelapa sawit. Saya masih ingat, ajaran botani saya di dalam sesuatu buah ada *pericarp*, *mesocarp* dan *endocarp*. Pada ketika itu, bila ada *intention* mengambil minyak dari buah kelapa sawit, ia merujuk kepada *mesocarp* sahaja iaitu isi, tetapi sekarang kita sudah tahu ada pula minyak yang boleh didapati dari bahagian lain buah tersebut.

Macam sahabat saya Dato' Hamzah sebut tadi, mana tahu besok boleh dapat minyak dari daun atau batangnya atau akarnya. So merujuk kepada kes di mahkamah, mahkamah ulang kepada perkataan-perkataan yang sedia ada di dalam sesuatu undang-undang dan memberi keputusannya sampai ke Mahkamah Persekutuan yang kita dengar tadi. Saya harap kita pun tidak boleh berapa *inflexible* dengan izin, bila kita berdebat satu isu macam ini, oleh sebab ini sesuatu yang boleh diubah, boleh ditukar pada masa yang akan datang. Saya harap Dewan yang mulia ini akan memberi sokongan yang penuh kepada rang undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri

Dato' Hamzah Zainudin: Minta laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Dato' Dr. S. Vijayarajnam. Saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat, cuma pandangan saya tadi tentang apa yang dikemukakan oleh Dato' Dr. Chin adalah kerana penyesuaian tentang apa yang dikemukakan kepada kita ini supaya tidak timbul ada orang yang beranggapan bahawa ada *loophole* tentang untuk tidak membayar ses. Saya hendak bagi satu contoh lagi. Apa salah kalau kita letakkan di situ atau apa-apa minyak yang dikeluarkan daripada pokok kelapa sawit yang ditafsirkan oleh Menteri sebagai contoh. Bukankah ia *complete*?

Sebagai contohlah, kalau saya hendak lari dari membayar ses, saya letak kilang kelapa sawit saya, keluarkan minyak dan dari situ saya *convert* terus kepada *biodiesel*. Ini masa depan, bukan sekarang. Jadi maknanya, dia tidak payah bayar ses kerana dia sudah *convert* daripada minyak kelapa sawit tadi terus jadi *biodiesel*. Orang bawa ini pergi ke mahkamah, apa akan terjadi? Itu maksud saya tadi. Jadi sebab itu tafsiran ini nanti boleh dibawa ke mahkamah dan dipersoalkan.

Ini yang saya kata kadang-kadang kita hendak buat cepat, betul, benda ini baik kerana kita sudah buat, sudah kutip banyak ses, sebab itu hari ini kita buat Bill ini untuk meluluskan apa yang kita dah buat, dan kita kutip ses sebelum ini. Saya bersetujulah untuk menyokong apa yang dibuat ini, tetapi maksud saya tadi, apakah ia sudah *complete* ataupun mengapa tidak beri kelonggaran supaya tafsiran ini dapat ditentukan oleh Menteri dalam membuat apa sahaja *collection* tentang ses itu tadi. Jadi apa pandangan Yang Berhormat tentang apa yang saya minta. Terima kasih.

Dato' Dr. S. Vijayarajnam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Dato' Hamzah, nampaknya saya tidak boleh memberi pandangan yang lebih oleh sebab Dato' Hamzah telah sebut semua. *You have said it all*, dengan izin. Memang berkenaan dengan *loophole*, *loophole* ini Tuan Yang di-Pertua, bukan dengan akta ini sahaja. Dalam banyak akta, undang-undang di negara kita ini, kalau mahu cari, kalau kita menyasat dengan teliti, saya percaya terdapat *loophole* di sana, sini.

Saya harap sebagaimana yang sahabat saya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin kata tadi, ini pun adalah satu pengajaran kepada kita dan oleh kerana kerajaan boleh mengutip banyak cukai melalui ses minyak kelapa sawit, kita harus menyokong pindaan ini.

Di sini juga saya ingin meminta sedikit penjelasan daripada sahabat saya Yang Berhormat iaitu apakah perkembangan penyelidikan penggunaan minyak kelapa sawit untuk membuat minyak diesel kereta dan adakah ia dipasarkan atau *commercialize*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi, ia sedikit terkeluar daripada akta ini tetapi berkenaan dengan minyak kelapa sawit juga iaitu kita sedar bahawa di Amerika Syarikat sentiasa ada kempen di mana mereka mengatakan dari segi kesihatan minyak kelapa sawit kurang baik bila dibandingkan dengan kacang soya. Apakah kempen-kempen yang dijalankan oleh Kerajaan Malaysia untuk menentang kempen ini di Amerika Syarikat.?

Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyokong Rang Undang-undang DR 5/2004. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

4.03 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Tuan Ng Lip Yong]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan ini yang telah memberi pandangan, cadangan dan yang telah mengingatkan kementerian saya supaya berhati-hati dan mengambil kira semua pandangan Ahli-ahli tentang pindaan ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Senator Hassan bin Haji Shukri, Yang Berhormat Senator Dato' S. Vijayarajnam dan juga kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat lain yang telah meminta penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kementerian saya mengakui bahawa ada kelemahan dan kesilapan di dalam akta yang sedia ada ini. Oleh sebab itu kita bawa

akta untuk pindaan. Kalau kita lihat dari segi perkembangan kes di peringkat Mahkamah Tinggi, PORIM telah menang dalam kes itu, tetapi apabila kes ini dibawa ke Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan kita kalah. Ini bermakna di antara hakim-hakim pun ada pandangan yang berbeza.

Ini adalah sedikit teknikal sebab struktur buah kelapa sawit ini merangkumi sabut, tempurung dan isi rong. Apa yang disebut dalam akta ini ialah buah dan biji tetapi oleh kerana daripada interpretasi hakim-hakim, ini tidak termasuk isi rong, kita kalah di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Ini bermakna apabila Parlimen kita meluluskan akta asal, kita menganggap ini sudah merangkumi minyak-minyak yang didapati daripada buah kelapa sawit ini tetapi kita mengakui apabila ada kesilapan, ada penjelasan yang perlu kita beri, kita mesti membetulkannya. Ini adalah tujuan pemindaan ini.

Ini juga adalah mengapa kita sangat *transparent* dan membentangkan pemindaan ini, memberitahu kepada semua Ahli-ahli Dewan yang mulia ini latar belakang tentang kes ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng di atas pujian kepada MPOB. Sebenarnya Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Chin Fook Weng pun adalah bos saya di dalam parti dan beliau adalah Tuan Speaker parti dan kalau beliau tidak bagi kebenaran saya tidak boleh berucap.

Tentang sama ada kementerian berunding dengan syarikat yang membawa kita ke mahkamah, saya dapati bahawa syarikat ini pun mengakui ia faham faedah yang didapati daripada kutipan ses dari industri tetapi mereka masih meneruskan tindakan mahkamah di atas nasihat peguam mereka.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengambil kesempatan ini memberitahu bahawa sejak kita mengutip ses ini sehingga April 2004, sejumlah RM2.5 billion telah dikutip dan hanya sebuah syarikat yang membawa kita ke mahkamah. Ini bermakna industri kelapa sawit menyokong di atas kutipan ses ini. Kalau kita lihat apa yang telah berlaku atau aktiviti-aktiviti R&D yang dibuat oleh MPOB dan sebelum itu PORIM, kita dapati hari ini misalnya *exports revenue* untuk tahun 2003, sejumlah RM27.7 billion. Untuk tahun ini kita berharap ia akan meningkat lagi. Kalau kita membandingkan *exports earning* dengan ses yang kutip ini, banyak faedah yang industri kelapa sawit daripada aktiviti-aktiviti R&D ini.

Tentang sama ada kementerian ini ada tindakan untuk mengawal harga minyak kelapa sawit, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh janji oleh sebab ini adalah salah satu komoditi antara 16 jenis minyak sayuran dan lemak. Sebagai sejenis minyak atau komoditi, harganya naik dan turun. Tetapi kalau kita tengok harga semasa ini lebih kurang RM1,600 satu tan. Ini jauh dari kos kita. Kos kita antara RM700 sampai RM800 satu tan. Ini bermakna tiap-tiap satu tan pengusaha dalam bidang ini dapat lebih kurang RM1,000 keuntungan. Ini saya tidak tahu apa jenis perniagaan lain yang kita dapat keuntungan yang seperti ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, maksud Yang Berhormat tadi setiap 1,000 tan buah kelapa sawit yang diproses ataupun 1,000 tan minyak yang dijual.

Tuan Ng Lip Yong: Itu *crude palm oil* (CPO).

Timbalan Yang di-Pertua: Minyak sawit mentah?

Tuan Ng Lip Yong: Ya. Walau bagaimanapun, harga hari ini baik walaupun sudah turun dari sebelum bulan Mei kita mencapai lebih kurang RM1,800 ke atas. Tetapi walau bagaimanapun, harga yang tinggi ini, kementerian sentiasa bersedia kalau harga ini turun. Ada banyak langkah yang kita ambil, salah satu adalah kita ada satu skim POCPA di mana kita jual minyak kepada negara-negara lain dengan kredit selama dua tahun, kredit sebelum mereka bayar balik. Ini sebenarnya adalah satu sistem pengurusan *stock management* kita, dengan izin. Kalau harga turun ke bawah RM1,000 satu tan, kita ada satu *contingency plan* juga. Kita ada satu tabung disebutkan *Burning Fund* di mana kita akan gunakan minyak untuk *convert* kepada diesel untuk digunakan oleh kenderaan-kenderaan. Ini semua adalah di bawah aktiviti-aktiviti R&D MPOB. Kita juga meningkatkan penggunaan minyak sawit untuk makanan dan bukan makanan juga.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengambil kesempatan ini memberitahu kepada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini pada minggu depan 24 Jun 2004 MPOB akan adakan satu seminar pemindahan teknologi di mana tiap-tiap tahun dalam bulan Julai MPOB mempamerkan hasil-hasil R&D. Tahun ini tidak kurang dari 40 jenis hasil R&D yang akan jadi *partner* dalam mengkomersialkan hasil-hasil itu. Saya mengalu-alukan kedatangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja perkara-perkara...

Dato' Hamzah bin Zainudin: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang menjawab tentang perbincangan kita ini. Cuma saya hendak tanya satu kemusykilan, kalau dari segi pengeluaran minyak sebagai contoh, bukan minyak kelapa sawit, bahan bakar. Kita ada OPEC, kalau harga naik ia boleh stabilkan, berbincang dan sebagainya. Sekarang ini kita takut negara jiran kita melambatkan minyak mereka di pasaran dunia yang boleh menyebabkan harga minyak kelapa sawit turun mendadak. Jadi, saya hendak tanya apakah cara kerajaan untuk menangani masalah ini sama ada kita ada pakatan atau bagaimana. Itu soalan saya. Terima kasih.

Tuan Ng Lip Yong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Hamzah. Sebenarnya kementerian kita juga ada perundingan dengan jiran kita. Selain daripada itu, kita mesti memperkuatkan R&D kita. Ini sebab boleh katalah R&D dalam bidang minyak kelapa sawit, negara kita boleh kata *number one* atau yang baik sekali dalam dunia ini. Kita mesti cari pasaran yang baru melalui Skim POCPA dan kita mesti buat R&D supaya kita dapat penggunaan minyak sawit dalam sektor-sektor lain. Ini adalah salah satu cara yang kita buat sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja yang dapat saya jawab pada petang ini. Segala pandangan yang telah pun diutarakan, kementerian saya akan ambil pertimbangan termasuk pandangan, cadangan-cadangan dari semua Ahli Yang Berhormat. Apa yang telah dikemukakan adalah untuk kepentingan rakyat dan negara kita dan juga industri kelapa sawit. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih khususnya ini adalah kali pertama saya ucap dalam Dewan yang mulia ini. Dalam satu bulan di Dewan Rakyat saya tidak dapat peluang sebab tidak ada orang hendak bangkit soalan kepada kementerian ini. Saya ucap terima kasih. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya juga turut rasa bertuah kerana di Malaysia kita dapat banyak kelapa sawit, dan kelapa sawit merupakan tumbuhan yang cukup unik, bukan sahaja minyak yang kita dapat daripada buahnya, daripada isirongnya, malah buangan daripada kilang kelapa sawit semua ini dapat digunakan untuk tujuan-tujuan yang berfaedah. Umpamanya, menjanakan elektrik menggunakan hasil buangan kilang kelapa sawit. Jadi, ini semua merupakan hasil-hasil ataupun perkara-perkara yang begitu berfaedah daripada kelapa sawit. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN
(PENGUNTUKAN SEMULA PERUNTUKAN PERBELANJAAN) 2004**

Bacaan Kali Yang Kedua

4.20 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Datuk Dr. Hilmi bin Yahya]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu, dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan penyusunan semula fungsi beberapa kementerian yang berkuat kuasa pada 27hb Mac, 2004. Penyusunan semula ini melibatkan pewujudan empat buah kementerian baru, pembubaran sebuah kementerian yang sedia ada dan 11 kementerian telah diberikan nama baru selaras dengan pemindahan masuk dan keluar fungsi tertentu di antara kementerian.

Penyusunan semula fungsi kementerian ini dibuat bertujuan untuk memperkemas lagi organisasi dan fungsi kementerian-kementerian supaya lebih fokus kepada bidang tugas masing-masing. Ini akan memudahkan tindakan-tindakan yang akan dilaksanakan dan seterusnya memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat. Misalnya Kementerian Pendidikan telah disusun semula kepada Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pendidikan Tinggi. Tindakan ini akan membolehkan Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberi fokus kepada pengajian prasekolah sehingga sekolah menengah atas, manakala Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi memberi tumpuan kepada pendidikan lepasan sekolah hingga ke peringkat pasca ijazah. Pengkhususan sebegini tentunya akan dapat meningkatkan lagi kecekapan dan keberkesanan setiap kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, empat kementerian yang baru diwujudkan adalah Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, Kementerian Pelancongan, Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Wilayah Persekutuan. Kementerian-kementerian ini telah diberi kod Maksud Bekalan yang baru dalam rang undang-undang ini iaitu B.52, B.31, B.70 dan B.71 masing-masing. Manakala B.48 - Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat telah dibubarkan.

Kementerian-kementerian yang telah disusun semula fungsinya dan diberi nama baru adalah:

- B.20 - **Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi** dulunya Kementerian Perusahaan Utama.
- B.21 - **Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani** dulunya Kementerian Pertanian;
- B.22 - **Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** dulunya Kementerian Pembangunan Luar Bandar;
- B.23 - **Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar** dulunya Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi;
- B.26 - **Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi** dulunya Kementerian Pembangunan Usahawan;

- B.29 - **Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi** dulunya Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia;
- B.30 - **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi** dulunya Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar;
- B.41 - **Kementerian Pelajaran** dulunya Kementerian Pendidikan;
- B.43 - **Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan** dulunya Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan;
- B.49 - **Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat** dulunya Kementerian Pembangunan, Wanita dan Keluarga; dan
- B.51 - **Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri** dulunya Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula ini melibatkan perpindahan program di antara kementerian. Bagi program-program yang disusun semula di bawah Maksud Bekalan yang baru, baki peruntukan program-program terlibat di kementerian lama perlu dipindahkan kepada Maksud Bekalan yang baru.

Oleh itu perkara ini perlu dibentangkan kepada Dewan yang mulia ini untuk diluluskan penyesuaian peruntukan tahun 2004 tersebut tanpa menjejaskan jumlah peruntukan yang telah diluluskan terdahulu. Apa yang berlaku hanyalah pengubahsuaian kedudukan program-program dalam Maksud-maksud Bekalan tertentu sahaja.

Selaras dengan Perkara 100 dan 101 Perlembagaan Persekutuan, maka penguntukan semula peruntukan perbelanjaan ini bagi maksud-maksud yang terlibat dibentangkan melalui Akta Perbekalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi program yang dipindah ke kementerian baru, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan waran sekatan terhadap baki peruntukan yang belum dibelanjakan sehingga 26 Mac 2004 kepada kementerian asal. Sekatan ini dilakukan di bawah Seksyen 13(iii)(b) Akta Tatacara Kewangan 1957. Jumlah peruntukan Mengurus 2004 yang disekat adalah sebanyak RM7,639,139,369. Jumlah yang sama juga telah dicadangkan untuk diperuntukkan semula kepada kementerian-kementerian yang menerima program-program tersebut.

Perincian peruntukan mengurus tahun 2004 yang disekat adalah seperti berikut:

- B.04 – Jabatan Perdana Menteri, RM31.9 juta
- B.11 - Perbendaharaan, RM19.6 juta
- B.12 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan, RM16.1 juta
- B.20 - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, RM76.9 juta
- B.21 - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, RM55.8 juta
- B.23 - Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, RM30.5 juta
- B.27 - Kementerian Kerja Raya, RM14.3 juta
- B.30 - Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, RM112.3 juta
- B.41 - Kementerian Pelajaran, RM3,893.7 juta
- B.43 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, RM7.7 juta
- B.44 - Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Warisan, RM330.5 juta

- B.48 - Kementerian Perpaduan Negara & Pembangunan Masyarakat, (yang dibubarkan), RM378.4 juta

B.51 - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, RM2,671.3 juta

Tuan Yang di-Pertua, perincian kepada cadangan Anggaran Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan Mengurus 2004 sebanyak RM7,639,139,339 yang dipohon untuk diluluskan di bawah Fasal 2 Rang Undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (i) Sebanyak RM104.6 juta bagi Maksud B.06 – Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai program Perpaduan Negara yang telah dipindahkan daripada B.48 – Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang telah dibubarkan.
- (ii) Sebanyak RM4.1 juta di bawah Maksud B.15 – Kementerian Luar Negeri bagi membiayai program Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negara yang dipindahkan daripada B.06 – Jabatan Perdana Menteri.
- (iii) Sebanyak RM8 juta untuk B.20 – Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi untuk perbelanjaan Program Jemaah Pemasaran Lada Hitam yang dipindahkan daripada B.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.
- (iv) Sebanyak RM237 juta untuk Maksud B.23 – Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar untuk perbelanjaan seperti berikut:
 - sebanyak RM15.2 juta untuk membiayai Program Perhutanan yang dipindahkan daripada B.20 – Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi ;
 - sebanyak RM35.8 juta untuk Program Jabatan Mineral dan Geosains yang dipindahkan daripada B.20 – Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi ;
 - sebanyak RM112.3 juta untuk program Pemuliharaan dan Pengurusan Alam Sekitar yang dipindahkan daripada B.30 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi;
 - sebanyak RM2.3 juta untuk perbelanjaan Program Institusi Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NARIM) yang dipindahkan daripada B.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
 - sebanyak RM45.5 juta untuk perbelanjaan Program Pengairan dan Saliran yang dipindahkan daripada B.21 – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani;
 - sebanyak RM25.9 juta untuk perbelanjaan Program Lembaga Penyelidikan dan Pembangunan Perhutanan Malaysia (FRIM) yang dipindahkan daripada B.20 – Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.
- (v) Sebanyak RM30.5 juta di bawah Maksud B.26 – Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk membiayai program Jabatan Pembangunan Koperasi yang dipindahkan daripada B.23 – Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar;
- (vi) Sebanyak RM22 juta di bawah Maksud B.29 – Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi untuk perbelanjaan berikut:
 - sebanyak RM7.7 juta untuk perbelanjaan Program Perkhidmatan Pembedugan yang dipindahkan daripada B.43 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
 - sebanyak RM2.5 juta untuk perbelanjaan Program Bekalan Air yang dipindahkan daripada B.27 – Kementerian Kerja Raya; dan

- sebanyak RM11.8 juta untuk membiayai Program Cawangan Bekalan Air Wilayah Persekutuan Labuan yang dipindahkan daripada B.27 – Kementerian Kerja Raya.
- (vii) Sebanyak RM17.4 juta di bawah B.30 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi untuk perbelanjaan program-program yang dipindahkan daripada B.06 – Jabatan Perdana Menteri seperti berikut:
- sebanyak RM1.3 juta untuk perbelanjaan Program Penasihat Sains;
 - sebanyak RM16.1 juta untuk perbelanjaan Program *Multimedia Development Corporation Sdn.Bhd. (MDC)*.
- (viii) Sebanyak RM330.5 juta di bawah Maksud B.31 – Kementerian Pelancongan untuk perbelanjaan program-program yang dipindahkan daripada B.44 – Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan seperti berikut:
- sebanyak RM28.2 juta untuk membiayai Program Pelancongan;
 - sebanyak RM302.3 juta untuk Program Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.
- (ix) Sebanyak RM273.8 juta di bawah Maksud B.49 - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk perbelanjaan Program Kebajikan Masyarakat yang dipindahkan daripada B.48 – Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat yang telah dibubarkan;
- (x) Sebanyak RM2,671.2 juta di bawah Maksud B.52 – Kementerian Keselamatan Dalam Negeri untuk perbelanjaan program-program yang dipindahkan daripada B.51 – Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri seperti berikut:-
- sebanyak RM33.2 juta untuk perbelanjaan Program Pengurusan;
 - sebanyak RM2,310.8 juta untuk perbelanjaan Program Polis Diraja Malaysia;
 - sebanyak RM27.9 juta untuk perbelanjaan Program Perkhidmatan Pertahanan Awam;
 - sebanyak RM65.8 juta untuk perbelanjaan Program Antidadah Kebangsaan;
 - sebanyak RM221.8 juta untuk perbelanjaan Program Penjara; dan
 - sebanyak RM11.7 juta untuk perbelanjaan di bawah *One-Off*.
- (xi) Sebanyak RM3,893.7 juta di bawah Maksud B.70 – Kementerian Pengajian Tinggi diperlukan bagi membiayai perbelanjaan program-program yang dipindahkan daripada B.41 – Kementerian Pelajaran seperti berikut:
- sebanyak RM28.9 juta untuk Program Pendidikan Tinggi;
 - sebanyak RM9.5 juta untuk Program Jabatan Pendidikan Swasta;
 - sebanyak RM3,572.1 juta untuk Program Pengurusan Institut Pengajian Tinggi Awam;

- sebanyak RM6.4 juta untuk Program Lembaga Akreditasi Negara (LAN);
 - sebanyak RM14 juta untuk Program Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional;
 - sebanyak RM262.8 juta untuk Program Pendidikan Teknikal.
- (xii) Sebanyak RM46.2 juta di bawah Maksud B.71 – Kementerian Wilayah Persekutuan untuk perbelanjaan berikut:
- sebanyak RM15.4 juta untuk membiayai Program Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan yang dipindahkan daripada B.06 – Jabatan Perdana Menteri;
 - sebanyak RM11.2 juta untuk perbelanjaan Perbadanan Putrajaya yang dipindahkan daripada B.06 – Jabatan Perdana Menteri; dan
 - sebanyak RM19.6 juta untuk perbelanjaan Perbadanan Labuan yang dipindahkan daripada B.11 – Perbendaharaan.

Penjelasan lanjut mengenai penyesuaian peruntukan bagi Akta Perbekalan (Pengutukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2004 adalah seperti dalam penyata anggaran yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31 Tahun 2004 dan dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 31A Tahun 2004. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-Undang bernama suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk sebahagian daripada tahun 2004 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

4.39 ptg.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana dibenar untuk membahaskan cadangan seperti yang dibentangkan tadi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan. Pada permulaan, saya ingin menyatakan bahawa saya perhatikan tidak ada permohonan baru. Ini jarang berlaku, tidak ada permohonan baru. Apa yang telah dibuat ialah duit daripada kementerian-kementerian yang telah diagihkan pada tahun lalu semasa kita membahaskan belanjawan itu telah dibekukan dan telah diguna semula untuk kementerian-kementerian yang baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada trend yang baru ini akan berterusan. Bolehkah kita mendapat sedikit jaminan daripada kementerian supaya apabila kita merancang belanjawan pada permulaan maka itu sahajalah kecuali ada perkara-perkara yang luar biasa yang berlaku dan tidak dapat dirancang dengan lebih awal dan oleh kerana itu maka memerlukan perbelanjaan tambahan.

Ini adalah satu perkara yang saya sangat memuji dalam perbahasan kali ini kerana sejak saya berada di Dewan yang mulia ini, ini adalah pertama kali kita membahaskan satu Rang Undang-undang Perbekalan yang tidak meminta duit tambahan. Ini hanya mengagihkan semula duit-duit yang telah diperuntukkan pada permulaan iaitu semasa kita membahaskan bajet pada tahun yang lalu iaitu pada bulan November dan Disember tahun 2003. Ini mungkin juga selaras dengan perjanjian yang diberikan oleh Menteri Kewangan sendiri iaitu Menteri Kewangan Pertama yang menyatakan bahawa memandangkan defisit dalam negara kita yang begitu tinggi, kita harus mengambil tindakan untuk mengurangkan defisit ini supaya kita tidak sampai ke satu tahap berbahaya dalam pengurusan kewangan negara kita.

Selain daripada tidak memohon peruntukan baru, bolehkah saya tahu apakah langkah-langkah yang telah dicadangkan dan akan dilaksanakan untuk menjamin bahawa apa yang diumumkan oleh Menteri itu akan dilaksanakan. Pagi ini saya telah bertanya dalam soalan ke-13 saya tentang perkara ini tetapi malangnya tidak sempat sampai ke soalan 13. Bila sampai ke soalan 11 sudah habis masa untuk soal jawab, tetapi saya ada jawapan bertulis daripada kementerian.

Selain daripada itu, bolehkah kementerian juga memberitahu apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan bahawa setiap daripada peruntukan kita itu digunakan dengan bijaksana dan juga tidak akan timbul projek-projek yang memerlukan banyak perbelanjaan. Kebelakangan ini kita melihat bahawa satu projek sistem *double tracking* itu telah dikaji semula untuk memastikan kesesuaiannya sungguhpun ada MoU-MoU yang telah dipersetujui di antara kerajaan kita dengan syarikat yang akan diberi projek itu. Ini memang menunjukkan semangat baru kerajaan untuk mengawasi duit-duit yang akan dibelanjakan oleh kerajaan.

Jadi, saya berharap dasar sedemikian akan diteruskan bukan sahaja dalam tahun ini tetapi ke tahun-tahun yang akan datang. Kita mesti berbelanja mengikut kesanggupan kita dan juga kebolehan kita dan kita jangan membelanjakan duit-duit yang belum ada lagi. Dahulu kita ada satu rancangan yang dipanggil Rancangan Perancangan iaitu kita mahu belanja dan belanja tanpa mengira apa akibatnya kerana belanja lebih bermakna kita akan memberi rangsangan kepada ekonomi dan diharapkan pertumbuhan dengan lebih baik.

Kebelakangan ini saya tidak membaca lagi tentang skim sedemikian dan mungkin dasar yang diamalkan pada ketika itu juga disimpan buat sementara waktu. Bolehkah kita mendapat penjelasan tentang perkara ini sama ada itu telah dikaji semula dan didapati keadaan sekarang mungkin tidak begitu sesuai ataupun usaha-usaha kami pada tahun-tahun yang lalu itu tidak membawa faedah dan kesan baik seperti yang diharapkan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kerajaan yang baru dipilih ini telah mendapat mandat yang begitu besar maka dari segi usaha untuk membetulkan keadaan untuk memperkenalkan dasar-dasar baru dan juga amalan-amalan yang lebih cekap, lebih telus dan lebih cemerlang itu, maka saya berharap kerajaan tidak akan kehilangan peluang itu kerana sokongan yang begitu padat dan begitu baik. Saya berharap akan menggunakan peluang ini untuk memperbaiki keadaan-keadaan yang tidak begitu baik dalam negara kita, khasnya dalam pengurusan kewangan negara.

Saya sering kali telah membangkitkan bahawa apabila kita menimbangkan peruntukan tambahan maka amaun yang dipohon itu begitu besar kalau dibandingkan dengan amaun asal. Jadi, sama ada kita tidak merancang dengan baik ataupun kita telah tersilap merancang dan setiap kali kita meminta lebih, kita dapat, adakah itu satu amalan yang patut digalakkan.

Dari rang undang-undang yang di hadapan kita pada hari ini saya dapati tidak ada permohonan baru, hanya pengagihan semula. Jadi, ini adalah satu perkembangan baru yang saya sangat mengalu-alukan sungguhpun mungkin pada bulan Julai ada satu lagi tambahan yang akan meminta peruntukan tambahan, mungkin kita tunggulah apabila sampai masa itu, kerana itu pun tidak jauh masanya dari sekarang. Biasanya duit itu sudah dibelanjakan, kita diminta meluluskan selepas ianya dibelanjakan di atas desakan-desakan tertentu dan kejadian-kejadian yang tidak dapat diawasi dan sebagainya dan baru datang ke sini.

Tetapi kalau kita merancang dengan baik, tentu permohonan selepas perancangan yang pertama itu tidak begitu besar jika dibandingkan dengan permintaan asal, tetapi kita dapati kerap kali permohonan yang datang itu, permohonan yang baru itu amaunnya begitu besar, lebih kurang sehingga 30%-40% dan ada juga 50% daripada peruntukan asal. Jadi, dari segi perancangan kewangan maka itu menimbulkan masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memberi pendapat saya, ada beberapa tajuk yang telah disebutkan itu. Yang pertama ialah tentang wujudnya Kementerian Wilayah Persekutuan di bawah B.71. Apabila kita melihat wujudnya satu kementerian yang baru yang diberi tugas menjaga kepentingan Kuala Lumpur, Labuan dan juga Putrajaya, saya sangat tertarik kepada usaha kerajaan untuk menjaga kepentingan ketiga-tiga wilayah ini.

Saya juga perhatikan apabila kita melawat Putrajaya, maka satu daripada masalah yang besar ialah pengangkutan awam. Tuan Yang di-Pertua, sekarang sudah wujudnya satu Kementerian Wilayah Persekutuan, dengan Menteri sendiri, Yang Berhormat bekas Menteri Besar Negeri Sembilan telah dilantik menjadi Menteri Wilayah Persekutuan, bekas Ahli Dewan Negara kita Yang Berhormat Yew Teong Look juga dilantik sebagai Setiausaha Parlimen.

Apakah rancangan mereka untuk memperbaiki keadaan di Putrajaya? Apabila saya membaca dalam surat khabar bahawa projek monorel di Putrajaya telah dibatalkan kerana masalah kewangan, saya kurang faham mengapa dalam perancangan satu wilayah yang begitu penting, kerana ia menjadi nadi pentadbiran kerajaan tetapi sukar bagi rakyat ke sana untuk mendapat perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya datang dari Pulau Pinang dengan kapal terbang, saya kena belanja lebih kurang RM80 untuk naik teksi ke Putrajaya. Kalau saya guna ERL, saya boleh turun di stesen sana, tetapi kalau saya turun di sana, saya tunggu teksi pun sukar bagi saya mendapat teksi.

Kalau saya ingin menggunakan perkhidmatan bas, juga ada masalah kerana bas-bas yang memberi perkhidmatan di tempat itu, pada tinjauan saya tidak mencukupi. Kita ada janji daripada, mungkin Perbadanan Putrajaya, yang menyatakan mereka akan memperbaiki perkhidmatan bas awam di Putrajaya, tetapi kalau kita tanya pegawai-pegawai yang ada bertugas di sana, sama ada senang atau susah bagi mereka mengunjungi jabatan-jabatan, kalau tidak ada kereta jabatan atau tidak ada kereta sendiri, bagaimana mereka dapat menghadiri mesyuarat dan sebagainya.

Kalau kita lihat keadaan untuk rakyat jelata, maka ini sangat susah. Tukang kayu saya, pada bulan yang lalu kena ke Putrajaya untuk menguruskan sesuatu hal. Dia datang dari Pulau Pinang dan kena cari teksi untuk ke Putrajaya dan teksi itu selepas beberapa perundingan, setuju membawanya ke sana dan memerlukan RM80 untuk tambang, dan pemandu teksi itu berjanji akan menunggu satu jam, kalau selepas satu jam akan caj lebih.

Dalam masa itu tidak dapat habiskan urusan, hendak cari hotel di sana semua hotel itu lima bintang, keluar daripada kesanggupan orang ini untuk menginap satu malam di sana, dan dia kena balik ke Kuala Lumpur, cari satu hotel yang murah dan esok pagi balik sekali lagi ke Putrajaya untuk menghabiskan urusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sungguhpun kita ada satu Wilayah Persekutuan Putrajaya yang begitu canggih, cantik dan sebagainya, tetapi sama ada dia bermesra rakyat, sama ada orang awam itu dapat menguruskan sesuatu dengan Kementerian itu dengan senang. Saya minta supaya bila ditubuhkan Kementerian Wilayah Persekutuan itu, maka kita kena melihat keadaan sedemikian.

Di Kuala Lumpur sekarang kita tidak menghadapi masalah yang begitu besar, kita ada tiga jenis LRT, Monorel, PUTRA dan juga STAR, kita ada komuter, kita ada bas-bas, kita ada teksi dan sebagainya, dan untuk mengunjungi jabatan-jabatan dan juga kementerian-kementerian, itu tidak menjadi satu masalah yang besar. Tetapi di Putrajaya susahlah bagi rakyat jelata ke sana dan kian lama, kian banyak kementerian akan dipindah ke sana. Kalau kita tidak mengatasi masalah ini, maka adalah lebih rumit bagi sesiapa untuk menguruskan hal pentadbiran dengan jabatan-jabatan kerajaan.

Saya berharap satu langkah yang positif akan diambil untuk mengatasi masalah ini. Apabila saya membawa rombongan, Ahli-ahli Parlimen dari negara Komanwel mengunjungi Putrajaya, makan malam di Kelab Putrajaya itu, mengadakan *cruise* dalam tasik itu, maka mereka dapati begitu canggih, semua begitu baik, tetapi nampaknya sedikit sahaja orang yang ada di tempat itu. Adakah kerajaan mengkaji kesusahannya untuk orang kita ke sana untuk mendapatkan perkhidmatan-perkhidmatan yang diperlukan, kerana ini melibatkan kepentingan mereka ataupun mereka kena ke sana untuk memohon lesen dan sebagainya.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Sila Yang Berhormat.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya Dato' Dr. Chin Fook Weng. Saya pun berminat sedikit tentang *cruise* ataupun layaran di tasik Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita baca dalam surat khabar bahawa di tasik itu juga atau tasik sebelah ada banyak membuang sampah-sarap dan saya rasa ini pun satu benda yang tidak berapa baik untuk imej ibu kota negara kita. Saya ingin minta penjelasan daripada Dr. Chin, macam mana kita akan mengatasi masalah membuang sampah-sarap merata-rata bukan sahaja di Putrajaya tetapi di banyak tempat di negara kita ini? Sekian.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tuan Yang di-Pertua, semasa saya mengadakan pelayaran dalam tasik itu nampak semua bersihlah. Mungkin itu kerana rombongan yang datang itu ialah rombongan daripada negara-negara Komanwel dan juga mereka adalah Ahli-ahli Parlimen dan juga Dewan-dewan Undangan Negeri. Dan sebelum itu mungkin telah dibersihkan

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat ada dalam *cruise* pada waktu siang ataupun waktu malam?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Kami ke sana pada waktu siang. Selepas pelayaran dalam tasik itu maka sudah sampai masa makan malam dan kita singgah di Kelab Putrajaya itu dan saya telah menaiki menara itu untuk melihat kawasan sekeliling cukup cantik, cukup canggih, cukup baik.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak nampak sampah?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Tidak nampak sampah pada masa itu dan mungkin mereka sudah tahu bahawa rombongan VIP ini akan datang dan dibawa oleh seorang Ahli Dewan Negara, jadi, mungkin kita diberi penghormatan dan tasik itu dibersihkan semasa lawatan. Tetapi saya harap setiap masa kerana Kementerian Wilayah Persekutuan itu menjadi penjaga utama kepada tiga wilayah yang penting iaitu Kuala Lumpur, Putrajaya dan juga Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Labuan juga diberi peruntukan yang begitu besar untuk memajukan tetapi kalau kita kaji sama ada Labuan itu telah menyumbang banyak pendapatan kepada tabung kerajaan, saya tidak tahulah sama ada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh kerajaan ke Labuan itu betul-betul berfaedah dan telah membawa pulangan yang baik kepada kerajaan. Ini juga satu perkara yang harus dikaji dengan teliti oleh Kementerian Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi peruntukan semula yang saya ingin menyentuh ialah tentang institusi diplomasi dan hubungan luar negara yang telah dipinda dari Jabatan Perdana Menteri ke Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita diberitahu sedikit tentang institusi diplomasi dan hubungan luar negara ini, kerana baru-baru ini saya juga menimbulkan masalah tentang dasar-dasar kita terhadap negara-negara lain dan juga perhubungan kita dengan negara-negara ini. Dan mungkin institusi diplomasi dan hubungan luar negara ini diwujudkan kerana ia boleh memainkan satu peranan yang penting dalam memberi latihan dan sebagainya kepada diplomat-diplomat Malaysia.

Peruntukan yang dimaksudkan hanya RM4,026,916. Adakah institusi ini dapat memberikan latihan-latihan yang mencukupi kepada diplomat kita supaya mereka betul-betul boleh memainkan satu peranan yang lebih pro-aktif dan lebih berkesan semasa bertugas di negara-negara luar. Dari segi kefasihan dalam bahasa dan sebagainya kita sekarang telah mempergiatkan kefasihan dan kefasihan dalam bahasa Inggeris dan juga adakah institusi ini mengadakan pegawai-pegawai yang betul-betul boleh bertugas di Republic of China yang mana banyak daripada negara-negara lain sekarang ke sana oleh kerana kemajuan yang dicapai dan juga peluang-peluang yang wujud di sana.

Adakah mereka yang menjadi pelatih di institusi ini daripada semua bangsa dan bolehkah kita dapat sedikit pecahan tentang berapa jumlah kakitangan dan bagaimana mereka diberi fungsinya dan akibatnya apakah akan terjadi kepada institusi ini di bawah Kementerian Luar Negeri? Bagi saya ini adalah satu pindaan yang sesuai kerana dari Jabatan Perdana Menteri sekarang sudah khas ke satu kementerian yang diberi tugas khas iaitu Kementerian Luar Negeri yang akan merapatkan hubungan negara kita dengan negara-negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, satu pindaan yang saya ada sedikit kebimbangan ialah tentang cadangan untuk membubarkan kementerian yang diberi tugas perpaduan negara dan juga pembangunan masyarakat iaitu Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ada sebahagian daripada kementerian ini telah ditugaskan

di bawah Perdana Menteri. Beliau telah melantik seorang menteri baru iaitu Yang Berhormat Dato' Dr. Maximus Johnity Ongkili untuk mengetuai kementerian ini. Satu bahagian iaitu Pembangunan Masyarakat telah dipindah ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kalau kita melihat peruntukan yang ada pada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sekarang dan tugas yang baru yang dipindah daripada kementerian yang telah dibubarkan itu, kita dapat satu perbezaan yang jauh beza, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bimbang sama ada dengan bebanan yang begitu besar kepada kementerian ini sama ada mereka mencukupi pegawai dan juga pemimpin-pemimpin untuk menjaga kepentingan pembangunan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, yang asal hanya sedikit, tetapi yang dipindah kepada kementerian ini adalah banyak. Kalau kita lihat pada permulaan dan sekarang, sekarang jumlah peruntukan ialah RM273.8 juta setelah dipindah ke kementerian ini untuk pembangunan masyarakat. Kementerian ini diberi tiga tugas yang penting iaitu menjaga kepentingan wanita, menjaga kepentingan keluarga dan juga menjaga kepentingan masyarakat. Kita telah mencadangkan bahawa, menjaga kepentingan bapa juga.

Kalau kita memberi empat tugas kepada kementerian ini, kementerian ini di bawah seorang pemimpin yang berasal dari Pulau Pinang dan saya tidak tahu sama ada pindaan yang dicadangkan itu akan menjaga kepentingan pembangunan masyarakat. Ini kerana, pada masa yang lalu, sebelum pindaan dibuat, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menjadi satu usaha di bawah satu kementerian dan lebih fokus kepada kedua-dua negara ini. Perpaduan negara menjadi satu perkara yang sering kali dibicarakan di Dewan yang mulia ini dan juga di luar. Banyak usaha telah ditumpukan kepada perpaduan negara.

Tetapi sekarang bidang kuasa ini sudah dipindah kepada Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan beliau telah menamakan seorang Menteri. Sungguhpun latar belakang Menteri ini untuk usaha perpaduan negara, saya nampak adalah sangat sesuai. Dr. Maximus Johnity Ongkili ini orang Sabah, dia adalah Timbalan Presiden PBS dan dia selalu mengambil berat tentang perpaduan negara dan sebagainya. Tetapi oleh kerana perpaduan negara hanya satu daripada aspek di bawah satu kementerian yang begitu besar iaitu JPM, setahu kita JPM yang ada paling ramai Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan sebagainya dan semua itu diletakkan di bawah Perdana Menteri sendiri.

Saya berharap kerajaan akan mengkaji kedua-dua pindaan ini. Satu fungsi dipindah kepada JPM, satu fungsi dipindah ke Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, untuk melihat sama ada daripada hasrat kita untuk memupuk perpaduan negara, sama ada ini lebih sesuai, lebih berkesan atau telah dicairkan (*dilute*) usaha kita, kerana pindaan sedemikian.

Saya membangkitkan perkara ini kerana ini merupakan kementerian yang begitu penting dalam negara kita, tetapi baru-baru ini telah dibubarkan dan suatu fungsi diberi kepada satu kementerian yang dulunya begitu kecil, tetapi sekarang kena tanggung bebanan yang begitu berat, tanpa tugas pembangunan masyarakat dan juga JPM yang mana Menteri-menteri di JPM ialah Menteri tanpa portfolio, Menteri di Jabatan Perdana Menteri diberi tugas-tugas dari masa ke semasa untuk menjaga hal-hal yang mungkin timbul pada ketika itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap satu kajian yang lebih mendalam akan diadakan terhadap perkembangan ini dan kalau didapati lebih sesuai, mungkin wujud semula Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, ini adalah satu perkara yang sangat penting kerana sejak kita mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 sehingga sekarang, kita masih membincangkan hal-hal perpaduan, hal-hal pembangunan masyarakat, hal-hal kemiskinan dan sebagainya. Sehingga sekarang, nampaknya jauh daripada mencapai apa hasrat yang kita ada di dalam perkara-perkara sedemikian.

Jadi, saya berharap satu kajian yang teliti diadakan, mungkin minta Ketua Setiausaha Negara untuk mengkaji perkara ini, bersama-sama dengan Ketua-ketua Setiausaha yang berkenaan, supaya mencari satu penyelesaian bagi menentukan usaha di dalam dua sektor ini tidak membawa sebarang masalah daripada segi ingin mencapai hasrat kita.

Tuan Yang di-Pertua, seperti contoh yang baik, kita sekarang sudah wujudkan satu kementerian yang dinamakan Kementerian Pelancongan iaitu B.31. Kementerian ini hanya diberi satu tugas iaitu pelancongan. Dahulu, ia di bawah kementerian yang ada kebudayaan dan kesenian tetapi sekarang hanya memberi perhatian kepada pelancongan dan mereka juga diberi satu belanjawan yang besar iaitu RM330.5 juta dipindahkan ke kementerian ini untuk digunakan oleh Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu amaun besar untuk dibelanjakan oleh sebuah lembaga. Rancangan-rancangan yang mereka ingin melaksanakan itu, saya berharap betul-betul akan membawa hasil, kerana kita membelanjakan begitu banyak duit untuk menggalakkan pelancong itu datang ke Malaysia dan kalau ini tidak memberi kesan yang baik, maka usaha kita sia-sia sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta bahawa satu kawalan atau satu kawal selia yang lebih rapat diadakan tentang usaha lembaga ini bagaimana mereka akan membelanjakan duit yang sebanyak RM302.3 juta itu yang khas bagi Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia. Kalau mereka hanya mengaturkan banyak lawatan rombongan-rombongan kita dari Malaysia ke luar negeri untuk memberitahu pelancong-pelancong begitu baik Malaysia dan sebagainya serta menjemput orang-orang ini datang, kita kena kaji sama ada usaha sedemikian boleh membawa lagi pelancong ke Malaysia dan boleh menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat dan yang lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kementerian yang saya ingin sentuh ialah di bawah B.29 iaitu kementerian yang baru, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi. Di bawah kementerian ini, perkhidmatan pemetungan telah dipindahkan dan amaun peruntukan yang dicadangkan ialah sebanyak RM7.7 juta. Dengan adanya pemetungan bersama air, kerana kadar yang ditetapkan oleh IWK sekarang untuk membayar perkhidmatan pemetungan ada kaitan dengan air. Kalau kita guna lebih air maka bil itu lebih tinggi. Bolehkah kementerian ini mengkaji semula cara untuk memberi perkhidmatan pemetungan ini dan sama ada sejak kerajaan mengambil alih tugas IWK itu, adakah perkembangan yang lebih baik?

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun kebelakangan ini tunggakan-tunggakan daripada pembayar-pembayar perkhidmatan pemetungan itu mungkin sudah dikurangkan, tetapi saya dengar masih ada masalah-masalah yang belum lagi diselesaikan.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato'.

Dato' Dr. S. Vijayaratnam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Dato' Dr. Chin di atas laluan yang diberikan. Tadi Yang Berhormat Dato' Dr. Chin ada menyentuh perkara IWK. Pada satu ketika dahulu ataupun pada masa dahulu, tiap-tiap penghuni rumah membayar cukai pintu kepada pihak kerajaan tempatan. Fahaman saya ialah cukai pintu tersebut adalah termasuk pembayaran untuk kutip sampah, untuk bersihkan keliling rumah oleh pihak kerajaan tempatan seperti potong rumput, buat jalan, longkang dan sebagainya serta untuk pemetungan najis.

Sekarang, kita kena bayar kepada pihak IWK pula untuk pemetungan najis, tetapi kadar cukai pintu itu tidak kurang oleh kerana ini satu bahagian yang sudah diambil oleh IWK. Apa pandangan Dato' Dr. Chin?

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, setahu saya apabila IWK itu diswastakan, yang pertama ialah kerajaan telah memutuskan bahawa pemetungan itu diswastakan dan diberi kepada satu syarikat IWK dan akibat daripada itu, maka kerajaan-kerajaan tempatan enggan mengutip bayaran pemetungan itu bersama dengan bil-bil lain seperti cukai pintu ataupun di tempat-tempat tertentu, maka pihak berkuasa air yang mengutip bayaran ini bagi pihak kerajaan tempatan, tetapi oleh kerana apabila ini sudah diberi kepada satu syarikat swasta, maka semua pihak ini tidak mahu menguruskan perkara ini dan meminta mereka kutip sendiri. Akibat daripada itu, maka apabila bil air itu tidak dibayar, mereka boleh potong bekalan tetapi bila bayaran pemetungan itu tidak dijelaskan, maka tidak ada tindakan yang boleh diambil. Itu adalah satu daripada masalah.

Saya berharap dengan wujudnya air dan juga pembedungan di bawah Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi ini maka perkara ini akan diberi perhatian. Dahulu apabila bil-bil termasuk pembedungan tidak dibayar kerana ini masuk dengan bil air, maka bekalan air juga dipotong kerana dianggap bil itu tidak dijelaskan. Dia tidak kira apa *item* dalam bil itu, tetapi selepas pembedungan itu diswastakan maka IWK diminta kutip sendiri tetapi oleh kerana masalah-masalah IWK sendiri, maka kerajaan kena campur tangan menyelamatkan keadaan dan akhirnya telah mengambil alih tugas ini.

Mungkin juga ini akan berlaku kepada kutipan sampah Tuan Yang di-Pertua kerana bila Alam Flora itu kerajaan swastakan dalam beberapa zon; zon utara satu syarikat, zon tengah kepada Alam Flora, zon selatan kepada satu lagi syarikat iaitu *Southern Waste* dan zon timur dicadangkan kepada MMC dan sebagainya. Apabila ini dilaksanakan dan selepas syarikat-syarikat ini menghadapi masalah, maka kerajaan telah masuk untuk menyelamatkan keadaan kerana kebersihan adalah satu perkara yang begitu penting Tuan Yang di-Pertua.

Oleh kerana itu saya berharap dengan adanya pembedungan di bawah kementerian yang juga menjaga air, maka perkara ini akan diberi sedikit pertimbangan supaya masalah tunggakan ini dapat diselesaikan dengan satu cara yang munasabah. Mungkin juga Tuan Yang di-Pertua, kita minta supaya kadar pembayaran untuk perkhidmatan pembedungan itu dikaji semula kerana di bawah satu kementerian yang juga menjaga air kerana kedua-dua urusan ini ada kaitan yang rapat.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyentuh tentang perpaduan rakyat dan saya minta Menteri dan kementerian berkenaan supaya mengkaji beberapa isu yang penting, yang sekarang ini membahagikan perpaduan rakyat. Dari segi banyak perkara yang berlaku, maka ini menjadi satu hal atau satu isu yang besar. Kalau kita mengkaji keadaan yang wujud, mengapa pada ketika ini selepas kita mencapai kemerdekaan begitu lama, masih ada pembahagian-pembahagian tertentu di antara kalangan rakyat kita, kita mesti memahami bahawa banyak lagi isu yang wujud seperti peluang pekerjaan, peluang pendidikan, peluang mendapat biasiswa, meritokrasi dan isu-isu lain.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang bila diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, JPM harus memberi perhatian kerana banyak perkara yang dianggap penting sekarang ini dipindah kepada JPM supaya mungkin dapat perhatian Perdana Menteri sendiri tetapi seperti saya katakan tadi, oleh kerana saiz kementerian ini, maka mungkin ada masalah dari segi pengawalseliaan dan tugas-tugas yang begitu luas dalam JPM yang dirombak semula dengan memasukkan beberapa fungsi baru dan juga dikeluarkan beberapa fungsi yang mungkin tidak begitu sesuai lagi ditempatkan di Jabatan Perdana Menteri, oleh kerana mungkin sudah wujud kementerian-kementerian baru sebagai contoh Wilayah Persekutuan ataupun Pelancongan dan sebagainya, jadi ada pengagihan semula dan juga institusi diplomasi dan hubungan luar yang saya bahaskan tadi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Saya sambung besok.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tangguhkan Dewan pada petang ini dan mesyuarat kita akan bersambung pada pukul 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.33 petang.